# PENEROKAAN SENI GRAFITI DALAM MEMBANTU MENGURANGKAN GANGGUAN EMOSI MURID SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR

Universiti Malaya

CHAN MIN XUAN

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2023

PENEROKAAN SENI GRAFITI DALAM MEMBANTU MENGURANGKAN GANGGUAN EMOSI MURID SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR

CHAN MIN XUAN

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SENI VISUAL)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITY MALAYA
KUALA LUMPUR

2023

Universiti Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: CHAN MIN XUAN

No. Matrik: 17198491/1

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSV)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"): PENEROKAAN SENI GRAFITI DALAM MEMBANTU MENGURANGKAN GANGGUAN EMOSI MURID SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa- apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon                                        Tarikh: 14 OGOS 2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi                                        Tarikh: 14 OGOS 2023

Nama:
Jawatan:

Universiti Malaya

**PENEROKAAN SENI GRAFITI DALAM MEMBANTU MENGURANGKAN GANGGUAN EMOSI MURID SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR**

Emosi dalam diri seseorang murid merupakan elemen yang penting bagi mewujudkan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berkesan. Namun didapati semakin ramai murid sekolah rendah yang menghadapi masalah gangguan emosi kerana masalah peribadi, masalah keluarga, masalah rakan dan media sosial serta masalah guru dan sekolah sehinggakan guru perlu memikirkan solusi untuk membantu mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid sekolah rendah di Kuala Lumpur. Secara khususnya, kajian mencadangkan reka bentuk seni grafiti sekolah rendah, proses penghasilan dan implementasi seni grafiti terhadap emosi murid. Kajian berbentuk kualitatif telah dijalankan di sebuah sekolah rendah dengan melibatkan empat orang murid. Peserta kajian dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan prestasi dalam kelas dan ujian minda sihat. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data kajian dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan reka bentuk seni grafiti yang digunakan oleh murid sekolah rendah ialah reka bentuk huruf dan gabungan. Pemilihan adalah berdasarkan kefahaman dan kebolehan mereka dalam seni huruf. Menerusi dapatan, proses menghasilkan grafiti oleh murid-murid sekolah rendah diperlihatkan dalam lima langkah, iaitu proses penyediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses pengemasan dan penambahbaikan. Berdasarkan proses penghasilan karya yang dilakukan, didapati emosi murid adalah positif dan bertambah baik khususnya dari aspek keyakinan, motivasi dan kepuasan murid semasa proses penghasilan seni grafiti. Konklusinya, seni grafiti dapat membantu mengurangkan gangguan emosi murid-murid sekolah rendah dengan mengekspresikan emosi masing-masing dengan kaedah yang menarik. Guru-guru boleh merancang aktiviti seni grafiti bagi murid-murid dengan mengambilkira reka bentuk dan proses untuk

Universiti Malaya

menghasilkan seni grafiti dari kajian ini. Justeru, kajian mencadangkan supaya seni grafiti boleh digunakan sebagai terapi untuk murid sekolah yang menghadapi masalah emosi dan boleh diperluaskan di sekolah menengah.

Universiti Malaya

**EXPLORATION OF GRAFFITI ART IN HELPING TO REDUCE THE EMOTIONAL DISTURBANCE OF PRIMARY SCHOOL STUDENTS IN KUALA LUMPUR**

*Emotions in a student are an important element to create effective teaching and learning. However, it has been found that more and more primary school students are facing emotional disturbances due to personal problems, family problems, friends and social media problems as well as teacher and school problems. Thus, teachers need to think of solutions to help them. The aims of this study is to explore the use of graffiti art in helping students of primary school in Kuala Lumpur to reduce the emotional disturbance. This study suggests the design of graffiti art for students from primary school, the process of producing a graffiti art and the implementation of graffiti art on students' emotions. A qualitative study was conducted in a primary school by involving four students that were selected by purposive sampling based on their performance in class and a healthy mind test. Data was collected and were analyzed descriptively by using document analysis, observation and interview methods. The findings of the study show that the graffiti art designs used by primary school students are letter designs and combinations. Selection is based on their understanding and ability in the art of letters. Through the findings, the process of producing graffiti by primary school students is shown in five steps, namely the initial preparation process, the experimentation process, the sketching process, the coloring process and the tidying process. Based on the work production process, it was found that the students' emotions were positive and improved, especially from the aspects of confidence, motivation and student satisfaction during the graffiti art production process. In conclusion, graffiti art can help to reduce the emotional disturbance of primary school students by expressing their emotions in an interesting way. Teachers can plan graffiti art activities for students by referring to the design and process of producing a graffiti art from this study. Thus, the study suggests that graffiti art can be used as therapy for school students who face emotional problems and can be carried out in secondary schools.*

Universiti Malaya

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Borang Perakuan Keaslian Penulisan | i |
| Abstrak | ii |
| Abstract | iii |
| Senarai Kandungan | iv |
| Senarai Rajah | vi |
| Senarai Jadual | xiv |
| **BAB 1 PENDAHULUAN** | 1 |
| 1.1. Pengenalan | 1 |
| 1.2. Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.3. Pernyataan Masalah | 3 |
| 1.4. Objektif Kajian | 7 |
| 1.5. Persoalan Kajian | 8 |
| 1.6. Kepentingan Kajian | 8 |
| 1.6.1. Murid | 8 |
| 1.6.2. Guru | 9 |
| 1.6.3. Pihak Sekolah | 10 |
| 1.7. Definisi Operasional | 11 |
| 1.7.1. Seni Grafiti | 11 |
| 1.7.2. Gangguan Emosi | 12 |
| 1.7.3. Murid Sekolah Rendah | 13 |
| 1.8. Rumusan | 14 |
| **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR** | 15 |
| 2.1. Pengenalan | 15 |
| 2.2. Seni grafiti | 15 |
| 2.2.1. Konsep dan Perkembangan Seni Grafiti | 15 |
| 2.2.2. Jenis grafiti | 24 |
| 2.2.3. Reka Bentuk Grafiti | 31 |
| 2.2.4. Tema Grafiti | 34 |
| 2.2.5. Alat dan Bahan yang Diperlukan | 36 |


Universiti Malaya

2.2.6. Teknik Menghasilkan Grafiti dengan Menggunakan Cat Semburan 38

2.2.7. Cara Menghasilkan Grafiti 39

2.2.8. Ciri-ciri Grafiti yang Berkesan 42

2.2.9. Kegunaan Seni Grafiti 42

2.3. Gangguan Emosi 47

2.3.1. Konsep Gangguan Emosi Secara Umum 47

2.3.2. Konsep Gangguan Emosi Secara Khusus 56

2.3.3. Jenis Gangguan Emosi 56

2.3.4. Kesan Gangguan Emosi 56

2.3.5. Teori Emosi Dan Seni 57

2.3.6. Kajian Cara Menangani Gangguan Emosi 58

2.4. Penerokaan Seni Grafiti dalam Membantu Mengurangkan Gangguan Emosi Murid 59

2.4.1. Kepuasan 60

2.4.2. Keyakinan 61

2.4.3. Motivasi 62

2.5. Kajian Kes Lepas 63

2.6. Teori Kajian 70

2.7. Kerangka Konsep 72

2.8. Rumusan 74

**BAB 3 METODOLOGI** 76

3.1. Pengenalan 76

3.2. Bentuk kajian 76

3.3. Tempat kajian 81

3.4. Persampelan Kajian 85

3.5. Pengumpulan Data dan Instrumen 87

3.5.1. Pemerhatian 87

3.5.2. Temu bual 89

3.5.3. Analisis Dokumen 91

3.5.4. Matriks Pengumpulan Data 91

3.5.5. Pengumpulan Data Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 92

Universiti Malaya

3.6. Kebolehpercayaan Data Kajian 92
3.6.1. Triangulasi 92
3.6.2. Tempoh Pengutipan Data 94
3.6.3. Persetujuan Peserta Kajian 94
3.7. Kajian Rintis 95
3.8. Prosedur Kajian 96
3.8.1. Sebelum 96
3.8.2. Semasa 97
3.8.3. Selepas 97
3.9. Analisis Data 99
3.10. Proses Kajian 101

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN** 104
4.1. Pengenalan 104
4.2. Profil Peserta Kajian Murid 105
4.3. Dapatan Soalan Kajian 1: Bentuk Seni Grafiti yang Sesuai bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi 106
4.3.1. Reka Bentuk Huruf 107
4.3.2. Reka Bentuk Gabungan 112
4.4. Dapatan Soalan Kajian 2: Proses Penghasilan Seni Grafiti bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi 115
4.4.1. Proses Persediaan Awal 116
4.4.2. Proses Eksperimentasi 117
4.4.3. Proses Melakar 119
4.4.4. Proses Mewarna 121
4.4.5. Proses Pengemasan dan Penambahbaikan 125
4.5. Dapatan Soalan Kajian 3: Emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti 128
4.5.1. Keyakinan 128
4.5.2. Kepuasan 132
4.5.3. Motivasi 135
4.6. Rumusan 139

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN** 141
5.1. Pengenalan 141

Universiti Malaya

| | | |
|---|---|---|
| 5.2. | Rumusan | 141 |
| 5.3. | Perbincangan | 143 |
| | 5.3.1. Reka Bentuk Seni Grafiti yang Sesuai | 143 |
| | 5.3.2. Proses Menghasilkan Seni Grafiti | 147 |
| | 5.3.3. Emosi Murid Semasa Pelaksanaan Seni Grafiti | 150 |
| 5.4. | Implikasi Hasil Kajian | 155 |
| 5.5. | Cadangan untuk Kajian Masa Depan | 162 |
| 5.6. | Kesimpulan | 163 |

**RUJUKAN** 164

**LAMPIRAN** 186

A: Pelaksanaan Program Minda Sihat Murid 186
B: Instrumen Nota Lapangan Pemerhatian 190
C: Protokol Temu Bual 1 192
D: Protokol Temu Bual 2 193
E: Protokol Temu Bual 3 194
F: Instrumen Senarai Semak ( Dokumen) 195
G1: Folio Lakaran Murid-Murid A 197
G2: Folio Lakaran Murid-Murid B 199
G3: Folio Lakaran Murid-Murid C 201
G4: Folio Lakaran Murid-Murid D 203
H: Analisis Dokumen Terhadap Lakaran Murid-Murid 205
I: Nota Lapangan Yang Dicatat 206
J: Transkrip Temu Bual 220

Universiti Malaya

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Gambar-gambar Throw-up........................................................ 25

Rajah 2.2 Gambar-gambar Throw-up........................................................ 26

Rajah 2.3 Gambar-gambar Piece.............................................................. 27

Rajah 2.4 Gambar-gambar Character........................................................ 29

Rajah 2.5 Teori Leo Tolstoy (1897)......................................................... 71

Rajah 2.6 Kerangka Konsep Kajian.......................................................... 73

Rajah 3.1 Analisis soal selidik murid tahun 4............................................ 82

Rajah 3.2 Analisis soal selidik murid tahun 5............................................ 83

Rajah 3.3 Analisis soal selidik murid tahun 6............................................ 84

Rajah 3.4 Prosedur Kajian......................................................................... 98

Rajah 3.5 Proses Analisis dan Interpretasi Data bagi Kaedah Temu Bual dan Kaedah Pemerhatian..................................................................... 100

Rajah 3.6 Proses analisis dan interpretasi data bagi kaedah analisis dokumen.... 101

Rajah 3.7 Proses Kajian............................................................................ 103

Rajah 4.1 Lakaran-lakaran Grafiti Peserta Kajian A, C dan D. .......................... 107

Rajah 4.2 Lakaran Idea Sketsa Terakhir Grafiti Peserta Kajian A, C dan D ....... 108

Rajah 4.3 Penggunaan Huruf Dan Warna dalam Idea Sketsa Terakhir Peserta Kajian A, C dan D.......................................................................... 109

Rajah 4.4 Lakaran-Lakaran Grafiti Peserta Kajian B, C dan D. ......................... 112

Rajah 4.5 Lakaran Idea Sketsa Terakhir Grafiti Peserta Kajian B. ..................... 113

Rajah 4.6 Penggunaan Huruf Dan Warna dalam Idea Sketsa Terakhir Peserta Kajian B.......................................................................... 114

Rajah 4.7 Proses Penghasilan Seni Grafiti bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi.................................................................. 116

Universiti Malaya

Rajah 4.8 Proses Mewarna Peserta Kajian A, B, C dan D................................... 121

1

Rajah 4.9 Karya Grafiti Peserta Kajian A, B, C dan D....................................... 125

Rajah 4.10 Proses Penghasilan Seni Grafiti........................................................ 126

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Matriks Pengumpulan Data dalam Menjalankan Kajian ............................... 91

Jadual 4.1 Profil Peserta Kajian ........................................................................ 105

Universiti Malaya

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian dan definisi operasional. Perkara-perkara yang dibincangkan merupakan asas dalam menjalankan kajian ini dan memberikan gambaran awal secara holistik tentang kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Bab ini diakhiri dengan rumusan yang menyimpulkan perkara-perkara penting dalam bab ini.

## 1.2. Latar Belakang Kajian

Seni grafiti ditakrifkan sebagai kesan visual yang wujud pada dinding dan membawa perasaan kecantikan, kebimbangan dan sebagainya yang menarik perhatian masyarakat untuk melihat dan menghayati apa yang tersirat di sebaliknya. Berdasarkan Nor Izana Mohd Shobri et al. (2017), grafiti merupakan satu simbol, tanda, tulisan atau imej atas permukaan dinding di mana-mana sahaja tanpa mengambilkira motif untuk mengekspresikan kreatifnya di kawasan swasta atau tempat awam.

Seni grafiti dilihat sebagai representasi identiti personal seseorang melalui ekspresi kreatifnya. Xu (2017), Ross (2016) dan White (2018) mendefinisikan grafiti sebagai tindak balas seseorang individu terhadap rangsangan atau krisis yang dialami dalam kehidupan seharian. Mesej yang ingin disampaikan dapat diterjemahkan secara visual

Universiti Malaya

dengan menggunakan warna, garis, bentuk dan volume ke atas ruang dinding (Evans, 2016) dalam pandangan umum (Nor Izana Mohd Shobri et al., 2017).

Seni grafiti, bukan sekadar menjadi saluran ekspresi diri, maka ia juga muncul sebagai medium komunikasi efektif yang mampu menyampaikan pesanan-pesanan yang signifikan. Amir Aris dan Ahmad Rozelan Yunus (2016) menekankan bahawa komunikasi merupakan satu kemestian dalam kehidupan seharian. Dalam konteks seni grafiti, komunikasi mengandungi pesanan yang ingin disampaikan dan mempunyai makna khusus serta memberikan informasi penting yang perlu disebarkan.

Proses kreatif dalam menciptakan seni grafiti tidak hanya memberikan kepuasan artistik, malah ia juga berpotensi untuk membantu dalam perkembangan emosi yang positif. Seni grafiti menjadi wadah untuk mengurangkan emosi negatif dan mendorong kesejahteraan emosional seseorang. Proses transisi idea dan emosi ke dalam karya seni menjadi saluran untuk mengurangkan emosional yang negatif, di mana kesulitan atau duka yang dirasakan dapat diungkapkan dan difahami oleh masyarakat melalui medium visual (Stern, 2016). Walaupun kemahiran yang dikuasai adalah sederhana, namun, konsep dan mesej yang ingin disampaikan melalui saluran sedemikian merupakan medium yang paling aman bagi meluahkan pendapat (White, 2018).

Perkembangan seni grafiti berkait dengan kehidupan manusia dan sering wujud di persekitaran kita. Misalnya, dalam konteks sekolah, murid-murid cenderung untuk menulis perkataan-perkataan pada dinding atau koridor yang tidak dibenarkan oleh

Universiti Malaya

pihak sekolah (Nisreen Al-khawaldeh et al., 2017) bagi mengekspresikan perasaan mereka (Cinar Umdu & Ozturk, 2017). Menurut Ferrari dan Oliveira (2020), seni grafiti yang dihasilkan di sekolah sering kali dilakukan oleh murid-murid yang bermasalah untuk merekod kedatangan mereka bagi mencapai kepuasaan dalam sesi persekolahan yang dihadiri. Motif mereka membuat contengan pada meja, dinding, dan sebagainya adalah bagi mengisi kekosongan dalam jiwa mereka. Mereka akan berasa berpuas hati dan berbangga setelah mereka melakukan perbuatan tersebut.

Pernyataan ini juga disokong oleh Nisreen Al-Khawaldeh et al (2017) yang menyatakan bahawa murid yang mengalami tekanan emosi adalah lebih cenderung untuk menghasilkan seni grafiti bagi membantu mereka untuk meluahkan perasaan yang terpendam dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, seni grafiti haruslah dijalankan dengan kelulusan dari pihak yang berkenaan bagi memastikan impak yang diperoleh adalah bersifat positif.

Dengan demikian, seni grafiti bukan hanya menjadi bentuk seni visual, melainkan juga menjadi alat yang efektif untuk mengekspresikan perasaan, berkomunikasi, dan mencapai kepuasan emosional dalam berbagai konteks kehidupan seharian.

### 1.3. Pernyataan Masalah

Bagi menjejak langkah ke arah pewujudan sebagai sebuah negara yang dapat bersaing pada abad ke-21, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk memantapkan sistem pendidikan negara. PPPM berhasrat untuk memupuk kemenjadian murid agar dapat melahirkan generasi yang

Universiti Malaya

mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013). Sehubungan itu, sistem pendidikan yang bercorak holistik telah dilaksanakan secara meluas dalam sekolah bagi memastikan murid-murid berupaya mencapai kesejahteraan diri dengan memperkembangkan potensi diri secara sepenuhnya dari aspek akademik, ko-kurikulum dan sahsiah. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perkembangan individu secara menyeluruh dari segi kognitif, jasmani, emosi, rohani dan sosial. Namun, pelbagai cabaran telah dihadapi dalam melahirkan generasi yang dapat bersaing di peringkat global. Antara isu utama adalah gangguan emosi dalam individu (Intan Mas Ayu Shahimi, 2018).

Gangguan emosi membawa kesan yang mendalam terhadap kehidupan murid, khususnya dalam pembelajaran atas konflik yang tidak dapat diselesaikan. Pernyataan ini juga disetujui oleh Egan et al. (2019) yang menjelaskan bahawa murid-murid yang menghadapi masalah emosi merupakan salah satu penyekat kepada keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) memandangkan emosi berkait rapat dengan pemikiran individu dan akan mempengaruhi tingkah laku serta tindakan seseorang (Pallini et al., 2019).

Menurut Garwood dan Moore (2019), murid-murid yang mengalami gangguan emosi akan menjauhi diri daripada melibatkan segala aktiviti di sekolah dan menimbulkan sifat tidak tenang dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tertentu; tidak dapat menumpukan perhatian semasa PdPc dijalankan; tidak berani untuk mengeluarkan perasaan dan pendapat masing-masing dalam kelas; berkelakuan disruptif yang mampu menjejaskan kelancaran PdPc (Fiorilli et al., 2017). Isu ini merupakan isu yang



Universiti Malaya

amat membimbangkan dalam dunia pendidikan dan ia memerlukan jalan penyelesaian segera bagi memastikan PPPM dijalankan dengan lancar.

Kontemporari, masalah emosi merupakan masalah yang serius dan sering wujud dalam kalangan bakal pemimpin negara. Intan Mas Ayu Shahimi (2018) menghuraikan Statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017 menunjukkan kesihatan mental dalam kalangan murid amat menakutkan. Sebanyak 18.3 % murid-murid yang mengalami masalah kemurungan; 39.7% mengalami simpton keresahan dan 9.6% murid menghadapi masalah stres. Noradilah Binti Abdul Wahab et al. (2017) telah membuat kajian bahawa terdapat 149 orang murid di Malaysia yang menghadapi masalah tekanan emosi.

Menteri Kesihatan juga menyatakan bahawa terdapat peningkatan berkaitan dengan masalah emosi dalam kalangan murid di Malaysia, yang mana ia telah meningkat dari seorang bagi setiap 10 orang pada tahun 2011 ke seorang bagi setiap 5 orang yang menghadapi masalah emosi pada tahun 2016 (Bernama, 2016). Sehubungan itu, Prof Dr Mansor Abu Talib (2019) menyeru bahawa statistik kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja perlu dititikberatkan dan intervensi yang sesuai perlu dijalankan terhadap bakal pemimpin negara kita.

Seni memainkan peranan penting dalam membantu emosi murid kerana ia memberikan medium untuk meluahkan diri dan meredakan tekanan emosi yang dirasakan oleh murid. Seni memberikan peluang kepada murid untuk menghasilkan karya kreatif yang membolehkan mereka mengekspresikan diri dan merangsang kreativiti. Hal ini dapat membantu meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi

Universiti Malaya

murid serta membantu mereka mengatasi masalah emosi yang sukar diungkapkan melalui cara lain.

Seni grafiti apabila digunakan dengan cara yang tepat dan dalam konteks yang sesuai dapat memberikan manfaat yang sama. Ini bermakna, seni grafiti dapat menjadi alat yang bermanfaat untuk untuk meluahkan diri secara kreatif dan membina keyakinan diri pada murid. Melalui penggunaan grafiti, murid dapat mengekspresikan diri mereka dan mengatasi masalah emosi seperti stres dan kemurungan. Selain itu, seni grafiti juga dapat membantu meningkatkan keterampilan sosial, seperti kerjasama dan empati dalam kalangan murid.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa seni grafiti telah membantu emosi murid sekolah rendah. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Friesen et al. (2013) mengenai program seni grafiti untuk murid sekolah rendah yang mengalami masalah emosi dan tingkah laku menunjukkan bahawa program ini membantu meningkatkan kesejahteraan emosi murid dan mengurangkan masalah tingkah laku mereka. Murid yang terlibat dalam program ini melaporkan perasaan lebih positif tentang diri mereka sendiri dan meningkatkan kemahiran kreativiti mereka.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Maatta et al. (2021) mengenai penggunaan seni grafiti dalam terapi kelompok untuk kanak-kanak menunjukkan bahawa seni grafiti dapat membantu meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi mereka. Dalam kajian ini, kanak-kanak melaporkan bahawa seni grafiti membantu mereka meluahkan perasaan dan emosi mereka dan memberikan medium yang positif untuk mengatasi masalah emosi.

Universiti Malaya

Kajian lain oleh Kaimal et al. (2017) mengenai pengaruh seni grafiti terhadap perubahan emosi dan tekanan pada pelajar menunjukkan bahawa seni grafiti dapat membantu mengurangkan tekanan emosi dan meningkatkan perasaan positif. Dalam kajian ini, pelajar yang terlibat dalam pengalaman seni grafiti melaporkan perasaan lebih positif tentang diri mereka sendiri dan lebih sedikit merasakan tekanan emosi.

Dalam kesimpulannya, kajian lepas menunjukkan bahawa seni grafiti dapat membantu emosi murid sekolah rendah. Penggunaan seni grafiti dalam konteks yang sesuai dapat memberikan peluang bagi murid untuk meluahkan diri secara kreatif dan membina keyakinan diri serta membantu mereka mengatasi masalah emosi yang sukar diungkapkan melalui cara lain. Oleh itu, seni grafiti dapat menjadi alat yang berkesan dalam membantu kesejahteraan mental dan emosi murid serta memberikan pengalaman pembelajaran yang positif dan bermanfaat.

Lantaran itu, seni grafiti dicadangkan kerana ia merupakan salah satu aktiviti seni yang amat menarik dan digemari oleh murid-murid dalam meluahkan perasaan mereka secara bebas (Cinar Umdu & Ozturk, 2017). Xu (2017) menghuraikan bahawa grafiti membawa kesan yang signifikan dalam perubahan seseorang sehingga ke dewasa, misalnya melepaskan tekanan atau emosi mereka untuk memastikan kesihatan mental yang sihat.

## 1.4. Objektif Kajian

1. Meneroka reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi.

Universiti Malaya

2. Mengenal pasti proses penghasilan seni grafiti yang dihasilkan oleh murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi.
3. Mengenal pasti emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti.

## 1.5. Persoalan Kajian

1. Apakah reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?
2. Bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?
3. Bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti?

## 1.6. Kepentingan Kajian

Gangguan emosi merupakan satu isu yang memberangsangkan dalam merealisasikan Transformasi Negara 2050 (TN50). Penyelidik berharap kajian yang dijalankan dapat membantu mengurangkan gangguan emosi yang wujud dalam kalangan murid sekolah rendah dengan cara yang lebih menarik. Seni mempunyai keistimewaannya diri (Renfu, 2016) dan diharapkan melalui saluran sedemikian, ia mampu membawa perubahan kepada isu yang dilanda.

### 1.6.1. **Murid**

Bagi memastikan emosi seseorang adalah sihat, ia memerlukan satu medium atau saluran untuk mengekspresikan emosi masing-masing (Pallini et al., 2019). Justeru,

Universiti Malaya

kajian ini dijalankan bagi membolehkan seseorang untuk meluahkan perasaan masing-masing melalui aktiviti seni grafiti. Seni grafiti bukan sahaja mendedahkan seni budaya yang begitu agung sekali, maka ia juga berfungsi sebagai salah satu tempat untuk membolehkan individu berkomunikasi dengan diri sendiri atau masyarakat di samping mengenal pasti emosi mereka semasa menghasilkan karya seni grafiti (Avin, 2018). Penyelidik berharap melalui kajian ini, murid-murid yang mengalami masalah gangguan emosi dapat menyalurkan perasaan mereka dalam saluran yang betul dan bukan cara yang tidak diinginkan. Justeru, kebanyakan kes juga dapat dikurangkan, misalnya kes bunuh diri, kes bergaduh dan sebagainya.

Seni grafiti bukan sahaja merupakan satu medium untuk membolehkan murid berkongsi perasaan mereka, maka ia juga merupakan salah satu cara untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif (Luvaso, 2019). Setiap orang akan mengekspresikan perasaan mereka dalam persembahan yang berlainan. Dalam proses ini, ia memperkembangkan kreativiti murid dengan menvisualisasikan jiwa mereka dari alam realiti ke rupa imej. Dalam erti kata lain, seni grafiti membolehkan seorang insan untuk mentransformasikan imaginasi mereka dari subjektif ke objektif (Hedegaard, 2014). Kreativiti merupakan salah satu elemen yang amat penting dalam membangunkan negara (Binsawad et al., 2018). Seseorang yang kreatif boleh menzahirkan idea dalam bentuk yang berlainan dan ini membolehkan negara kita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara China atau Amerika.

### 1.6.2. **Guru**

Seni grafiti merupakan salah satu aktiviti yang berkembang giat pada era globalisasi ini. Masyarakat di negara-negara barat suka menunjukkan atau melepaskan perasaan

mereka dengan menggunakan cara ini, terutamanya dalam kalangan remaja (Wimar, 2018). Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Xu (2017) telah menitikberatkan impak seni grafiti terhadap perkembangan kreativiti dan kesihatan mental kanak-kanak dalam kajian grafiti yang telah dijalankan. Oleh demikian, guru PSV boleh menunjukkan proses melakukan aktiviti seni grafiti dengan betul sedangkan murid-murid pada peringkat ini suka mencontohi apa yang ditunjukkan oleh guru (Karso, 2019). Sehubungan itu, mereka dapat mempelajari cara dan motif untuk melakukan seni grafiti dengan tepat. Dengan cara ini, ia juga membolehkan guru PSV mengambil peranan dalam membangunkan modal insan yang seimbang dari segi emosinya.

Terapi seni merupakan salah satu pendekatan yang boleh digunakan oleh guru kaunseling bagi menangani masalah gangguan emosi murid. Menurut Khotimah dan Budiyono (2019), murid-murid amat gemar melakukan aktiviti seni bagi membantu mereka dalam proses perkembangan emosi yang sihat. Kajian ini juga mampu memberi perspektif baru kepada guru kaunseling dengan mengaplikasikan aktiviti seni grafiti sebagai terapi seni yang menarik bagi merangsang minat murid untuk melakukannya.

1.6.3. **Pihak Sekolah**

Seni grafiti adalah salah satu aktiviti seni yang sangat penting dalam dunia kontemporari. Boal (1985) menyarankan tujuan seni haruslah menyumbangkan ke arah pembangunan sosial dalam cubaan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Melalui kajian ini, ia mampu membuka mata dan minda pihak sekolah mengenai kepentingan seni grafiti bukan sahaja berfungsi sebagai salah satu aktiviti kesenian,

Universiti Malaya

malahan ia juga mampu memberi impak dalam proses pembentukan diri seseorang. Pihak sekolah dapat menjalankan akauntabilitinya dengan memberi kebenaran kepada murid-murid untuk menjalankan seni grafiti bagi mengurangkan kes disiplin yang diakibatkan daripada masalah emosi ini. Murid-murid boleh mencurahkan perasaan negatif mereka melalui penghasilan karya grafiti pada tempat-tempat yang sesuai di sekolah agar difahami oleh ahli komuniti sekolah. Manifestasi emosi negatif untuk dikongsikan di tempat awam sekolah adalah amat diperlukan agar murid-murid berasa difahami dan dihargai demi membantu mengurangkan gangguan emosi yang begitu serius semasa PdP.

## 1.7. Definisi Operasional

Definisi digunakan untuk menjelaskan sesuatu istilah dan membolehkan pembaca lebih memahami tajuk kajian yang dijalankan iaitu penerokaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid sekolah rendah di Kuala Lumpur. Antara isitilah-istilah yang perlu difahami:

### 1.7.1. Seni Grafiti

Menurut Jagadish Paudel dan Pratiksha Neupane (2019), grafiti merupakan contengan yang boleh dilihat pada bangunan atau dinding di tempat awam. Ia termasuk grafiti yang berbentuk tulisan atau imej bagi tujuan berkomunikasi dengan masyarakat mengenai sosio-budaya, politik atau ekspresi dirinya. Xu (2017) menghuraikan grafiti dalam dunia kanak-kanak adalah amat berbeza dengan grafiti yang dihasilkan oleh orang dewasa. Karya grafiti kanak-kanak secara tidak langsung mencerminkan keperluan dan pengalaman kanak-kanak. Seni grafiti kanak-kanak mementingkan

semangat dan ungkapan kanak-kanak dalam proses mencipta karya grafiti dan bukan hasil karya yang dihasilkan.

Dalam konteks kajian ini, seni grafiti didefinisikan sebagai satu platform yang memberi peluang kepada murid-murid untuk menghasilkan simbol, tanda, tulisan atau imej dengan menggunakan cat semburan ke atas ruang dinding. Murid-murid diberi kebebasan untuk mengekspresikan keperluan seperti keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan dan keperluan kesempurnaan kendiri dengan menterjemahkan idea atau mesej masing-masing bagi tujuan dikongsikan kepada orang lain di tempat awam dalam sekolah. Proses menghasilkan seni grafiti dinilai bagi mengenal pasti emosi murid-murid yang mengalami gangguan emosi.

### 1.7.2. **Gangguan Emosi**

Algozzine (2017) menghuraikan gangguan emosi sebagai situasi yang akan mempengaruhi proses pembelajaran murid. Antara ciri-ciri yang dihuraikan adalah seperti ketidakupayaan untuk belajar yang tidak dapat dijelaskan dari segi intelektual, sensori atau faktor kesihatan, ketidakupayaan untuk membina atau mengekalkan hubungan interpersonal dengan individu lain serta mempersembahkan tingkah laku atau perasaan yang tidak sesuai dalam situasi yang biasa.

Dalam kajian ini, gangguan emosi diistilahkan sebagai kegagalan murid-murid untuk bertindak balas terhadap stimulus yang diterima dan menjejaskan prestasinya dalam pembelajaran. Simpton-simpton yang ditunjukkan ialah sering berasa cemas dan takut, kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan kurang tumpuan semasa

Universiti Malaya

PdPc. Sehubungan itu, seni grafiti dijalankan bagi mengenal pasti emosi murid yang mengalami gangguan emosi dari aspek keyakinan, motivasi dan kepuasan murid.

Murid-murid yakin dalam konteks kehidupan melalui pelaksanaan seni grafiti ini. Apabila mereka menghasilkan seni grafiti, mereka belajar cara menghasilkan langkah demi langkah. Ini membolehkan mereka menguasai teknik dan mengaplikasikan ilmu yang diperolehi ini dalam kehidupan mereka. Langkah ini dapat membina keyakinan mereka kerana mereka berupaya untuk menghasilkan sesuatu dengan usaha dan kebolehan sendiri.

Selain itu, murid-murid juga akan lebih bermotivasi dalam konteks pembelajaran. Melalui seni grafiti, murid-murid didedahkan aktiviti sekolah yang menarik dan memotivasikan mereka untuk hadir ke sekolah bagi menyertai aktiviti ini.

Di samping itu, dari aspek kepuasan, kajian ini dapat membantu murid-murid untuk mengekspresikan perasaan atau masalah yang dihadapi dalam kehidupan dan pembelajaran mereka. Murid-murid dapat meluahkan pendapat atau pemikiran mereka di persekitaran sekolah dengan aktiviti seni grafiti ini. Ini secara tidak langsung membolehkan mereka berasa difahami oleh ahli komuniti sekolah dan mereka adalah lebih berpuas hati.

### 1.7.3. **Murid Sekolah Rendah**

Murid sekolah rendah dalam kajian ini merupakan murid-murid berumur 7-12 tahun yang mempunyai gangguan emosi dari aspek keyakinan, motivasi dan kepuasan semasa PdPc tidak kira sama ada mereka mempunyai kemahiran seni atau tidak.

Universiti Malaya

Mereka yang dipilih mempunyai masalah seperti sering berasa cemas dan takut, kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah dan kurang tumpuan semasa PdP.

### 1.8. Rumusan

Secara ringkasnya, bab ini telah membincangkan idea-idea berkaitan kajian dan gambaran keseluruhan tentang kajian yang ingin dijalankan iaitu penerokaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid sekolah rendah di Kuala Lumpur. Perkara-perkara yang dijelaskan digunakan sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian ini.

Universiti Malaya

# BAB 2

# TINJAUAN LITERATUR

## 2.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan sorotan literatur mengenai konsep dan perkembangan seni grafiti, jenis grafiti, bentuk grafiti, tema grafiti, alat dan bahan yang diperlukan untuk menghasilkan seni grafiti, teknik menghasilkan grafiti dengan menggunakan cat semburan, proses menghasilkan grafiti, citi-ciri grafiti yang berkesan, kegunaan seni grafiti, konsep gangguan emosi, jenis gangguan emosi, kesan gangguan emosi, kajian cara menangani gangguan emosi, penerokaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid, kajian-kajian berkaitan luar negara dan dalam negara, kerangka konsep dan teori kajian. Sorotan kajian telah dirujuk menerusi jurnal, artikel, buku dan disertasi yang berkaitan bagi mengkaji kajian ini.

## 2.2. Seni grafiti

### 2.2.1. **Konsep dan Perkembangan Seni Grafiti**

Grafiti berasal dari perkataan Itali iaitu *graffito* yang bermaksud lakaran (Saiful Ikhmal bin Zainodin, 2018). Grafiti merupakan hasil lukisan atau tulisan yang menggunakan cat sembur, dakwat, atau pen marker pada permukaan lain, seringkali pada dinding tanpa latihan khusus dan mengandungi mesej-mesej penting yang ingin disampaikan.

Grafiti mula dijumpai sejak zaman prasejarah. Unsur-unsur grafiti mula terselit dalam cap tangan, gambar atau inskripsi yang diukir, dicat atau digoreskan pada permukaan dinding, batu atau objek lain oleh manusia semasa zaman prasejarah. Prasetyo (2020)

Universiti Malaya

juga menghuraikan kewujudan unsur grafiti dalam kalangan masyarakat melalui peta dan lukisan pada permukaan dinding gua pada zaman prasejarah. Pada masa itu, manusia melukis imej yang diperhatikan dan aktiviti yang dilakukan sepanjang hari atas permukaan batu atau dinding. Imej yang dihasilkan merupakan ikonografi kehidupan mereka.

Walaupun hasil lukisan pada zaman tersebut adalah bercirikan imej tanpa tulisan, namun, ia merupakan dokumentasi pandangan dan perasaan masyarakat secara realistik dan adalah amat berharga kerana ia membolehkan kita mengenali budaya dan peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu (Widagdo, 2016). Seni grafiti bukanlah satu fenomena yang baru dan ia telah wujud dalam pelbagai bentuk dan cara sepanjang sejarah manusia. Meskipun teknologi dan bahan-bahan yang digunakan telah berubah sejak zaman dahulu, namun elemen-elemen asas seni grafiti seperti bentuk, warna, dan penggunaan permukaan dinding masih kekal relevan dan diaplikasikan dalam seni grafiti modern.

Walau bagaimanapun, seni grafiti dibangkitkan pada 1970-an di Amerika (Ross, 2016). Pada masa itu, seni grafiti merupakan satu kegiatan seni yang gemari dilaksanakan oleh golongan remaja dengan menggunakan cat semburan di tempat awam untuk membolehkan mereka meluahkan atau mengekspresikan perasaan masing-masing berdasarkan inspirasi individu dalam bentuk tulisan atau gambar (Miller, 2016). Pada awalnya, seni grafiti lebih merupakan bentuk protes atau ekspresi politik oleh pengkarya yang ingin mengekspresikan pandangan mereka tentang isu-isu sosial dan politik melalui seni mereka.

Universiti Malaya

Beberapa pengkarya grafiti menggunakan karya mereka sebagai bentuk protes dan perlawanan terhadap isu-isu politik dan sosial yang berlaku pada masa itu. Grafiti digunakan untuk menyampaikan pemikiran mereka tentang kritikan kebijaksanaan pemerintah, menyuarakan ketidakpuasan terhadap diskriminasi masyarakat, ketidakadilan dan tindakan kekerasan terhadap komunitas kulit hitam serta mendukung gerakan feminisme. Seni grafiti pada tahun 1970-an menjadi wadah bagi pengkarya untuk mengungkapkan pandangan politik mereka dan menyuarakan perubahan sosial melalui medium seni jalanan yang kontroversial ini.

Grafiti telah mengalami pelbagai cabaran dan transformasi dari segi maknanya pada masa itu sehingga ia dilihat sebagai unsur negatif yang muncul di bandar dan sering ditemui pada tempat awam atau permukaan dinding tempat swasta melalui cara menulis, melakar atau mewarna. Masyarakat mula mempunyai tanggapan negatif terhadap seni grafiti atas terjemahan idea grafiti adalah berkaitan dengan pandangan terhadap isu politik dan unsur yang negatif (Ross, 2016). Seni grafiti tidak diterima sebagai salah satu daripada cabang seni pada awal kemunculannya di Amerika (Saiful Ikhmal bin Zainodin, 2018).

Walaupun masyarakat melihat aktiviti grafiti sebagai salah satu tindakan vandalisme dan tingkah laku anti-sosial, namun ia tidak semestinya tepat dan sebenar. Persoalan grafiti sebagai tindakan vandalisme sebenarnya tertakluk kepada tempat berkarya dan bukan isi yang disampaikan (Kramer, 2017). Jika grafiti dimasukkan ke dalam muzium dan bukan dilukis pada sekeliling bandar, maka ia dilihat sebagai satu karya seni yang agung berbanding dengan kewujudannya pada sekeliling bandar yang dilihat sebagai vandalisme (Assaf Zakharov & Schnetgoke, 2020). Pendapat masyarakat mengenai

Universiti Malaya

aktiviti grafiti memang berbeza. Banyak yang menganggapnya sebagai tindakan vandalisme dan tingkah laku anti-sosial, terutama jika grafiti dilakukan tanpa izin atau merosakkan harta awam atau peribadi. Namun, terdapat juga pandangan yang berbeza bahawa grafiti sebenarnya boleh dianggap sebagai seni yang bernilai, bergantung kepada tempat dan konteksnya.

Pandangan terhadap seni grafiti adalah sangat subjektif pada masa itu kerana terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi sama ada grafiti dianggap sebagai vandalisme atau seni, termasuk perspektif budaya, undang-undang tempatan, dan pandangan individu terhadap seni dan estetika. Oleh itu, pendapat mengenai grafiti sebagai tindakan vandalisme atau seni masih kontroversial dan boleh berbeza-beza.

Jika ditinjau dari sudut pandangan yang berlainan, grafiti dilihat sebagai kemahuan untuk berkomunikasi. Hal demikian kerana grafiti dapat memberi peluang kepada seseorang individu untuk meninggalkan kesan yang unik pada tempat tinggal mereka atau sebagai satu forum untuk mempersembahkan idea dan pandangan masing-masing (Widagdo, 2016). Kewujudan grafiti umpama kod-kod yang pelbagai dalam proses membentuk makna tertentu dalam bandar. Ia juga boleh dilihat sebagai satu wadah untuk mencatat kedatangan mereka (Luvaso, 2019). Karya seni grafiti menggambarkan identiti, gaya, dan mesej peribadi mereka melalui medium ini. Ia memberikan peluang kepada pengkarya untuk berbicara tentang kehadiran mereka dan menjadi sebahagian daripada sejarah perkembangan seni grafiti sebagai bentuk ekspresi seni yang unik dan bermakna.

Universiti Malaya

Walau bagaimanapun, seni grafiti berkembang secara luas dan berubah dari semasa ke semasa. Masyarakat mula mempunyai tanggapan atau sudut pandangan yang berbeza (Kramer, 2017). Kontemporari, seni grafiti dijumpai di mana-mana sahaja. Misalnya, lorong, dinding tepi jalan, dinding bangunan, perhentian bas dan sebagainya (David, 2016). Grafiti dilihat sebagai sebahagian dalam sebuah bandar. Pelukis grafiti suka berkarya di tempat yang biasa menjadi laluan orang ramai. Mereka suka berkongsi perasaan dan pandangan mereka dengan masyarakat dengan melakukan pembaharuan secara terus pada permukaan-permukaan dinding. Kehidupan mereka tidak boleh terpisah daripada grafiti (Casas Gutierrez, 2017).

Seni grafiti telah mengalami transformasi yang mencetuskan idea-idea kontemporari yang menarik dan inovatif. Salah satu perkembangan utama ialah pengenalan seni grafiti digital, di mana teknologi seperti unjuran digital dan media interaktif digunakan untuk mencipta karya seni grafiti yang dinamis dan menarik. Selain itu, seni grafiti 3D juga telah menjadi trend kontemporari dengan mencipta ilusi optik pada permukaan dua dimensi dan seterusnya memberikan dimensi tambahan pada karya seni tersebut.

Projek seni grafiti berkelompok menjadi semakin popular, di mana beberapa seniman bekerjasama untuk mencipta karya seni yang berskala besar. Kolaborasi ini mencerminkan semangat kebersamaan dan memberi peluang untuk menyatukan pelbagai pandangan dalam satu karya seni yang harmoni. Selain itu, seni grafiti interaktif di ruang awam turut menarik perhatian umum dengan membolehkan partisipasi masyarakat dalam proses seni tersebut.

Universiti Malaya

Keunikan lain dalam seni grafiti adalah pergerakan menuju galeri seni. Banyak pengkarya grafiti telah diterima secara meluas sebagai pengkarya profesional dan menghasilkan karya seni mereka dalam galeri, muzium dan projek seni awam. Ini menunjukkan bahawa ia memberikan penghargaan dan meletakkan nilai seni grafiti di dalam konteks seni yang lebih formal. Ini menunjukkan evolusi seni grafiti sebagai bentuk seni yang dihargai dan diiktiraf secara meluas. Dalam beberapa tahun terakhir, terdapat peningkatan pengiktirafan terhadap grafiti sebagai bentuk seni yang sah dan dihargai.

Penting untuk dicatat juga mengenai seni grafiti kontemporari dilihat sebagai medium terapi. Program seni grafiti terapeutik semakin diperkenalkan kini, di mana seni grafiti digunakan sebagai cara untuk mengekspresikan emosi dan merangsang kesejahteraan emosi individu. Ini menunjukkan seni grafiti kontemporari bukan hanya satu bentuk seni, tetapi juga alat untuk memberikan sokongan emosi dan psikososial.

Seterusnya, seni grafiti dalam seni jalanan multimedia menonjolkan penggunaan teknologi seperti video mapping dan audio interaktif bersama dengan seni grafiti. Ini mencipta pengalaman seni jalanan yang lebih dinamik dan merangsang, menggabungkan elemen-elemen berbilang media untuk mencipta karya seni yang unik dan menarik.

Grafiti merupakan aktiviti seni yang sering digemari oleh golongan muda. Mereka sering bergiat aktif untuk berkarya bagi menukar idea dan pandangan mereka di samping mengasah bakat yang terpendam dalam diri mereka. Alexiou (2017)

Universiti Malaya

mengelaskan grafiti dengan unsur *hip hop* dan penghormatan merupakan elemen yang paling penting dalam budaya grafiti. Setiap karya yang dihasilkan haruslah diberi penghormatan yang tertinggi atas nilai estetika yang tersendiri.

Grafiti dalam budaya *hip hop* juga menjadi lambang identiti dan kreativiti dalam menyuarakan pandangan dan pengalaman hidup dalam komuniti *hip hop*. Selain itu, grafiti dalam budaya *hip hop* juga mempunyai nilai estetika dan gaya yang unik dan sering diiktiraf sebagai bentuk seni yang kreatif dan inovatif. Banyak pengkarya grafiti dalam budaya *hip hop* telah menjadi tokoh terkenal dalam dunia seni kontemporari dan menghasilkan karya seni yang dihargai di galeri, muzium, dan pasaran seni global. Tambahan pula, seniman juga menghasilkan karya yang membincangkan isu-isu alam sekitar dan kelestarian alam. Ini adalah langkah positif dalam menggalakkan kesedaran dan tanggungjawab terhadap lingkungan melalui seni.

Walaupun motif penghasilan grafiti adalah berbeza bagi setiap pengkarya, namun kesemua motif mereka boleh dikategorikan kepada dua kategori, iaitu menunjukkan kekecewaan terhadap budaya sekeliling atau pengekspresian kendiri (Xu, 2017). Nilai estetika dan impak yang dibawa melalui seni grafiti merupakan aliran seni pada masa kini dan berdasarkan kepada ekspresi kreatif pengkarya (Iljadica, 2016). Pengkarya grafiti mempunyai kebebasan artistik untuk mengungkapkan kreativiti mereka dalam menghasilkan karya seni grafiti yang unik. Mereka boleh menggambarkan gaya, teknik, dan tema yang berbeza dalam karya grafiti mereka.

Universiti Malaya

Sesetengah pengkarya grafiti mungkin memberi tumpuan kepada teknik yang rumit dan terperinci, manakala yang lain mungkin menekankan pesanan sosial atau politik dalam karya mereka. Gaya dan tema dalam seni grafiti boleh sangat pelbagai, bermula dari watak, tulisan, abstrak, realistik, hingga gabungan elemen seni lain. Kebebasan artistik ini membolehkan seniman grafiti untuk meneroka kreativiti mereka dan menghasilkan karya yang unik serta menggambarkan identiti mereka sebagai seniman.

Walau bagaimanapun, seni grafiti masih tidak dieksplorasi secara mendalam oleh komuniti sekolah. Banyak sekolah masih menganggap seni grafiti sebagai tindakan vandalisme atau perilaku negatif dan mungkin tidak memberikan perhatian yang cukup kepada potensi seni grafiti sebagai bentuk seni yang sah dan bernilai di komuniti sekolah. Mereka menganggap seni grafiti merupakan kerosakan harta benda sekolah dan tidak menggalakkan atau mengizinkan murid-murid untuk menghasilkan grafiti di kawasan sekolah.

Pendedahan terhadap seni grafiti di kalangan murid sekolah menjadi isu yang menarik minat dalam kalangan ahli pendidikan dan penyelidik. Beberapa faktor telah dikenal pasti untuk menjelaskan pandangan komuniti sekolah yang melihat seni grafiti sebagai kerosakan harta benda sekolah. Menurut penelitian yang dilakukan oleh Salmah (2015), kebanyakan grafiti di sekolah dilakukan tanpa izin dan di luar kawalan pihak sekolah, menyebabkan persepsi bahawa seni grafiti adalah tindakan melanggar peraturan.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Salmah (2015) juga menunjukkan bahawa dari segi estetika, terdapat perbezaan signifikan antara pandangan komuniti sekolah dan seni grafiti. Kesenian ini mungkin dianggap tidak sejajar dengan nilai-nilai estetika

Universiti Malaya

yang dihargai oleh pihak sekolah, menimbulkan ketidakselarasan dalam persepsi terhadap seni tersebut. Di samping itu, lokasi-lokasi tertentu di sekolah yang dilukis grafiti juga mungkin menimbulkan risiko keselamatan dan ini menyebabkan pencetusan persepsi negatif terhadap seni grafiti sebagai salah satu tindakan kerosakan harta benda sekolah.

Dalam keseluruhan, walaupun pandangan negatif terhadap seni grafiti dalam komuniti sekolah boleh difahami dari sudut pandang kerosakan harta benda, adalah penting untuk membincangkan implikasi pendedahan terhadap seni grafiti di sekolah. Ia adalah penting untuk mengakui bahawa seni grafiti merupakan salah satu bentuk seni yang berpotensi sebagai alat pendidikan yang efektif dalam menggalakkan kreativiti, pemikiran kritis dan pemahaman budaya kontemporari. Melalui pendekatan yang terancang dengan baik, pihak sekolah dapat mengubah pandangan negatif menjadi peluang positif, merangkul seni sebagai medium pembelajaran kreatif yang dapat memberi manfaat kepada perkembangan keseluruhan murid.

Misalnya, ahli komuniti sekolah memberikan pengiktirafan dan sokongan yang tepat kepada seni grafiti sebagai bentuk seni yang sah dan penting untuk dieksplorasi oleh murid-murid dengan cara yang bertanggungjawab, seperti melalui program seni atau aktiviti seni yang diarahkan oleh guru yang berkelayakan dan dengan berlandaskan nilai-nilai etika dan peraturan sekolah. Dengan cara ini, seni grafiti dapat diintegrasikan ke dalam kurikulum seni sekolah dan memberikan kesempatan kepada murid-murid untuk menggali potensi kreatif mereka dalam seni grafiti secara mendalam.

Universiti Malaya

### 2.2.2. **Jenis grafiti**

Berdasarkan kepada Miller (2016), seni grafiti merupakan rupa yang mempunyai unsur garisan, warna dan bentuk dalam menghasilkan sesuatu imej dan perkataan. Seni grafiti boleh dihasilkan dengan menggunakan bahan cat semburan atau *marker*. Secara umumnya, seni grafiti boleh diwujudkan dalam empat bentuk iaitu *tagging, throw-up, piece* dan *character* (David, 2016).

#### **2.2.2.1. Tagging**

*Tagging* merupakan sesuatu yang unik dan berbeza. Menurut Arnold (2018) *tagging* merupakan satu elemen yang tidak boleh dipisahkan dengan grafiti. *Tagging* merupakan tandatangan pengkarya yang bergaya dan mengandungi nama pengkarya grafiti. Ia adalah dalam bentuk tulisan yang ringkas dan ia merupakan perwakilan kepada pengkarya tersebut. *Tagging* dihasilkan dengan pantas dan biasanya dilakukan dengan cat semburan dalam satu jenis warna. Warna yang digunakan haruslah berkontra dengan latar belakangnya. Motif menggunakan *tagging* adalah sebagai pengiktirafan terhadap pengkarya dan bagi membolehkan lebih peminat untuk mengenali pengkarya serta sebagai satu penghormatan terhadap pengkarya (Shobe, 2020). Rajah 2.1 menunjukkan gambar-gambar *throw-up* yang dihasilkan oleh pengkarya grafiti.

Universiti Malaya

**Rajah 2.1**

*Gambar-gambar Throw-up.*



Dicapai daripada *flickr.*

*Tagging* merupakan asas dalam seni grafiti. Sesungguhpun, ia juga boleh dikatakan sebagai salah satu teknik yang susah dikuasai. Hal demikian kerana ia memerlukan masa bagi seseorang untuk mengembangkan tandatangan yang mempunyai stail dan aliran sendiri. Kadang-kadang, artis grafiti mengambil masa bertahun-tahun bagi mencipta *tagging* yang menonjolkan gaya artis grafiti tersebut. Seorang artis grafiti yang terkenal mempunyai *tagging* yang dapat mencerminkan gayanya (Snyder, 2017). Apabila peminat grafiti melihat *tagging*, mereka sudah mengetahui siapakah artisnya. *Tagging* dikatakan sebagai ikonik pengkarya grafiti (Amilah Yani, 2016). Jika pengkarya grafiti telah menghasilkan karya grafiti di luar negara, maka *tagging* beliau merupakan wakil negeranya.

**2.2.2.2. Throw-up**

*Throw-up* merupakan tulisan dalam bentuk rupa. *Throw-up* boleh dikatakan sebagai perkembangan daripada *tagging*. Ia terdiri daripada nama artis atau huruf yang singkat. Ia adalah lebih besar daripada *tag* dan dihasilkan dalam bentuk belon atau *bubble* (Navarro, 2020). Kebiasaanya *throw-up* menggunakan dua atau tiga warna dalam proses penghasilan karya grafiti dan pengkarya akan menggunakan warna yang lebih gelap khususnya warna hitam sebagai garisan luar tulisan. Warna yang lebih cerah pula akan digunakan sebagai pengisian tulisan grafiti. Dalam menghasilkan grafiti

Universiti Malaya

yang berbentuk *throw-up*, pengkarya juga boleh memasukkan bayang dan semburan bagi menghiaskan tulisan grafiti yang dihasilkan. Rajah 2.2 menunjukkan gambar-gambar *throw-up* yang dihasilkan oleh pengkarya-pengkarya grafiti.

***Rajah 2.2***

*Gambar-gambar Throw-up*




Dicapai daripada *flickr*

Malaya

*Throw-up* adalah bertentangan dengan *tagging* yang mana *tagging* diwujudkan dalam bentuk yang lebih kompleks dan *throw-up* haruslah berbentuk ringkas dan jelas dibaca. Pemerhati haruslah boleh membaca dan memahami tulisan grafiti yang dihasilkan bagi *throw-up* (Shobe, 2020).

### 2.2.2.3. Piece

*Piece* merupakan singkatan daripada *masterpiece.* Ia adalah hasil karya seni yang kompleks dan memerlukan masa sebanyak beberapa jam serta cat semburan yang pelbagai untuk menyempurnakannya. Pengkarya menggunakan pelbagai warna dalam menghasilkan *piece. Piece* adalah sesuatu yang menarik dan paling digemari dalam kalangan pengkarya (Lamovec, 2019).

*Piece* memberi peluang kepada beberapa orang artis grafiti untuk bekerjasama dan berkomunikasi antara satu sama lain demi menghasilkan satu karya yang agung secara bersama. Misalnya, kumpulan MSK merupakan satu kumpulan yang terkenal dalam menghasilkan grafiti secara bersama (Finchett-Maddock, 2019). Rajah 2.3 menunjukkan gambar-gambar *piece* yang dihasilkan oleh pengkarya-pengkarya grafiti.

**Rajah 2.3**

*Gambar-gambar Piece*



Universiti Malaya







Dicapai daripada *Pinterest*.

Hasil *piece* digemari oleh masyarakat atas nilai estetikanya dan kini ia dilihat sebagai satu seni yang boleh diterima oleh masyarakat. Kebanyakan artis grafiti yang mampu menghasilkan karya grafiti yang berbentuk *piece* diupah untuk berkarya pada permukaan dinding muzium atau bangunan-bangunan tertentu bagi menceriakan kawasan tersebut (Evans, 2016). Walau bagaimanapun, artis grafiti yang suka berkarya dalam bentuk *piece* perlu menghasilkan karya *piece* yang pelbagai dan hasil yang boleh diterima oleh masyarakat setempat di tempat yang berlainan bagi meningkatkan popularitinya.

Universiti Malaya

### 2.2.2.4. *Character*

*Character* didefinisikan sebagai penggunaan figura, *landscape* dan perwakilan watak dalam penghasilan karya (David, 2016). Pengkarya suka merujuk kepada watak yang popular dari komik atau rancangan televisyen dan seterusnya mengolah watak tersebut untuk dimasuki ke dalam karya grafiti mereka. Sebagai contoh, *Batman* dan *Superman* merupakan watak terkenal yang sering digunakan oleh artis grafiti. Rajah 2.4 menunjukkan gambar-gambar *character* yang dihasilkan oleh *Buff Monster*.

**Rajah 2.4**

*Gambar-gambar Character*



Dicapai daripada *Buff Monster* (2016).

Penggunaan jenis grafiti ini memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu bagi membentuk watak yang menarik. *Character* boleh dihasilkan dalam beberapa cara. Terdapat pengkarya yang suka menghasilkan *character* di sekeliling grafiti yang berbentuk tulisan; terdapat pengkarya yang suka menggunakan *character* dalam *piece*

Universiti Malaya

yang dihasilkan; dan terdapat pengkarya yang suka melukis *character* sahaja (Navarro, 2020).

*Character* dipercayai adalah lebih senang diingati oleh masyarakat berbanding dengan *piece*. Terdapat pengkarya percaya bahawa jenis grafiti ini mampu membawa humor kepada karyanya (Xu, 2017). Namun, kebanyakan pengkarya tidak suka pada jenis grafiti ini kerana ia hanya berfungsi dalam menarik perhatian umum.

Grafiti adalah pelbagai. Ia boleh hanya terdiri daripada *tag*, iaitu tandatangan pengkarya, throw up, iaitu tulisan dalam bentuk rupa, *piece*, iaitu hasil kerja yang memenuhi seluruh permukaan dinding atau *character,* iaitu menggunakan watak-watak tertentu. Ia adalah amat bergantung kepada pengkarya untuk menggunakan jenis grafiti yang sesuai berdasarkan kepada ideanya.

Walau bagaimanapun, aktiviti grafiti yang sesuai untuk murid sekolah rendah adalah jenis grafiti yang memerlukan kemahiran yang lebih sederhana dan bentuk yang mudah difahami. Salah satu jenis grafiti yang boleh dipertimbangkan adalah jenis *character*. Jenis *character* melibatkan gambar-gambar atau watak-watak seperti tokoh kartun, binatang, atau objek. Dengan menggunakan elemen ini, murid dapat mengekspresikan kreativiti mereka secara lebih terkawal dan elemen yang digunakan ini adalah lebih sesuai dengan persekitaran sekolah.

Selain itu, jenis *throw up* juga boleh diintegrasikan dalam aktiviti seni grafiti untuk murid-murid sekolah rendah khasnya untuk murid yang tidak pernah melakukan



Universiti Malaya

grafiti. Walaupun *throw up* lebih mudah dan cepat, murid dapat mencipta huruf-huruf atau bentuk-bentuk yang bersifat positif dan berfokus pada tema-tema pendidikan atau nilai-nilai positif dengan bimbingan guru. Ini dapat memupuk nilai positif dalam murid-murid secara tidak langsung.

Namun, jenis grafiti seperti *tagging* dan *piece* mungkin terlalu rumit atau tidak sesuai untuk murid sekolah rendah. Tagging melibatkan tandatangan atau tulisan kecil yang mungkin sulit difahami oleh murid sekolah rendah, sementara piece melibatkan reka bentuk yang lebih kompleks dan warna yang lebih rumit.

Dalam menyelenggarakan aktiviti grafiti di sekolah rendah, ia adalah penting untuk melibatkan guru yang dapat memberikan arahan, mengarahkan kreativiti dan memastikan kesesuaian dengan norma-norma etika dan nilai-nilai pendidikan di dalam komuniti sekolah. Ini dapat menjadikan aktiviti seni grafiti sebagai sarana pembelajaran yang kreatif dan positif bagi murid sekolah rendah.

### 2.2.3. **Reka Bentuk Grafiti**

Grafiti menjadi terkenal atas keistimewaanya iaitu penulisan huruf secara langsung berdasarkan kepada luahan pengkarya. Grafiti tidak memerlukan latihan khusus atau sebarang lakaran sebelum menghasilkan karya grafiti. Walau bagaimanapun, grafiti boleh diwujudkan dalam tiga reka bentuk, iaitu huruf, imej, simbol atau gabungan ketiga-tiganya (Paudel & Neupane, 2019). Setiap hasil grafiti adalah berdasarkan kepada kreativiti pengkarya dan keupayaan pengkarya mengolah idea tersebut secara maujud.

Universiti Malaya

#### 2.2.3.1. Huruf

Grafiti yang berbentuk huruf dihasilkan dengan penggunaan abjad. Kebiasaanya, grafiti berbentuk huruf berasal dari kata-kata yang ringkas dan senang difahami (Oduor, 2019). Pengkarya akan memilih satu perkataan sahaja untuk dijadikan sebagai idea karyanya. Sehubungan itu, perkataan-perkataan yang dipilih memainkan peranan yang amat penting kerana ia mewakili mesej yang disuarakan oleh pengkarya grafiti (Gross dan Gross, 2016). Huruf yang dipilih kemudian dipersembahkan pada permukaan dinding berdasarkan ekspresi artistik pengkarya. Setiap pengkarya mempunyai kecekapan artistik yang berlainan, justeru gaya yang dihasilkan melalui huruf-huruf juga adalah berbeza (Blesso, 2016). Terdapat tiga jenis gaya yang biasa digunakan oleh artis grafiti semasa menghasilkan grafiti.Antaranya ialah gaya *bubble,* gaya *wildstyle* dan gaya 3D.

1. **Bubble**

Gaya *bubble* merupakan gaya yang berbentuk bulat. Gaya ini adalah gaya yang lebih mudah untuk dihasilkan dan sering digunapakai dalam kalangan peminat grafiti. Huruf-huruf yang dihasilkan adalah dalam bentuk buih.

2. **Wildstyle**

Gaya *wildstyle* merupakan gaya yang abstrak. Ia memerlukan imaginasi yang amat tinggi. Huruf-huruf yang dilukis adalah sangat rumit sehingga kebanyakan hasil grafiti yang bergaya ini hanya boleh difahami oleh pengkarya itu sahaja. Gaya ini biasanya dihasilkan oleh artis yang mempunyai kemahiran grafiti yang tinggi.

Universiti Malaya

3. **3D**

Gaya ini memerlukan kecerdasan spatial. Hal demikian kerana huruf-huruf yang dihasilkan adalah dalam bentuk tiga dimensi. Gaya ini membolehkan karya kelihatan lebih realistik dan amat diminati oleh artis grafiti.

#### 2.2.3.2. Imej

Grafiti yang berbentuk imej merupakan penggunaan gambar sebagai media yang mengekspresikan pandangan atau perasaannya. Idea berkarya biasanya dari gambar atau objek yang pernah dilihat dan seterusnya diolah berdasarkan tema atau mesej yang ingin diluahkan. Wu dan Li (2020) berpendapat bahawa grafiti yang berbentuk imej merupakan tarikan kepada pelancong untuk mengunjungi.

#### 2.2.3.3. Simbol

Simbol merupakan perwakilan kepada satu objek (Lee dan Ackley, 2017). Apabila masyarakat melihat kepada simbol yang telah wujud sebelum ini, mereka akan mengetahui mesej yang ingin disampaikan. Walau bagaimanapun, simbol juga boleh melambangkan idea dan kepercayaan seseorang (Hoover, 2018). Pengkarya turut dapat mencipta satu simbol yang unik dan inovatif bagi menyampaikan pemikirannya.

Grafiti boleh diwujudkan dalam pelbagai bentuk. Ia tertakluk kepada kegemaran dan inspirasi pengkarya terhadap hasil karya yang bakal dihasilkan. Namun, perkara yang amat penting dalam menghasilkan grafiti adalah amat bergantung kepada kemahiran mereka dalam menggunakan cat semburan. Kawalan tekanan pada muncung cat dan

Universiti Malaya

cara menyembur memerlukan kemahiran yang perlu diasah secara berperingkat bagi memperoleh pengalaman yang berharga.

### 2.2.4. **Tema Grafiti**

Setiap grafiti mengandungi mesej yang berlainan. Penghayati perlu memerhati dan mengapresiasi setiap karya grafiti bagi mengetahui mesej-mesej tersirat yang ingin disampaikan oleh pengkarya. Menurut Moran dan Gardner (2018), setiap insan adalah berbeza. Justeru, mesej yang ingin dibawa juga adalah berlainan. Walau bagaimanapun, mesej-mesej tersebut boleh dikategorikan berdasarkan kepada beberapa tema. Antaranya ialah politik, budaya, sosial dan ekspresi diri.

#### **2.2.4.1. Politik**

Grafiti yang berunsur politik termasuk slogan, imej atau kata-kata dicetuskan apabila pengkarya ingin membahaskan pandangan mereka mengenai isu politik. Motif pengkarya melakukan grafiti yang berunsur politik adalah kerana mereka ingin menyuarakan ketidakpuasaan atau hak mereka dalam pandangan umum (Armawan, 2018). Grafiti yang bertema ini biasanya menarik perhatian daripada kerajaan kerana ia sering dianggap sebagai satu tindakan vandalisme dan melanggar undang-undang. Lantaran itu, grafiti ini dihasilkan dalam masa yang singkat dengan warna yang terhad kerana ia merupakan satu tindakan vandalisme yang akan diberkas oleh pihak polis. Di samping itu, kebanyakan masyarakat tidak suka akan grafiti yang bertema politik kerana ia dianggap sebagai salah satu tindakan yang mencemarkan alam sekeliling dan menurunkan taraf sesebuah bandar (Evans, 2016).

Universiti Malaya

#### 2.2.4.2. Budaya

Grafiti yang mengandungi unsur budaya dihasilkan apabila pengkarya ingin memperkenalkan kecantikan warisan sesuatu tempat. Salau et al. (2018) menghuraikan grafiti yang bertema budaya dapat menaikkan taraf atau nilai seseuatu tempat dan menjadikan tempat tersebut himpunan orang ramai. Dengan ini, ia juga akan menarik pelancong dari luar negara untuk mengunjungi karya grafiti tersebut kerana ia melambangkan keunikan budaya di negara itu.

#### 2.2.4.3. Sosial

Karya grafiti yang bertema ini biasanya dilakukan oleh pengkarya grafiti yang suka melakukan karya grafiti dalam kumpulan. Mereka akan melakukan grafiti yang berjenis *tagging* di pelbagai tempat, yang mana grafiti tersebut hanya difahami oleh kumpulan mereka sahaja (Taylor et al., 2016). Pengkarya grafiti juga suka mencabarkan diri dengan berkarya di tempat yang susah dicapai atau dikenali sebagai *heaven spot*. Mereka yakin bahawa apabila mereka dapat berkarya di *heaven spot,* maka peluang untuk dipadam atau dilapis oleh karya lain adalah lebih rendah dan ia adalah bahaya untuk melakukannya (Fraser, 2016). Justeru, pengkarya akan berasa lebih bangga untuk ditunjukkan kepada kumpulannya.

#### 2.2.4.4. Ekspresi Diri

Tema ini gemar dilakukan oleh para pengkarya. Hal demikian kerana ia membawa perasaan kebebasan kepada mereka. Pengkarya dapat mengekspresikan diri melalui karyanya. Aspek yang boleh diceritakan adalah banyak seperti masalah yang dihadapi, interaksi sosial dengan sekeliling, perasaan dan sebagainya (Xu, 2017). Ia merupakan

Universiti Malaya

satu medium yang bebas kepada pengkarya untuk meluahkan kata-kata dalam hatinya yang telah terpendam selama-lamanya.

### 2.2.5. **Alat dan Bahan yang Diperlukan**

Alat dan bahan merupakan perkara penting yang perlu disediakan sebelum berkarya. Bagi menjalankan seni grafiti, beberapa alat dan bahan perlu disediakan terlebih dahulu. Antaranya ialah alat melindung seperti *mask* dan sarung tangan serta alat mewarna seperti cat semburan dan muncung cat yang berbagai.

#### **2.2.5.1. Alat Melindung**

Apabila berhadapan dengan bahan kimia, langkah-langkah tertentu perlu diambilkira bagi melindungi diri daripada ancaman. Langkah utama yang perlu diambilkira ialah menyediakan alat dan bahan yang diperlukan. Jika langkah-langkah ini diabaikan, maka ia akan mengakibatkan pelbagai simpton seperti pening, ala dan mengantuk atas gas yang beracun dari cat semburan (Gruber, 2018). Lantaran itu, ia adalah penting untuk memastikan peredaran udara yang baik apabila menghasilkan seni grafiti.

1. **Mask**

Jika seseorang pengkarya grafiti ingin berkarya dalam jangka masa yang panjang, pemakaian mask adalah dicadangkan. Terdapat banyak jenis mask yang ada dalam pasaran. Antaranya ialah mask yang hanya boleh digunakan sekali sahaja atau *gas mask* yang boleh menapis gas yang beracun dan memastikan udara yang disedup telah ditapiskan terlebih dahulu. *Gas mask* juga mampu melindungi bahagian muka daripada terdedah bahan kimia (Bardhan & Foss, 2020).

Universiti Malaya

2. **Sarung Tangan**

Cat semburan sering menghadapi masalah bocor pada muncung cat. Apabila masalah ini timbul, maka bahan cat akan memercik dan terkena tangan pengkarya. Oleh demikian, sarung tangan merupakan bahan melindung yang amat penting bagi memastikan tangan kita tidak terdedah dengan bahan kimia (Kim et al., 2016). Sarung tangan yang boleh digunakan dalam menghasilkan grafiti dibahagikan kepada dua jenis. Antaranya ialah sarung tangan yang berjenis getah atau sarung tangan yang berjenis susu getah. Sarung tangan yang berjenis getah dapat menghalang bahan warna untuk memasuki ke dalam tangan manakala sarung tangan yang berjenis susu getah mampu memberikan mobiliti yang maksimal bagi memudahkan pergerakan.

**2.2.5.2. Alat dan Bahan Mewarna**

Bagi memastikan kreativiti seseorang dapat ditransformasikan secara nyata, bahan mewarna adalah amat penting. Pemilihan bahan mewarna adalah amat bergantung kepada citarasa pengkarya (Falardeau dan Muehlethaler, 2020). Dalam menghasilkan karya grafiti, alat dan bahan mewarna perlu disediakan terlebih dahulu bagi melincinkan proses berkarya.

1. **Cat Semburan**

Cat semburan seringkali menjadi peminat kepada pengkarya grafiti. Pengkarya suka menggunakan cat semburan kerana ia adalah lebih bebas dan tidak menyekat kepada proses berkarya (Suzuki et al., 2016). Pelbagai jenis cat semburan yang boleh digunakan untuk menghasilkan karya grafiti (Baglioni et al.,2018). Namun, cat semburan yang berjenama berlainan mempunyai fungsi yang berbeza. Misalnya, cat semburan yang direka dengan udara tekanan tinggi digunakan untuk menghasilkan

Universiti Malaya

grafiti secara pantas. Manakala cat semburan yang direka dengan udara tekanan rendah adalah lebih mudah dikawal dan lebih fleksibel. Selain itu, mucung cat yang berbagai variasi juga digunakan bagi memperoleh kesan yang lebih menarik.

2. **Muncung cat**

Semasa menggunakan cat semburan, muncung cat merupakan kunci kepada hasilnya. Pemilihan saiz muncung cat adalah amat bergantung kepada cara pengkarya menyembur dan kesan yang diinginkan (Falardeau dan Muehlethaler, 2020). Muncung cat yang bersaiz besar mempunyai lubang menyembur yang lebih besar. Justeru, ia biasa digunakan untuk mewarna objek yang bersaiz besar (Zimmer, 2017). Sebaliknya, jika pengkarya ingin membuat garisan yang tajam, maka penggunaan muncung cat yang bersaiz kecil merupakan pemilihan yang paling sesuai.

### 2.2.6. Teknik Menghasilkan Grafiti dengan Menggunakan Cat Semburan

Sebelum menggunakan cat semburan, goncang cat semburan terlebih dahulu bagi memastikan bahan campuran telah dicampur dengan sepadu. Kemudian, menekan muncung cat sedikit jauh daripada permukaan dinding secara melintang (Falardeau & Muehlethaler, 2020). Pastikan langkah ini dilakukan dengan sekaligus dan tidak berulang-ulang. Apabila anda rasa letih, menukar jari. Ibu jari, jari telunjuk dan jari hantu boleh digunakan dalam proses ini.

Apabila menggunakan cat semburan, gunakan lengan untuk bergerak dan bukan hanya pinggan. Lengan boleh diluruskan bagi memastikan pergerakan yang maksimum. Cara menyembur secara terus dari arah depan akan memberi kesan legap. Jika ingin

Universiti Malaya

melakukan pencampuran warna, cara menyembur boleh dilakukan dari sisi (Zimmer, 2017). Apabila habis menggunakan cat semburan, memutar cat semburan dan menekan hujungnya sehingga bahan warna telah dikeluarkan bagi mengelakkan penyumbatan kerana jika tidak dibersihkan dengan cara ini,maka kemungkinan warna tersebut akan kering dan akan menjadi sumbat (Gao et al., 2018).

### 2.2.7. **Cara Menghasilkan Grafiti**

Grafiti dilakukan secara spontan dan tidak ada proses yang tepat untuk menjalankan grafiti (Xu, 2017). Namun, beberapa perkara perlu diperhatikan semasa menghasilkan grafiti. Perbincangan berkaitan dengan aspek-aspek yang penting semasa menghasilkan grafiti akan dibahagikan kepada proses sebelum, semasa dan selepas menghasilkan grafiti.

#### **2.2.7.1. Sebelum Menghasilkan Grafiti**

Sebelum memulakan proses grafiti, penting untuk merujuk kepada sumber-sumber dari internet untuk menentukan tema yang sesuai untuk grafiti yang akan dibuat. Pemilihan karya rujukan dan tema yang tepat dapat menjadi langkah awal yang sangat penting dalam proses penghasilan grafiti. Hal ini dapat membantu untuk menciptakan karya yang unik dan menarik serta mampu memberikan pesan yang jelas kepada para penontonnya.

Pertama-tama, dalam pemilihan karya rujukan, kita dapat mencari referensi dari seniman grafiti terkenal seperti Banksy, Shepard Fairey atau mencari seniman lokal yang karya-karyanya telah dikenal di wilayah kita. Kita dapat mengamati gaya dan teknik yang digunakan oleh seniman-seniman ini untuk membuat karya mereka

Universiti Malaya

menjadi menarik. Setelah menentukan gaya dan teknik, maka kita dapat memilih tema yang ingin dibawa dalam grafiti kita. Tema yang dipilih haruslah membawa mesej yang ingin disampaikan seperti masalah yang dihadapi kontemporari. Pemilihan tema yang tepat dapat membantu untuk memberikan fokus pada karya yang dibuat dan meningkatkan daya tarik serta pesan yang ingin disampaikan.

Grafiti dilakukan dengan motifnya untuk ditunjukkan kepada orang ramai bagi berkongsi karya grafitinya. Lantaran itu, tempat menghasilkan grafiti juga adalah amat penting. Tempat yang dipilih haruslah strategik dan mudah dilihat oleh orang ramai (Evans, 2016). Misalnya, tempat himpunan orang ramai seperti bandar Kuala Lumpur sering dijadikan sebagai tempat berkarya untuk pengkarya grafiti. Seterusnya, pengkarya grafiti perlu memperoleh persetujuan daripada pihak berkenaan untuk melakukan grafiti. Jika tempat yang dipilih adalah pada dinding sesebuah bangunan, maka persetujuan perlu diperolehi daripada tuan hak milik bangunan tersebut terlebih dahulu. Langkah ini perlu dilakukan bagi memastikan tindakan berkarya ini tidak dilihat sebagai vandalisme (Westenberger, 2019). Selain itu, dengan mempunyai kebenaran daripada pihak berkenaan, maka pengkarya boleh menghasilkan seni grafiti dengan tenang dan tanpa bimbang akan ditangkap oleh polis. Dengan ini, pengkarya boleh menikmati waktu berkarya kelak nanti.

Selanjutnya, bagi memastikan karya yang dihasilkan adalah menarik dan kemas, pengkarya boleh mengecat dinding tersebut dengan cat yang berwarna putih terlebih dahulu (Budyastomo, 2018). Langkah ini akan memudahkan proses berkarya dan tidak menganggu idea pengkarya. Walau bagaimanapun, jika dinding tersebut adalah kosong dan tidak dilukis sebelum ini, maka langkah ini boleh dielakkan. Kemudian,



Universiti Malaya

bahan-bahan yang diperlukan perlu disediakan terlebih dahulu sebelum memulakan proses berkarya. Antara bahan-bahan yang perlu disediakan adalah cat semburan, muncung cat, sarung tangan dan *mask*.

#### 2.2.7.2. Semasa Menghasilkan Karya

Langkah primer yang perlu dilaksanakan semasa menghasilkan grafiti ialah memakai sarung tangan dan *mask*. Langkah ini mampu melindungi kita daripada terdedah kepada bahan-bahan kimia (Kim et al., 2016). Seterusnya, memulakan proses berkarya seperti di atas kanvas. Sketsa dilakukan terlebih dahulu pada dinding dengan melakar garis luar objek yang ingin dilukis. Langkah ini dilakukan secara *one-shot* dan tidak digalakkan berulang-ulang. Pastikan permukaan yang dilukis adalah bersih dan licin bagi memastikan karya yang dihasilkan tidak akan meninggalkan kesan ketidaksempurnaan atau berlubang.

Setelah memperoleh garisan luar objek, maka langkah boleh diteruskan dengan memasukkan warna-warna yang sesuai. Penggunaan warna kontra dengan warna latar belakang boleh menjadikan karya lebih menarik (Alam, 2019). Walau bagaimanapun, goncang cat semburan terlebih dahulu untuk memastikan bahan dalam tin telah dicampurkan. Akhirnya, pengkarya juga boleh memasukkan bayang pada tempat-tempat yang sesuai bagi menjadikan karya grafiti lebih realistik berdasarkan kreativitinya.

#### 2.2.7.3. Selepas Menghasilkan Grafiti

Setelah menghasilkan grafiti, alat dan bahan yang digunakan perlu dikemaskan bagi menjaga kebersihan persekitaran.

Universiti Malaya

### 2.2.8. **Ciri-ciri Grafiti yang Berkesan**

Grafiti terdiri daripada pelbagai bentuk. Namun, grafiti yang berkesan haruslah ringkas dan mudah difahami (Oduor, 2019). Kebiasaannya, grafiti terdiri daripada tiga hingga tujuh perkataan. Jika grafiti yang dihasilkan mempunyai huruf yang terlalu panjang, maka ia adalah lebih sukar untuk menarik perhatian masyarakat untuk melihat dan mentafsirnya.

Grafiti merupakan satu wadah yang mana manusia yang tidak bertemu secara bersemuka dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Karya grafiti yang dihasilkan haruslah mempunyai mesej-mesej yang mampu disampaikan kepada masyarakat (Shobe, 2020). Dengan ini, ia dapat menarik perhatian masyarakat untuk berhenti dan mengapresiasi karya-karya yang dihasilkan.

Grafiti bukan sahaja bertindak sebagai satu wadah berkomunikasi, tetapi ia juga berkaitan dengan perasaan seseorang. Grafiti yang berkesan boleh menghubungkan jiwa antara satu sama lain (White, 2018). Dalam erti kata lain, melalui karya grafiti yang beragung, ia mampu menyentuh perasaan seseorang dengan mengimbas kembali pengalaman seseorang yang lalu. Sehubungan ini, ia dapat mendorong seseorang untuk mengapresiasi karya grafiti secara mendalam dan menjadikan karya grafiti tersebut bernilai.

### 2.2.9. **Kegunaan Seni Grafiti**

Kontemporari, seni grafiti telah diteliti dan dihargai dari segi nilai estetiknya. Menurut Mohd Izana et.al (2017), seni grafiti telah diterima oleh masyarakat dan dilihat sebagai sejenis kesenian. Sehubungan itu, seni grafiti juga didapati mempunyai pelbagai



Universiti Malaya

kegunaan yang signifikan terhadap bidang psikologi dan sosial serta bidang ekonomi negara atas keunikannya.

### 2.2.9.1. Bidang Psikologi dan Sosial

Seni grafiti digunakan secara meluas dalam pembangunan emosi dan sosial seseorang individu. Hujah ini disokong oleh pendapat Taylor et al. (2016) yang menghubungkaitkan seni grafiti dalam konteks psikologi yang mana seseorang individu dapat meluahkan perasaan negatif; Shobe (2020) pula melihat seni grafiti sebagai komunikasi terhadap masyarakat dalam menyampaikan pemikiran pengkarya. Pengkarya dapat mengekspresikan idea atau pengalaman lalunya secara tidak langsung melalui seni grafiti. Menurut Al-Khawaldeh et al. (2017), proses penghasilan grafiti akan membangkitkan emosi seseorang untuk berkarya dan seterusnya meluahkan perasaan tersebut untuk mencapai keselesaan.

Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa seni grafiti mempunyai kesan positif terhadap psikologi individu. Kajian yang diterbitkan dalam jurnal "Seni dan Kesihatan" pada tahun 2019 menunjukkan bahawa seni grafiti boleh meningkatkan kesejahteraan psikologi remaja. Kajian itu melibatkan 20 remaja yang terlibat dalam program seni grafiti selama enam minggu dan hasilnya menunjukkan peningkatan perasaan gembira dan keyakinan diri dalam kalangan remaja. Sebaliknya, tahap tekanan dan kebimbangan telah dikurangkan melalui program grafiti.

Selain itu, satu kajian telah dilakukan oleh Lee dan Wong pada tahun 2018 yang berjudul "The effects of a graffiti art program on at-risk youth's psychosocial development". Kajian ini melibatkan 49 kanak-kanak dalam program seni grafiti

selama 8 minggu. Hasil kajian menunjukkan bahawa program seni grafiti dapat membantu dalam meningkatkan kemahiran sosial dan psikologi kanak-kanak. Kanak-kanak yang terlibat dalam program seni grafiti melaporkan peningkatan dalam hal-hal seperti kepercayaan diri, kesediaan untuk mempercayai orang lain, emosi positif dan kemampuan untuk menyelesaikan masalah. Selain itu, kanak-kanak juga melaporkan peningkatan dalam kefahaman terhadap seni dan budaya serta penghargaan terhadap kepelbagaian budaya.

Kajian ini menunjukkan bahawa program seni grafiti dapat menjadi alat yang berkesan untuk membantu kanak-kanak dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi dan sosial mereka. Program ini dapat membantu kanak-kanak untuk mengembangkan kemahiran sosial dan emosi serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap seni dan budaya.

Di samping itu, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Cheng dan Chiang pada tahun 2016 yang bertajuk "Effects of Graffiti Art on Emotion, Personality, and Learning Motivation of Junior High School Students", hasil kajian menunjukkan bahawa seni grafiti dapat mempengaruhi emosi, personaliti, dan motivasi belajar dalam kalangan murid. Murid yang terlibat dalam program seni grafiti melaporkan peningkatan dalam emosi positif seperti kreativiti, kegembiraan dan kepuasan diri. Selain itu, program seni grafiti juga dapat membantu murid untuk meningkatkan keberanian dan keupayaan untuk bekerjasama dengan orang lain. Akhirnya, program seni grafiti dapat memotivasi murid untuk belajar dengan lebih semangat.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa seni grafiti dapat memberikan faedah psikologi yang positif, termasuk meningkatkan kesejahteraan psikologi dalam kalangan

Universiti Malaya

individu. Seni grafiti dapat menjadi alat yang berkesan untuk mempromosikan kesejahteraan emosi, personaliti, dan motivasi belajar murid. Dengan memperkenalkan seni grafiti dalam pendidikan, ia dapat membantu murid untuk mengembangkan potensi diri dan menjadi individu lebih kreatif dan bersemangat dalam belajar. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa seni grafiti mesti dilakukan dengan cara yang bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

#### 2.2.9.2. Bidang Ekonomi

Kecantikan grafiti sentiasa menarik perhatian masyarakat dan dapat mendorong seseorang untuk berhenti dan melihat kepadanya. Masyarakat akan berhenti dan mengambil peluang keemasan ini untuk mengambil gambar dengan karya grafiti. Ini telah menjadikan karya grafiti dianggap sebagai kepunyaan potensi dalam bidang seni bentuk (Seok et al., 2020).

Seni grafiti juga kerap digunakan dalam pengiklanan pada permukaan dinding, misalnya pada dinding bangunan (Rabiega & Burger, 2017). Dalam era kini, seni grafiti diberi kebenaran atau digunakan oleh sesetengah organisasi untuk menceriakan persekitarannya (Jeffrey, 2016). Seni grafiti di Malaysia digunakan sebagai strategi pemasaran oleh korporat tertentu seperti Syarikat *Sunway Lagoon*, *Nike*, *Digi* dan sebagainya.

Seni grafiti amat giat di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan telah menunjukkan sokongan kepada seni grafiti dengan menyediakan tempat khas seperti *Klang River* kepada pengkarya seni grafiti dan menganjurkan

Universiti Malaya

program antarabangsa seperti *KulSign Festival* pada tahun 2013 untuk menghasilkan seni grafiti di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (Muhammad Falihin Jasmi & Nik Hanita Nik Mohamad, 2018). Bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng juga telah melancarkan satu program, yang mana Taman Municipal Pinang telah dibuka kepada masyarakat untuk membuat seni grafiti bagi menarik minat para pelancong dari Negara asing. Program ini telah disahut oleh banyak remaja di negeri tersebut. Implikasi dari program ini bukan sahaja dapat mempromosikan budaya di Negara kita, namun para remaja juga dapat mentransformasikan pemikiran mereka ke dalam bentuk visual yang amat menarik.

Terdapat beberapa kajian di Malaysia yang mengkaji impak seni grafiti dalam konteks ekonomi. Salah satu kajian yang menarik adalah kajian yang dilakukan oleh Ismail Said dan Khairul Arifin Mohd Nor pada tahun 2017 yang berjudul "Street Art as a New Source of Urban Economic Development in Malaysia". Kajian ini mengkaji bagaimana seni grafiti dapat membantu dalam pembangunan ekonomi di Malaysia, khususnya dalam konteks pembangunan bandar.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa seni grafiti dapat membantu dalam mempromosikan pelancongan di kawasan bandar. Seni grafiti yang dihasilkan dengan baik dan dijaga dengan baik dapat menjadi daya tarikan pelancongan, dan seterusnya meningkatkan pendapatan sekeliling kawasan tersebut.Selain itu, seni grafiti juga dapat memberikan peluang pekerjaan dalam bidang seni dan reka bentuk. Kajian ini menunjukkan bahawa seni grafiti bukan sahaja dapat memberikan manfaat estetika

Universiti Malaya

dan kreatif, tetapi juga dapat membantu dalam pembangunan ekonomi dan sosial di Malaysia.

Satu lagi kajian yang relevan dalam konteks ini adalah kajian yang dilakukan oleh Nurul Ain Nazihah Razali dan Shafinaz Ahmad Shahidan pada tahun 2019 yang berjudul "Graffiti Art: An Alternative Tool for Urban Regeneration in Malaysia". Kajian ini mengkaji bagaimana seni grafiti dapat digunakan sebagai alat alternatif dalam memulihkan dan memperbaiki kawasan bandar di Malaysia.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengambil sampel dari kawasan bandar di Kuala Lumpur, Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa seni grafiti dapat membantu dalam memperbaiki imej dan citra kawasan bandar yang biasanya dianggap kurang menarik atau terbiar. Seni grafiti yang dihasilkan dengan baik dan diselaraskan dengan elemen kawasan sekitar dapat menarik perhatian pengunjung dan warga tempatan untuk berkunjung ke kawasan tersebut. Selain itu, seni grafiti juga dapat meningkatkan semangat kreatif dan keprihatinan sosial dalam kalangan masyarakat tempatan, yang pada gilirannya dapat membantu dalam pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut.

## 2.3. Gangguan Emosi

### 2.3.1. Konsep Gangguan Emosi Secara Umum

Emosi merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan dan ia membawa kesan secara langsung terhadap tindakan dan reaksi tanpa berfikir. Critchley dan Garfinkel, (2017) menyatakan seseorang pernah melalui perasaan sedih atau tertekan dalam kehidupannya. Namun, ada dalam kalangan mereka yang mempunyai perasaan



Universiti Malaya

tersebut dan menyebabkannya menjadi gangguan emosi. Pernyataan ini juga disokong oleh Downs et al. (2019) yang menghuraikan gangguan emosi dengan respon individu.

Gangguan emosi berpunca daripada interaksi individu dengan persekitaran dan membawa impak yang negatif terhadap dirinya. Gangguan emosi merupakan keadaan yang akan menjejaskan prestasi seseorang dalam pembelajaran (Rorlinda Yusof et al., 2017). Keadaan yang disebut tersebut adalah seperti individu tidak mempunyai kemahiran interpersonal dan intrapersonal; kecelaruan emosi atau perasaan dalam kehidupan seharian; kerap berasa tidak gembira dan menghadapi tekanan emosi; berasa takut apabila menghadapi masalah sosial atau peribadi (Niedenthal & Ric, 2017).

Gangguan emosi sering wujud dalam kalangan remaja. Menurut Erik Erikson (1993), pada peringkat remaja, murid-murid adalah lebih sensitif dan mereka tidak menunjukkan perasaan mereka secara langsung seperti pada peringkat kanak-kanak. Pada peringkat ini, mereka akan mudah kekeliruan identiti diri dan membawa kepada ketidakstabilan emosi atau yang dikenali sebagai gangguan emosi.

### 2.3.2. **Konsep Gangguan Emosi Secara Khusus**

#### **2.3.2.1. Pengenalan**

Emosi adalah aspek penting dalam kehidupan individu, termasuk di kalangan murid yang berada dalam lingkungan pendidikan. Dalam arena pendidikan, emosi bukanlah sekadar fenomena sampingan, tetapi menjadi inti yang mempengaruhi kemajuan murid. mosi memainkan peranan kunci dalam bagaimana murid merespon, memahami, dan berinteraksi dengan maklumat yang disampaikan. Gangguan emosi di

Universiti Malaya

kalangan mereka bukan hanya satu cabaran pembelajaran, tetapi juga menjejaskan kestabilan sosial dan perkembangan menyeluruh. Untuk merungkai fenomena ini, penting untuk melihat dengan lebih terperinci bagaimana emosi dan gangguan emosi memainkan peranan kritis di dalam dunia pendidikan.

#### 2.3.2.2. Emosi dan Dinamika Pembelajaran

Dalam konteks pendidikan, peranan emosi dalam dinamika pembelajaran tidak dapat diabaikan. Apabila membincangkan emosi dalam konteks pendidikan, perlu diberi tumpuan kepada cara emosi seperti kegembiraan, kecemasan, dan kesedihan yang mempengaruhi reaksi serta penghayatan maklumat oleh murid. Analisis terhadap peranan emosi dalam pembelajaran membuka ruang untuk memahami bagaimana murid merespon kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran. Kemahiran untuk mengendalikan dan memahami emosi memberikan landasan untuk terlibat dalam proses pembelajaran dan mencapai prestasi akademik yang optimum. Dalam huraian ini, kita akan meninjau hubungan erat antara emosi dan proses pembelajaran, serta bagaimana pemahaman terhadap emosi dapat memberikan pandangan yang lebih jelas terhadap pengalaman pembelajaran murid.

Emosi memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana seorang murid dapat memusatkan perhatian terhadap sesuatu konsep atau maklumat. Kecemasan atau kegembiraan yang terlibat dalam sesuatu topik dapat mempengaruhi penglibatan murid dan kesediaan murid untuk memproses maklumat tersebut. Misalnya, rasa ingin tahu yang tinggi dapat meningkatkan penglibatan murid dan pemahaman murid terhadap topik yang dipelajari.

Universiti Malaya

Hubungan antara motivasi dan emosi adalah seringkali saling berkait. Kegembiraan dan pencapaian dalam pembelajaran dapat memupuk motivasi positif dalam diri murid. Sebaliknya, kekecewaan atau rasa frustasi mungkin menghalang motivasi dalam diri murid. Oleh itu, ia adalah penting untuk memahami bagaimana untuk memupuk motivasi positif melalui pengelolaan emosi.

Kualiti hubungan guru-murid memainkan peranan krusial dalam dinamika emosional di dalam bilik darjah. Respon guru terhadap murid, sikap menyokong, dan keadilan dalam memperlakukan murid mempengaruhi persepsi emosi mereka terhadap pembelajaran. Sebuah hubungan yang positif dapat memberikan rasa keselesaan dan kepercayaan kepada murid.

Murid sering menilai pengalaman pembelajaran melalui lensa emosional. Perasaan kejayaan atau kegagalan dalam tugas atau ujian boleh membentuk persepsi mereka terhadap kemampuan belajar mereka. Pemahaman guru tentang pengaruh emosi pada penilaian dan pembelajaran dapat membantu mencipta persekitaran di mana murid berasa diterima dan didorong untuk belajar.

Hubungan antara emosi dan fungsi ingatan adalah penting dalam pembelajaran. Pengalaman disertai dengan emosi yang kuat, seperti kegembiraan atau kekecewaan, dapat meningkatkan keupayaan untuk mengingati maklumat. Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam merangsang emosi positif murid-murid yang berkaitan dengan pembelajaran.

Universiti Malaya

Kesedaran emosi melibatkan kemampuan untuk mengenali, memahami, dan menguruskan emosi. Murid yang memiliki kesedaran emosi yang baik dapat mengelola stres, bertindak balas terhadap interaksi sosial dan mengatasi cabaran pembelajaran dengan lebih efektif. Kesedaran emosi juga dapat membantu mereka lebih memahami perasaan mereka terhadap pembelajaran.

Pemahaman mendalam terhadap setiap aspek ini mampu membantu membentuk strategi pengajaran yang lebih responsif, mencipta lingkungan yang memfasilitasi pembelajaran yang efektif dan mendukung perkembangan emosional yang positif di kalangan murid.

**2.3.2.3. Realiti Cabaran Murid dengan Gangguan Emosi**

Gangguan emosi dalam kalangan murid melibatkan ketidakseimbangan dalam pengawalan emosi, yang boleh merintangi kemampuan mereka untuk berfungsi dengan baik.Dalam kalangan murid yang mengalami gangguan emosi, realiti cabaran yang dihadapi adalah kompleks dan melibatkan pelbagai aspek yang dapat memberi impak besar terhadap kehidupan mereka, terutamanya dalam konteks pembelajaran. Memahami secara mendalam realiti cabaran ini adalah penting untuk membentuk pendekatan yang efektif dalam memberikan sokongan dan merangkumi keperluan murid.

Murid yang menghadapi kecemasan cenderung mengalami kesulitan dalam menumpukan perhatian dan berkonsentrasi semasa proses pembelajaran. Perasaan

gelisah atau terancam dapat merintangi kemampuan mereka untuk memproses maklumat dengan efektif, mencipta halangan terhadap pembelajaran yang optimal.

Gangguan emosi seperti depresi sering menyebabkan perubahan dalam minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran. Perasaan sedih yang berpanjangan dan kehilangan harapan dapat merugikan prestasi akademik mereka, mengakibatkan penurunan pencapaian dalam ujian dan tugasan.

Murid dengan gangguan emosi mungkin mengalami kesukaran untuk bersosialisasi dengan rakan sebaya. Mereka cenderung menarik diri dari aktiviti sosial, membatasi kemampuan mereka untuk membina hubungan dan melibatkan diri dalam lingkungan sekolah.

Tingkah laku yang mencerminkan gangguan emosi dapat mencetuskan suasana pembelajaran yang tidak stabil. Tindakan impulsif, agresif, atau menantang otoritas dapat mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dan ia memerlukan strategi pengurusan tingkah laku yang lebih berkesan.

Kesulitan yang dihadapi dalam mengatasi gangguan emosi sering mengakibatkan pencapaian akademik yang tertangguh. Murid mungkin memerlukan lebih banyak masa dan sokongan untuk mencapai tahap prestasi yang diharapkan atau menggariskan keperluan akan pendekatan pembelajaran yang lebih khusus.

Universiti Malaya

Dengan memahami secara lebih mendalam realiti cabaran ini, kita dapat membina pendekatan holistik yang berfokus pada sokongan emosional, intervensi yang berkesan, dan penciptaan lingkungan pembelajaran yang inklusif bagi memastikan perkembangan menyeluruh murid dengan gangguan emosi.

### 2.3.2.4. Ciri-Ciri Murid Bermasalah Emosi

Murid yang menghadapi gangguan emosi sering menghadapi cabaran unik di dalam dan luar bilik darjah. Murid yang menghadapi masalah emosi boleh menunjukkan perubahan drastik dalam tingkah laku. Mereka mungkin bersikap agresif, bertindak secara impulsif, atau menunjukkan perilaku antisosial yang tidak selaras dengan norma sebelumnya. Bukan begitu sahaja, gangguan emosi boleh mempengaruhi pencapaian akademik. Murid boleh mengalami penurunan prestasi, kesukaran untuk menumpukan perhatian, atau kehilangan minat dalam proses pembelajaran.

Murid yang mengalami masalah emosi juga cenderung menarik diri dari interaksi sosial. Mereka mungkin menghindari berkomunikasi dengan rakan sebaya, mengalami kesulitan membina hubungan, dan lebih suka berada dalam keadaan kesunyian. Murid dengan masalah emosi mungkin menunjukkan reaksi emosional yang tidak sepadan dengan situasi. Mereka boleh bertindak secara berlebihan atau merespon secara berlebihan terhadap peristiwa dalam kehidupan seharian.

Ciri penting adalah ketidakstabilan emosional yang ketara. Murid yang mengalami gangguan emosi ini mungkin mengalami perubahan suasana hati yang mendalam, dari kegembiraan ke kekecewaan atau kemarahan tanpa sebab yang jelas. Murid

Universiti Malaya

bermasalah emosi boleh menghadapi kesulitan dalam mengawal emosi mereka. Mereka lebih cenderung menunjukkan ketidakstabilan emosional dan menghadapi kesulitan untuk kembali ke keadaan ketenangan.

Beberapa murid mungkin menunjukkan gejala fizikal yang berkaitan dengan tekanan emosional, seperti sakit kepala, gangguan tidur, atau masalah kesihatan lain yang timbul akibat ketidakseimbangan emosi. Murid bermasalah emosi juga mungkin kehilangan motivasi untuk terlibat dalam aktiviti pembelajaran atau kokurikulum. Mereka boleh menunjukkan kurangnya inisiatif dan semangat untuk mencapai kejayaan.

Murid dengan masalah emosi sering menghadapi kesulitan dalam menyesuaikan diri dengan perubahan, sama ada dalam rutin harian atau transisi ke tahap pembelajaran yang lebih tinggi. Ia adalah penting untuk diingat bahawa ciri-ciri ini boleh berbeza dan tidak semua murid yang mengalami masalah emosi akan menunjukkan kesemua ciri tersebut. Setiap individu adalah unik, dan pendekatan yang menyeluruh diperlukan untuk memahami dan memberikan bantuan kepada murid yang menghadapi cabaran emosi.

#### 2.3.2.5. Intervensi dan Sokongan Terhadap Murid yang Mengalami Gangguan Emosi

Dalam membantu murid yang mengalami gangguan emosi, perlu dilaksanakan intervensi dan sokongan yang holistik dan berkesan. Pengenalan awal terhadap gangguan emosi adalah langkah utama dalam intervensi. Guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap perubahan tingkah laku dan prestasi murid serta melakukan

Universiti Malaya

penilaian awal untuk mengenal pasti gangguan emosi yang mungkin dihadapi oleh murid-murid.

Penanganan gangguan emosi di kalangan murid memerlukan pendekatan yang menyeluruh dan kerjasama antara pendidik, keluarga, dan profesional kesihatan mental. Sokongan emosional yang berterusan perlu disediakan kepada murid. Ini boleh melibatkan perbincangan terapeutik, sesi kaunseling atau program pendidikan emosi yang membantu mereka menguruskan perasaan dan tekanan emosional. Penggunaan program terapeutik yang disesuaikan dengan keperluan murid adalah penting. Ini boleh termasuk terapi kognitif tingkah laku, terapi seni, atau teknik relaksasi untuk membantu mereka mengatasi gangguan emosional dengan lebih baik.

Kerjasama dengan keluarga adalah kunci dalam membantu murid yang menghadapi gangguan emosi. Berkongsi maklumat dan bekerjasama dengan ibu bapa atau penjaga murid dapat menyediakan persekitaran sokongan yang selaras antara rumah dan sekolah.

Guru perlu memberikan adaptasi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk memenuhi keperluan khusus murid. Ini mungkin melibatkan penyediaan bahan pembelajaran yang lebih sesuai dengan murid yang menghadapi gangguan emosi, penilaian alternatif atau penyesuaian dalam lingkungan bilik darjah. Pemantauan secara berterusan terhadap perkembangan murid juga adalah penting. Guru perlu berkomunikasi secara berterusan untuk memastikan strategi intervensi diselaraskan dengan keperluan semasa murid.



Universiti Malaya

Murid perlu diberi peluang untuk terlibat dalam program pembangunan sosial dan emosi. Ini boleh melibatkan aktiviti kokurikulum, program sukarelawan, atau projek yang dapat membantu mereka membina hubungan sosial yang positif. Di samping itu, rangsangan positif dan pengiktirafan kepada murid mengenai pencapaian kecil yang dilakukan oleh mereka juga adalah penting. Ini dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan diri mereka dalam mengatasi cabaran yang dihadapi.

Melalui pendekatan ini, diharapkan murid yang mengalami gangguan emosi dapat menerima sokongan yang mencukupi untuk meningkatkan kesejahteraan mereka di dalam dan luar persekitaran pembelajaran.

### 2.3.3. **Jenis Gangguan Emosi**

Gangguan emosi diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu respon yang terlalu kuat dan bersifat luaran atau respon yang terlalu lemah iaitu bersifat dalaman. Menurut Hodzori et al. (2020), gangguan emosi yang bersifat luaran merupakan sejenis gangguan emosi yang mempunyai kaitan terus dengan persekitarannya. Misalnya, hiperaktif, agresif dan sebagainya. Manakala gangguan emosi yang bersifat dalaman merupakan sejenis gangguan emosi yang mempunyai kaitan terus dengan dirinya. Sebagai contoh, kemurungan, tekanan emosi, anti-sosial dan sebagainya (Madlan et al.,2019).

### 2.3.4. **Kesan Gangguan Emosi**

Gangguan emosi mengakibatkan pelbagai simpton yang muncul dalam kalangan murid dan membawa kesan terhadap kehidupan seharian mereka. Dirgayunita dan Prasetiya (2019) menyatakan bahawa individu yang mengalami masalah tekanan



Universiti Malaya

emosi akan mengalami keadaan kurang minat dalam aktiviti seharian, kurang tumpuan, *insomnia,* kurang selera untuk makan, peningkatan atau penurunan berat badan, kurang yakin dan paling serius sekali ialah mereka akan mempunyai niat untuk membunuh diri. Gangguan emosi dalam kalangan murid merupakan salah satu cabaran kepada guru semasa menjalankan PdPc. (Graves, 2018; Rorlinda Yusof et al., 2017). Sesetengah murid yang mengalami gangguan emosi seperti tekanan emosi akan memilih jalan penyelesaian dengan melakukan aktiviti yang tidak menepati peraturan (Paliziyan et al., 2018) seperti vandalisme, berlawan dan sebagainya. Jika gangguan emosi tidak ditangani dengan cara yang betul, ia akan membawa kesan negatif terhadap murid-murid.

### 2.3.5. **Teori Emosi Dan Seni**

#### 2.3.5.1. Leo Tolstoy (1897)

Teori Estetika Leo Tolstoy, juga dikenali sebagai "Teori Keserasian" atau "Teori Harmoni", merupakan satu konsep estetika yang diperkenalkan oleh penulis terkenal Rusia, Leo Tolstoy. Teori ini mengenai bagaimana manusia merasai keseronokan daripada keindahan dan seni. Menurut Leo Tolstoy (1897), keseronokan daripada keindahan dan seni tidak hanya berdasarkan kepada cita rasa peribadi seseorang, tetapi ia juga berkaitan dengan kualiti objektif karya seni itu sendiri. Leo Tolstoy menyatakan bahawa keindahan sebenar berasal daripada keharmonian antara perasaan dan rasionalitas.

Leo Tolstoy juga menghuraikan bahawa seseorang seharusnya melihat seni sebagai salah satu kemestian dalam kehidupan manusia dan bukan hanya sebagai sesuatu yang memberi perasaan menyenangkan. Beliau yakin bahawa kepentingan seni dalam kehidupan adalah bagi mempromosikan kefahaman antara satu sama lain. Seni

menurut Leo Tolstoy umpama pemberian ucapan, kerana ianya mempunyai tujuan yang sama iaitu ucapan berkomunikasi tentang fikiran manakala seni berkomunikasi tentang emosi.

Tolstoy menyatakan bahawa karya seni menghubungkan pengkarya dan audien secara serentak, sebelum atau selepas melalui kesan artistik yang sama antara pengkarya dan audien. Kesan artistik tersebut dapat menyentuh jiwa seseorang dengan mengaitkan pengalaman emosi audien dan pengkarya. Justeru itu, kegiatan seni adalah berdasarkan cara seseorang mengamati atau menerima ungkapan perasaan orang lain, melalui pendengaran atau penglihatan. Dalam erti kata lain, emosi menjangkiti pembaca, penonton dan pendengar, Seni dihasilkan adalah untuk berkongsi emosi dan ianya bertindak sebagai alat persekutuan antara manusia.

### 2.3.6. **Kajian Cara Menangani Gangguan Emosi**

Bagi mengatasi masalah gangguan emosi, pakar kaunseling telah menggunakan terapi seni bagi membantu murid untuk menangani masalah emosi. Hasil kajian menunjukkan bahawa murid bersikap positif terhadap penggunaan seni untuk menangani masalah emosi yang dihadapi. Mereka berasa seronok semasa menjalankan terapi seni dan ia membawa impak yang positif terhadap emosi mereka. (Bernier, 2019; Losinski & Hughey & Maag, 2016; Tripathi, 2016). Terapi seni merupakan satu intervensi yang kerap digunakan bagi membantu murid menangani masalah gangguan emosi.

Melalui kajian-kajian lepas, didapati bahawa murid-murid yang terlibat dengan masalah gangguan emosi disembuhkan melalui cara melukis atas kertas atau membuat



Universiti Malaya

kraf. Walau bagaimanapun, murid-murid tidak dapat meluahkan perasaan mereka secara langsung dan medium yang digunakan untuk mengekspresikan ideanya adalah terhad pada ruangnya. Dengan ini, penyelidik ingin menjalankan satu kajian untuk membantu murid yang mengalami masalah gangguan emosi untuk mengekspresikan perasaan atau jiwa mereka secara langsung dengan aktiviti seni grafiti secara bebas.

### 2.4. Penerokaan Seni Grafiti dalam Membantu Mengurangkan Gangguan Emosi Murid

Seni grafiti merupakan satu kegiatan seni yang menarik bagi membantu murid meluahkan perasaan mereka secara bebas. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Khotimah dan Budiyono (2019), seseorang dapat mengurangkan tahap stres dalam dirinya melalui pelaksanaan seni grafiti. Semasa menghasilkan karya grafiti, pengkarya dapat mencapai ketenangan, menambahbaik emosi dan seterusnya memenuhi kepuasan dirinya. Pendapat ini juga disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Hedegaard (2014) dan Klingman dan Pearlman (2000) yang bersetuju dengan impak grafiti dapat membantu diri seseorang dari aspek psikologi.

Seni grafiti berfungsi sebagai mod komunikasi untuk mengekspresikan emosi dalaman melalui saluran yang tidak konvensional (Shobe, 2020). Murid-murid akan melakukan rundingan dan menjalankan beberapa kawalan serta penguasaan sepanjang proses penghasilan. Emosi negatif yang berada dalam diri murid dapat ditransformasikan dengan cara yang mudah tanpa latihan khusus. Beberapa aspek diperhatikan dan dinilai bagi melihat impak seni grafiti terhadap gangguan emosi murid. Antaranya ialah kepuasan, keyakinan dan motivasi dalam diri individu.



Universiti Malaya

### 2.4.1. **Kepuasan**

Melalui seni grafiti, murid-murid dapat berkomunikasi dengan diri sendiri dan orang lain bagi membantu perkembangan emosi. Murid-murid dapat menyalurkan perasaan peribadinya agar apa yang dirasakan dapat dikomunikasikan dengan orang lain melalui suatu karya dalam seni grafiti. Mereka boleh menceritakan pemikiran dan perasaan mereka melalui penggunaan perkataan yang dapat mengungkapkan jiwa mereka tanpa mengikut protokol yang ditetapkan (Olaluwoye & Ogungbemi, 2020).

Khotimah dan Budiyono (2019) berpendapat bahawa perbuatan ini amat berkesan dalam membantu seseorang individu untuk menghuraikan perasaan masing-masing secara bebas dan mencapai kepuasan kerana keperluan mereka dipenuhi. Pernyataan ini juga disokong oleh Masnah (2020) yang menyatakan seni grafiti memenuhi keperluan mereka dalam memanifestasi perasaan. Walau bagaimanapun, seni grafiti haruslah dijalankan dengan kelulusan daripada pihak yang berkenaan. Dengan ini, murid-murid juga dapat belajar meluahkan perasaan mereka dengan saluran yang betul dan menepati peraturan.

Gray dan Lee (2019) telah menjalankan satu kajian grafiti. Melalui kajian tersebut, murid-murid memberi maklum balas bahawa aktiviti seni grafiti mampu memberi unsur kebebasan kepada mereka untuk mengekpresi diri sendiri kerana murid-murid tidak dihadkan dalam proses penghasilan mereka. Justeru, murid-murid dapat mencari keseronokan di samping mencapai kepuasan semasa melakukan aktiviti grafiti ini.

Grafiti merupakan satu strategi berkomunikasi yang melibatkan perbualan secara visual tanpa bergantung pada interaksi muka. Pemerhati tidak mempunyai sebarang

Universiti Malaya

pengetahuan terhadap identiti pengkarya. Namun, mereka dapat memahami perasaan pengkarya melalui proses mengapresasi karya (Gross & Gross, 2016). Lantaran itu, murid-murid akan mempunyai perasaan ikatan bersama dalam persekitaran yang disebut sebagai kesakitan kolektif. Pada masa yang sama, murid-murid yang mempunyai masalah gangguan emosi akan mempunyai perasaan kepunyaan identiti diri atas bakat yang diterima oleh individu di sekelilingnya. Ini secara tidak langsung dapat mendorong mereka untuk mengamalkan kesihatan emosi yang sihat.

### 2.4.2. **Keyakinan**

Grafiti tidak membezakan umur, sosial, status ekonomi atau tahap pendidikan antara pengkarya. Ia bertindak sebagai medium komuniti untuk sesiapa yang mempunyai keberanian untuk melaksanakannya (Ross, 2016). Semasa melakukan grafiti, ia mampu memberi keyakinan kepada murid-murid untuk mengekspresikan idea, emosi atau pendapat mereka secara langsung (Xu, 2019). Sepanjang proses menghasilkan karya grafiti, murid-murid akan memperoleh pengalaman untuk membantu mereka menguasai kemahiran mewarna dengan menggunakan cat semburan. Proses ini secara tidak langsung dapat membina keyakinan dalam diri mereka (Xu, 2017) dan mendorong mereka untuk menghasilkan karya grafiti yang lebih menarik pada kelak nanti. Santos dan Varandas (2016) telah menjalankan satu kajian dan mendapati bahawa seni grafiti membolehkan murid-murid mempamerkan keyakinan yang lebih tinggi disebabkan oleh kewujudan atmosfera yang membolehkan pelepasan emosi melalui aktiviti grafiti.

Rabiega dan Burger (2017) berpendapat bahawa seni grafiti merupakan satu jenis saluran yang membolehkan individu mencurahkan perasaan dan pendapat mereka



Universiti Malaya

secara jujur. Alshreif (2016) juga menyokong bahawa pengkarya grafiti merupakan pencipta dan individu yang memberikan makna terhadap karya yang dihasilkan. Murid-murid akan lebih mengenali diri sendiri dan mereka akan mengetahui apa sebenarnya yang diinginkan oleh mereka. Oleh itu, cara mereka mentransformasikan idea mereka turut akan membawa perasaan yakin kepadanya.

### 2.4.3. **Motivasi**

Motivasi dapat memacu kejayaan. Apabila karya grafiti yang dihasilkan diamati dan dihargai oleh individu di sekelilingnya, maka ia membawa daya tarikan atau sokongan kepada murid-murid agar bertindak dengan lebih giat dan aktif untuk menghasilkan karya grafiti lagi (Nordmarker, 2016). Keadaan ini mampu membolehkan murid-murid menjauhkan diri daripada emosi yang negatif dan melupakan perasaan yang negatif dengan melakukan aktiviti yang melibatkan nilai estetika secara berterusan. Selain itu, menurut Brandstatter et al. (2018) motivasi akan membawa semangat yang positif dan mengurangkan keadaan emosi yang negatif dalam individu.

Santos dan Varandas (2016) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan dengan seni grafiti. Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur grafiti dapat menambahbaik tingkah laku dalam kalangan peserta kajian. Kajian tersebut menekankan bahawa keadaan kelas telah menjadi lebih bermotivasi dan peserta kajian menunjukkan sifat keterbukaan terhadap individu lain.

Murid-murid secara nalurinya suka bergerak bebas. Mereka akan berasa hairan terhadap persekitaran. Oleh demikian, melalui aktiviti seni grafiti, murid-murid akan berasa lebih seronok untuk meneroka diri mereka dan berkongsi perasaan mereka

Universiti Malaya

kerana murid-murid tidak lagi terhad dalam bilik darjah. Pernyataan ini juga disokong oleh Mitman (2018) yang menerangkan individu yang mengekspresikan perasaan dan pendapat mereka melalui seni grafiti pada tempat awam sebenarnya amat menikmati proses ini dan mereka sanggup mengambil risiko untuk berbuat demikian.

Mesej yang terkandung dalam seni grafiti adalah amat signifikan dan merupakan refleksi daripada pemikiran murid. Guru-guru PSV boleh mengenal pasti perasaan, pemikiran dan hasrat murid melalui hasil karya seni grafiti (Xu, 2017). Dengan melakukan penelitian terhadap hasil grafiti murid, guru-guru dapat meningkatkan profesionalisme diri dan menyumbang kepada pendekatan PdPc yang lebih berkesan dan bermakna dengan mengambil kira keperluan dan kehendak murid yang ditunjukkan dalam seni grafiti.

Universiti Malaya

## 2.5. Kajian Kes Lepas

Mohd Izana et.al (2017) telah menjalankan satu kajian yang berkaitan tentang persepsi masyarakat terhadap seni grafiti di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan dianalisis secara kuantitatif. Melalui kajian tersebut, didapati bahawa sebanyak 76% responden kajian berfikiran positif terhadap seni grafiti yang wujud di Malaysia dan hanya 24% resoponden yang berfikiran negatif terhadap seni grafiti. Hal demikian kerana seni grafiti yang wujud di Malaysia tidak menyentuh isu politik yang serius berbanding dengan Negara yang lain. Bagi responden kajian yang berfikiran positif terhadap seni grafiti, mereka juga tidak menganggap seni grafiti sebagai gejala vandalisme, malah ia merupakan satu budaya baru, yang mana ia menggalakkan masyarakat untuk berjalan dan menghayati seni grafiti di *Klang River*. Walaupun terdapat 62% responden kajian tidak mempunyai

ilmu terhadap seni grafiti namun sebanyak 50% responden kajian juga bersetuju bahawa seni grafiti mempunyai unsur komunikasi dan sebanyak 57% responden kajian menghayati seni grafiti. Melalui kajian ini, didapati bahawa kurang pendedahan ilmu yang berkaitan tentang seni grafiti dalam kalangan masyarakat. Masyarakat melihat seni grafiti sebagai satu jenis aktiviti seni dan mesej yang ingin disampaikan tidak dapat ditafsir atau difahami oleh masyarakat secara mendalam.

Setiap orang mempunyai nilai estetika yang berlainan. Individu mempunyai pemikiran atau tanggapan yang berlainan dalam membuat apresiasi atau penilaian terhadap sesuatu karya seni. David (2016) telah menjalankan satu kajian terhadap penilaian seni grafiti di Kuala Lumpur, Malaysia yang bertajuk *Evaluation of graffiti art works in greater kuala lumpur*. Kajian dijalankan dengan menggunakan metod campuran. Instrumen yang digunakan semasa menjalankan kajian ini ialah temu bual, analisis dokumen dan soal selidik. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat mesej yang tersembunyi di sebalik karya seni grafiti. Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini merupakan artis bagi seni grafiti. Berdasarkan kepada kajian tersebut, karya grafiti harus dipersembahkan dengan cara yang lebih harmoni supaya dapat meningkatkan taraf hidup persekitaran dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Sarena Abdullah dan Norshahidan (2015) telah menghasilkan artikel dengan tujuan untuk mengekplorasi imej dan identiti tentang seni grafiti tempatan. Kajian ini mendapati bahawa artis tempatan telah berusaha untuk melambangkan identiti tempatan dalam karya grafiti mereka. Kebanyakan artis grafiti bersikap terbuka dalam menerima pandangan orang awam. Artikel ini juga menitikberatkan bahawa kebanyakan artis grafiti mempunyai kelayakan akademik dalam bidang seni dari institusi pendidikan tinggi. Mereka menganggap grafiti sebagai sejenis seni alternatif

Universiti Malaya

yang mampu mengekpresikan diri. Kajian ini juga mendapati bahawa respons orang awam turut menjadi sumber dorongan dan motivasi kepada artis-artis untuk menghasilkan karya grafiti. Kajian ini juga telah mengesan perkembangan yang positif dalam bidang grafiti.

Gray dan Lee (2019) telah menjalankan kajian di Korea yang mengkaji penggunaan elemen grafiti dalam pengajaran sebagai suatu aktiviti kritikal di dalam bilik darjah. Kajian tindakan tersebut telah melibatkan 166 orang murid sekolah rendah. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengkaji kesan penggunaan unsur grafiti dalam membantu proses pembelajaran murid dalam subjek Bahasa Inggeris, serta meninjau kesignifikan unsur grafiti dalam konteks pendidikan Korea. Peserta-peserta kajian diminta untuk memilih satu muka surat daripada buku teks Bahasa Inggeris mereka lalu mula menghasilkan seni grafiti padanya. Hasil kajian menunjukkan bahawa 76% peserta kajian mendapati bahawa aktiviti tersebut adalah menyeronokkan atas sebab kebebasan yang diberi serta keseronokan daripada melakukan tingkah laku yang biasanya ditakrif sebagai salah. Majoriti daripada peserta kajian memberi maklum balas yang menitikberatkan unsur kebebasan untuk mengekpresi diri sendiri melalui aktiviti tersebut. Hasil dapatan juga mendapati bahawa unsur grafiti membolehkan murid untuk melepaskan perasaan stres mereka.

Jagadish Paudel dan Pratiksha Neupane (2019) telah menerbitkan satu kajian yang bertajuk *Contents and the language used in graffiti: A case of Kathmandu Valley.* Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggabungkan kaedah analisis dokumen dan kaedah pemerhatian sebagai kaedah utama untuk menginterpretasi data-data yang dikumpul. Tujuan kajian kualitatif ini adalah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan melalui bahasa serta kandungan yang digunakan dalam sesebuah karya

Universiti Malaya

grafiti. Menurut kajian ini, didapati bahawa terdapat pelbagai jenis tulisan, kandungan dan mod dalam proses untuk menyampaikan maklumat.

Kajian ini juga menyatakan bahawa perantara komunikasi bukan terhad kepada vokal atau penulisan sahaja, tetapi juga mengandungi aspek warna dan simbol. Dengan ini, pentafsiran karya grafiti perlu dijalankan bukan sahaja mengambil kira perkataan, tetapi juga unsur warna dan simbol supaya boleh mendapat maksud yang lebih mendalam dan menyeluruh. Kajian ini juga mengenal pasti bahawa grafiti merupakan media yang sangat berkesan untuk mentafsir makna dalam konteks masyarakat setempat. Kajian ini sangat penting bagi para penyelidik yang ingin menganalisis bahasa grafiti dan tema bagi menyumbang kepada badan sastera dalam kajian linguistik. Kajian ini mencadangkan supaya pengetahuan grafiti diterapkan ke dalam kandungan pengajaran supaya boleh melahirkan insan yang mampu mentafsir dari perlbagai mod. Namun, kajian ini hanya memfokuskan pada mesej yang ditemui berdasarkan persepsi pihak ketiga. Kaedah temu bual harus digunakan untuk membuat perbandingan antara persepsi pengkarya dan pihak ketiga.

Kajian yang bertajuk *'Graffiti takes its own space'* telah dijalankan oleh Gabriel Ortiz van Meerbeke dan Bjorn Sletto (2019). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi artis di Bogota setelah grafiti disahkan dari undang-undang. Data-data bagi kajian ini telah dikumpul melalui kaedah temu bual, kaedah analisis dokumen dan kaedah pemerhatian serta dianalisis secara kualitatif. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, seni grafiti merupakan satu budaya yang berkembang secara giat pada zaman kontemporari. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan artis seni grafiti amat bersetuju dengan menjadikan grafiti sebagai satu kegiatan yang disahkan dari segi undang-undang. Artis grafiti berpendapat wadah ini membolehkan mereka

Universiti Malaya

menggunakan sumber awam secara maksimum dan berupaya mengubah landskap bandar. Kajian ini juga memberi satu inspirasi yang baru berkaitan persepsi estetik terhadap seni grafiti dalam era yang baharu. Namun, kajian ini tidak memfokuskan impak bagi menjalankan aktiviti seni grafiti.

Chen et al. (2018) telah menjalankan sebuah kajian kualitatif di Taiwan yang memberi fokus kepada kesan elemen kesenian terhadap kanak-kanak dari keluarga yang bercerai. Kajian ini yang berbentuk kajian kes telah disertai oleh seorang kanak-kanak yang berusia empat tahun. Tempoh kajian ini adalah selama enam minggu dan telah melibatkan jumlah sebanyak sembilan sesi. Objektif kajian bertujuan untuk mengenal pasti kesan aktiviti kesenian dalam membantu kanak-kanak dari segi konsep kendiri, ekspresi emosi serta ekspresi linguistik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kesenian memberi kesan positif terhadap peserta kajian dari segi konsep kendiri, ekspresi emosi serta ekspresi linguistik. Pengkaji mendapati bahawa terdapat perubahan dari segi ekspresi emosi yang ketara jika dibandingkan dengan dapatan pemerhatian semasa sesi pertama. Peserta kajian didapati mengekspresikan emosi dalaman diri sendiri secara verbal yang selaras hasilan karya seni. Namun begitu, dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasi ke atas populasi yang lain dan hanya boleh dijadikan sebagai rujukan disebabkan atas limitasi bilangan peserta kajian.

Xu (2017) telah menghasilkan artikel ulasan mengenai kajian praktikal terhadap grafiti kreatif untuk kanak-kanak. Menurut artikel ini, grafiti adalah penting dalam pendidikan seni kanak-kanak kerana grafiti membolehkan kanak-kanak untuk mengekspres dunia dalaman diri sendiri. Tambahan juga, usia antara dua hingga tiga tahun disebut sebagai tempoh grafiti kerana kanak-kanak dalam usia ini mula untuk



Universiti Malaya

membuat lakaran. Grafiti didapati dapat memupuk kreativiti kanak-kanak. Hasil grafiti kanak-kanak dikatakan boleh dibandingkan dengan hasil grafiti artis dewasa. Unsur yang paling penting dalam aspek bandingan ialah kreativiti primitif kanak-kanak yang amat dominan. Namun dalam aspek pengajaran subjek grafiti, cara pengajaran tradisional adalah tidak sesuai kerana ia akan mengehadkan pemikiran kanak-kanak.

Artikel ini juga menyatakan tiga unsur penting sebagai seorang pendidik yang mengajar seni grafiti, antaranya tahap pencapaian guru, kemampuan untuk berfikir dari segi pemikiran kanak-kanak dan pemahaman yang mendalam terhadap subjek yang ingin diajar. Di antara ketiga-tiga unsur yang disebutkan, kemampuan untuk berfikir dari segi pemikiran kanak-kanak adalah sangat penting untuk mengelakkan guru daripada mengehadkan kreativiti kanak-kanak. Melalui pemupukan kreativiti dalam penghasilan grafiti, kemampuan untuk membuat apresiasi terhadap hasil seni juga boleh dijalankan serentak.

Sebuah kajian kualitatif di Portugal yang dijalankan oleh Santos dan Varandas (2016) bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah penerapan unsur grafiti dalam sukatan pelajaran di sekolah. Kajian tersebut telah dijalankan di sekolah bandar dengan rasionalnya di mana semakin banyak murid sekolah bandar lebih cenderung kepada tingkah laku bersifat agresif dan mencabar. Sebanyak 36 murid dari kelas yang sama telah terlibat dalam kajian tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur grafiti dapat menambahbaik tingkah laku dalam kalangan peserta kajian. Kajian tersebut menekankan bahawa keadaan kelas telah menjadi lebih bermotivasi dan peserta kajian menunjukkan sifat keterbukaan terhadap individu lain. Peserta-peserta kajian pun

Universiti Malaya

mempamerkan keyakinan yang lebih tinggi disebabkan oleh kewujudan atmosfera yang membolehkan pelepasan emosi melalui aktiviti grafiti.

Hedegaard (2014) telah menjalankan kajian yang bertajuk e*xploring tension and contradictions in youth's activity of painting graffiti*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual dan data dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa kegiatan seni grafiti sering dilakukan dalam kalangan remaja yang sedang berkembang dari peringkat kanak-kanak ke remaja. Seni grafiti mempunyai hubungan yang signifikan dalam konteks psikologi dalam kalangan remaja. Melalui seni grafiti, remaja dapat meluahkan perasaan mereka secara bebas dan kini kebanyakan seni grafiti dihasilkan dalam bandar dan diperhatikan oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian ini telah mengabaikan aspek kesahan penghasilan seni grafiti dari segi undang-undang.

Secara kesimpulannya, banyak kajian telah dijalankan terhadap seni grafiti (Hedegaard, 2014; Gabriel Ortiz van Meerbeke & Bjorn Sletto, 2019; Jagadish Paudel & Pratiksha Neupane, 2019; Xu, 2017). Namun, kebanyakan kajian tersebut mempunyai limitasi masing-masing iaitu menjurus kepada konsep dan persepsi seni grafiti atau bahasa dalam seni grafiti. Kajian yang memberi fokus kepada impak yang dibawa oleh seni grafiti adalah kurang dan kebanyakannya adalah kajian yang dijalankan di luar negara. Oleh demikian, penyelidik ingin menjalankan penyelidikan tentang impak seni grafiti dalam konteks psikologi di Malaysia. Penyelidik ingin menggunakan maklumat yang didapati dari kajian lampau untuk mempergiatkan seni grafiti dalam usaha membantu insan yang mengalami masalah gangguan emosi memandangkan seni grafiti merupakan seni yang membolehkan seseorang

Universiti Malaya

memanifestasikan perasaannya ke dalam karya secara langsung. Sasaran bagi kajian yang dijalankan juga akan berlainan dari kajian lampau, yang mana kajian lampau telah dijalankan terhadap masyarakat, artis grafiti atau pelajar. Dalam kajian yang bakal dijalankan, murid-murid sekolah rendah merupakan kumpulan sasaran bagi melihat impak yang dibawa oleh seni grafiti terhadap mereka.

## 2.6. Teori Kajian

Teori estetika Leo Tolstoy memperlihatkan perasaan yang jujur dan mendalam dalam seni. Beliau menyatakan bahawa seni yang baik adalah yang dapat membangkitkan emosi dalam diri penonton. Selain itu, teori estetika Leo Tolstoy mempunyai hubungan yang rapat dengan komunikasi.

Dalam seni grafiti, seniman sering mengekspresikan perasaan mereka melalui karya mereka. Seniman grafiti akan memperlihatkan perasaan yang jujur dan mendalam melalui karya mereka seperti kemarahan, kegembiraan, kesedihan, kegembiraan, dan banyak lagi. Karya grafiti yang berkesan dapat memprovokasi perasaan dan emosi yang kuat pada penontonnya, sehingga memperkuat komunikasi visual antara seniman dan penonton.

Dengan menggunakan teori Tolstoy dalam menjalankan seni graffiti, seniman akan berusaha untuk membuat karya yang lebih bermakna dan lebih kuat komunikasinya dengan penonton. Dalam proses ini, seniman akan menghasilkan karya yang lebih berdaya saing dan dapat mempengaruhi penonton dalam cara yang lebih positif.

Universiti Malaya

Oleh kerana konsep teori Leo Tolstoy (1897) adalah amat sesuai dengan objektif kajian, iaitu memastikan komunikasi yang jelas dan efektif dalam karya seni, justeru penyelidik telah mengaplikasikan teori Leo Tolstoy (1897) sebagai konsep utama dalam menjalankan kajian ini. Rajah 2.5 menunjukkan teori Leo Tolstoy (1897).

**Rajah 2.5**

*Teori Leo Tolstoy (1897)*




Diadaptasi daripada Tolstoy (1897)

Berdasarkan rajah 2.5, Leo Tolstoy (1897) mengutarakan seni yang bercirikan ekspresif dan komunikasi, iaitu seni manifestasi luar seseorang, dengan cara garis, warna, gerak isyarat, bunyi, kata-kata atau emosi. Ia memperlihatkan cara di mana pengkarya memahami sensasi atau sentimen yang dimilikinya, dan sejauh mana ia memberikan penilaian kesan yang telah diterimanya, dan cara persembahan yang dia miliki. Kajian ini mencadangkan bentuk grafiti yang sesuai berdasarkan kepada cara

persembahan pengkarya untuk mewujudkan komunikasi. Justeru, teori Leo Tolstoy (1897) adalah amat sesuai digunakan.

Seni merupakan proses kreatif yang mementingkan ekspresi emosional dari keperibadian manusia agar apa yang dirasakan dapat dikomunikasikan kepada orang lain melalui suatu karya. Teori Leo Tolstoy (1897) mengutamakan proses penghasilan karya berbanding dengan hasil karya. Leo Tolstoy (1897) menerangkan emosi manusia yang pelbagai dapat dihayati semasa menghasilkan karya dan bukan hanya ekspresi kecantikan. Memandangkan teori yang dikemukakan oleh Leo Tolstoy (1897) adalah selaras dengan kajian yang ingin dijalankan, iaitu mengkaji proses penghasilan karya grafiti, maka ia dijadikan sebagai pegangan utama dalam kajian ini.

Seni sebagai ungkapan jiwa dan harus mempunyai personaliti tersendiri. Seni dikatakan sebagai bahasa emosi dan tidak terikat dengan konsep, idea atau objek yang tertentu sebagai *subject matter* untuk berkarya, ia merupakan pencurahan perasaan pengkarya itu. Murid-murid diberi kebebasan untuk mengekspresikan dirinya melalui karya seni. Teori Leo Tolstoy (1897) adalah sesuai dengan objektif kajian iaitu mementingkan kesan penggunaan grafiti bagi membantu murid yang mempunyai masalah gangguan emosi untuk meluahkan perasaan mereka. Lantaran itu, teori Leo Tolstoy (1897) digunakan sepanjang kajian ini dijalankan.

## 2.7. Kerangka Konsep

Gangguan emosi merupakan satu isu yang amat membimbangkan dalam era ini. Daripada setiap 5 orang individu, terdapat seorang individu yang mempunyai masalah gangguan emosi (Bernama, 2016). Gangguan emosi akan membawa pelbagai kesan

Universiti Malaya

negatif terhadap individu, masyarakat dan juga negara. Gangguan emosi bermuncul disebabkan insan tidak dapat menyalurkan perasaan atau emosi negatif seperti marah, sedih dan keliru dengan cara yang betul dan berkesan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengimplementasikan seni grafiti bagi membantu mengurangkan gangguan emosi murid.

Seni grafiti merupakan aktiviti seni yang selaras dengan teori "seni dan ekspresi" yang dikemukakan oleh Leo Tolstoy (1897) (1878). Melalui seni grafiti, murid-murid dapat mengekspresikan jiwa dan perasaan mereka secara langsung dan bebas terhadap hasil karyanya. Mereka tidak perlu mementingkan *subject matter* dan nilai estetika hasil karya. Perkara yang diutamakan melalui kegiatan ini ialah murid-murid dapat meledakkan perasaan masing-masing dengan cara yang kreatif (Xu, 2017). Rajah 2.6 menunjukkan kerangka konsep kajian.

**Rajah 2.6**

*Kerangka Konsep Kajian*




Universiti Malaya

Berdasarkan rajah 2.6, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga elemen, iaitu bentuk, proses dan emosi. Ketiga-tiga elemen ini berhubungkait antara satu sama lain dan memperkembangkan kajian yang bakal dijalankan.

Reka bentuk bagi menghasilkan seni grafiti dibahagikan kepada tiga jenis iaitu simbol, imej dan tulisan. Dalam kajian ini, murid-murid diberi kebebasan untuk menterjemahkan perasaan mereka dalam bentuk simbol, imej atau tulisan mengikut keselesaan masing-masing. Reka bentuk grafiti yang sesuai akan dicadangkan untuk membantu mengurangkan gangguan emosi murid.

Individu bertindak secara jujur semasa berkarya. Tingkah laku yang ditunjukkan dapat diperhati secara telus dan dicatatkan. Melalui kajian ini, proses sebelum, semasa dan selepas menghasilkan seni grafiti ditelitikan bagi mengenal pasti cara yang sesuai bagi murid yang mengalami masalah gangguan emosi.
Seni grafiti membawa impak terhadap seseorang individu. Melalui seni grafiti yang dicadangkan, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti emosi murid yang mengalami gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti. Aspek yang ingin dilihat adalah dari aspek kepuasan, motivasi dan keyakinan murid setelah menjalankan aktiviti seni grafiti. Kesan yang diperolehi dapat membantu meninjau kesesuaian penerokaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid.

## 2.8. Rumusan

Bab ini membincangkan tentang seni grafiti, gangguan emosi dan penerokaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid. Perkara-perkara yang telah dibincangkan tersebut merupakan elemen-elemen penting dalam kajian ini.

Universiti Malaya

Tinjauan telah dilaksanakan terhadap elemen-elemen penting ini dan ia telah membawa satu gambaran keseluruhan yang jelas kepada penyelidik sebagai garis panduan dalam pelaksanaan kajian.

Universiti Malaya

# BAB 3

# METODOLOGI

## 3.1. Pengenalan

Bab ini menjelaskan perkara-perkara tentang metodologi yang digunakan dalam kajian. Metodologi berhubung dengan kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi menjalankan kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pemilihan reka bentuk kajian adalah berdasarkan tujuan kajian dan adalah penting bagi memastikan soalan kajian dapat dijawab dan kajian dapat dijalankan secara terancang dan sistematik. Justeru, bab ini menerangkan tentang bentuk kajian, tempat kajian, persampelan kajian, pengumpulan data dan instrumen, kesahan dan kepercayaan instrumen, kajian rintis, prosedur kajian dan analisis data. Perbincangan ini juga merupakan panduan bagi penyelidik dan pembaca memahami tatacara kajian.

## 3.2. Bentuk kajian

Bentuk kajian yang ingin dijalankan dalam kajian ini ialah kajian kes berciri deskriptif bagi memperihalkan sikap, emosi, tingkah laku dan pandangan peserta kajian dalam penggunaan seni grafiti. Hammarberg et al. (2016) menghuraikan tingkah laku peserta kajian terhadap sesuatu fenomena dapat diukur dan dikenalpasti melalui kajian kes.

Kajian kes merupakan pendekatan yang menyeluruh dalam kaedah kualitatif dan paling kerap digunakan dalam bidang pendidikan (Creswell, 2017). Reka bentuk kajian kes adalah pendekatan yang sangat sesuai untuk tajuk kajian penyelidik iaitu "Penerokaan Seni Grafiti dalam Membantu Mengurangkan Gangguan Emosi Murid

Universiti Malaya

Sekolah Rendah Di Kuala Lumpur." Pendekatan ini memberikan kebebasan untuk mendalami pengaruh seni grafiti terhadap kesejahteraan emosi murid sekolah rendah dalam konteks sebenar. Pemilihan satu sekolah rendah sebagai kes utama membolehkan penyelidikan lebih fokus dan terperinci.

Dengan menggunakan reka bentuk kajian kes, penyelidik bercadang untuk merancang aktiviti seni grafiti yang melibatkan penglibatan aktif murid-murid dalam aktiviti seni. Faktor-faktor seperti kekerapan murid hadir ke sekolah dan murid yang mempunyai halangan dalam pembelajaran atas gangguan emosi menjadi kriteria pemilihan kes. Kajian kes membolehkan data dikutip secara mendalam bagi memperihalkan fenomena yang berlaku. Melalui kajian kes, maklumat-maklumat juga dapat dikumpul secara interaksi dengan peserta kajian bagi menjamin kebolehpercayaan dan kesahihan data (Neuman, 2014; Punch, 2014).

Kajian kes yang dijalankan dalam kajian ini melibatkan proses pengumpulan data-data melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Memandangkan kajian ini berkait rapat dengan emosi peserta kajian, maka kaedah kualitatif yang bersifat fleksibel digunakan dalam menganalisis data- data yang dikumpul agar pengubahsuaian dapat dilakukan mengikut keperluan (Creswell, 2017).

Bagi menjawab persoalan kajian pertama yang diajukan, iaitu, "Apakah reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?", kajian kes dipilih kerana ia dapat memberi informasi yang penting. Melalui kajian kes, satu sekolah rendah dipilih sebagai kes utama untuk memahami secara lebih mendalam dinamika pemilihan seni grafiti oleh murid-murid yang menghadapi cabaran emosi.

Universiti Malaya

Dalam kajian kes, interaksi secara langsung dengan murid-murid dilakukan melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen. Ini membolehkan penyelidik mengenal pasti kriteria pemilihan reka bentuk seni grafiti yang diinginkan oleh murid-murid tersebut. Selain itu, kajian kes memungkinkan penyelidik menentukan elemen-elemen tertentu seperti warna, jenis, atau tema yang memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi mereka.

Melalui analisis perubahan perilaku, kajian kes dapat meneliti impak intervensi seni grafiti terhadap murid-murid yang mengalami gangguan emosi. Dengan memantau perubahan dalam tingkah laku dan ekspresi mereka. Dengan ini, penyelidik dapat menilai sejauh mana seni grafiti dapat menjadi pilihan yang bermakna bagi mereka. Secara keseluruhan, kajian kes membuka pintu untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang pilihan reka bentuk seni grafiti oleh murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi. Melalui pendekatan ini, penyelidik berharap dapat memberikan jawapan yang lebih bermakna dan terperinci terhadap persoalan kajian yang diajukan.

Selain itu, kajian kes juga dapat membantu menjawab persoalan kajian kedua, iaitu "Bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?" dengan menyediakan wawasan yang mendalam mengenai langkah-langkah dan dinamika proses kreatif murid tersebut. Melalui kajian kes, ia dapat memungkinkan penyelidik untuk meneroka pengalaman seni grafiti atau suasana sebenar proses penghasilan seni grafiti dari perspektif murid. Temu bual dengan murid-murid yang mengalami gangguan emosi secara langsung juga



Universiti Malaya

memungkinkan penyelidik mendalami pengalaman mereka dan mengeksplorasi secara mendalam proses penciptaan seni grafiti.

Dengan melakukan pemerhatian terhadap proses kreatif murid-murid, penyelidik dapat memerhati langkah-langkah yang diambil oleh murid dalam menghasilkan seni grafiti. Ini melibatkan pemilihan tema, teknik penciptaan, dan cara mereka mengekspresikan emosi melalui karya seni mereka. Kajian kes memberikan kebebasan untuk menyelidiki aspek-aspek khusus yang mempengaruhi proses penghasilan seni grafiti, termasuk interaksi dengan guru atau rakan sebaya, persekitaran fizikal di sekitar proses kreatif dan cara mereka memilih elemen-elemen seni seperti warna dan bentuk.

Dengan mendapatkan wawasan mendalam melalui kajian kes, penyelidik dapat menggambarkan secara terperinci proses penghasilan seni grafiti oleh murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi. Pemahaman ini tidak hanya memberikan jawapan kepada persoalan kajian, tetapi juga membuka ruang untuk pemahaman lebih mendalam mengenai potensi seni grafiti sebagai medium ekspresi yang membantu mengelola gangguan emosi pada murid sekolah rendah.

Sementara itu, kajian kes dipilih kerana ia dapat memberikan informasi yang lebih mendalam mengenai persoalan kajian ketiga, iaitu "Bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti?". Melalui reka bentuk kajian kes, ia dapat memberikan gambaran komprehensif mengenai perasaan dan reaksi emosi murid dalam konteks aktiviti seni grafiti.

Dengan mengamalkan pemerhatian secara langsung, penyelidik dapat merekodkan secara terperinci bagaimana murid memberi reaksi dan perasaan mereka semasa melibatkan diri dalam proses kreatif seni grafiti. Pemerhatian ini juga melibatkan pemantauan ekspresi muka, bahasa tubuh, dan tindak balas verbal murid yang dapat memberikan petunjuk tentang perubahan emosi yang berlaku. Selain itu, melalui temu bual yang mendalam dalam kajian kes, penyelidik dapat mengeksplorasi perasaan murid secara lebih terperinci dengan membolehkan murid berkongsi secara terbuka mengenai pengalaman emosional mereka semasa melibatkan diri dalam seni grafiti. Pertanyaan yang berfokus pada bagaimana seni grafiti mempengaruhi perasaan mereka, apa yang dirasakan semasa proses mencipta dan perubahan emosional yang mungkin mereka alami juga dapat menghasilkan data yang kaya dan mendalam.

Pemilihan kes yang sesuai dalam kajian ini memungkinkan penyelidik merancang pemerhatian dan temu bual yang relevan dengan konteks dan masalah gangguan emosi yang dihadapi oleh murid. Melalui analisis data dari pemerhatian dan temu bual, penyelidik dapat membentuk gambaran menyeluruh tentang dinamika emosi murid semasa melibatkan diri dalam seni grafiti. Pemahaman mendalam ini dapat memberikan sumbangan yang berharga terhadap bidang pendidikan dan intervensi emosional bagi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi.

Hasil temuan ini kemudian dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis data yang sesuai, seperti proses interaktif oleh Miles dan Huberman untuk data yang dikumpul. Jadual masa juga diatur untuk memastikan pelaksanaan tahap-tahap pengumpulan data, pelaksanaan aktiviti seni grafiti dan analisis hasil dalam tempoh waktu yang mencukupi untuk melihat perubahan yang mungkin terjadi.

Universiti Malaya

Dalam kajian kes ini, ia juga adalah penting untuk mempertimbangkan isu-isu etika dalam penyelidikan yang melibatkan murid sekolah rendah. Persetujuan dari pihak berkenaan seperti guru, ibu bapa, dan pentadbir sekolah juga diambil sebelum melaksanakan kajian kes ini. Laporan akhir mencakup temuan utama, interpretasi, dan cadangan untuk penelitian masa depan atau pelaksanaan program seni grafiti di sekolah rendah. Dengan menggunakan reka bentuk kajian kes, ia adalah diharap bahawa kajian ini dapat memberikan wawasan yang berguna untuk memahami impak seni grafiti terhadap kesejahteraan emosi murid dan memberikan implikasi praktis dalam konteks pendidikan.

## 3.3. Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Sekolah ini merupakan salah satu sekolah rendah di Zon Sentul dan sekolah ini merupakan sekolah saiz besar Gred A. Pemilihan sekolah saiz besar Gred A untuk kajian ini berkait rapat dengan beberapa faktor yang penting dalam mencapai objektif penyelidikan. Pertama, sekolah dengan prestasi yang tinggi seperti Gred A cenderung menonjol dalam pencapaian akademik dan prestasi umum. Oleh itu, pemilihan ini membolehkan kajian untuk meneliti bagaimana seni grafiti dapat memberikan sumbangan kepada kesihatan emosi murid yang sudah berada dalam persekitaran akademik yang cemerlang.

Selain itu, pemilihan sekolah saiz besar juga mengambil kira elemen kepelbagaian dalam komuniti murid. Sekolah besar sering mencerminkan latar belakang sosioekonomi, budaya, dan etnik yang berbeza di kalangan murid. Dengan ini, kajian ini diharapkan dapat menyelidiki impak seni grafiti secara lebih umum dan bagaimana

Universiti Malaya

ia mungkin memberi manfaat kepada murid-murid dengan latar belakang yang berbeza.

Keputusan pemilihan juga disebabkan oleh keberkesanan sumber daya dan kemudahan di sekolah. Sekolah Gred A sering dilengkapi dengan kemudahan yang lebih luas, termasuk ruang seni atau tempat kreatif lain yang dapat memudahkan pelaksanaan aktiviti seni grafiti.

Selain itu, sekolah ini dipilih kerana sekolah ini telah menjalankan soal selidik berkaitan dengan kesihatan minda murid-murid pada tahun 2020 (*rujuk lampiran A*) yang mana ia berupaya memberikan informasi yang lebih terperinci berkaitan dengan emosi murid-murid di sekolah ini.

**Rajah 3.1**

*Analisis Soal Selidik Murid Tahun 4*




Universiti Malaya

Berdasarkan kepada rajah 3.1, didapati bahawa terdapat 13 orang murid tahun 4 (5.39%) yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori peribadi; 5 orang murid tahun 4 (2.07%) yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori keluarga; 6 orang murid tahun 4 (2.49%) yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori rakan dan media sosial; 15 orang murid tahun 4 (6.22%) yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori guru dan sekolah.

**Rajah 3.2**

*Analisis Soal Selidik Murid Tahun 5*




Universiti Malaya

Berdasarkan kepada rajah 3.2, didapati bahawa terdapat 22 orang murid tahun 5, iaitu sebanyak 8.33% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori peribadi; 4 orang murid tahun 5, iaitu sebanyak 1.52% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori keluarga; 5 orang murid tahun 5, iaitu sebanyak 1.89% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori rakan dan

media sosial; 38 orang murid tahun 5, iaitu sebanyak 14.39% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori guru dan sekolah.

**Rajah 3.3**

*Analisis Soal Selidik Murid Tahun 6*




Berdasarkan kepada rajah 3.3, didapati bahawa terdapat 29 orang murid tahun 6, iaitu sebanyak 11.42% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori peribadi; 4 orang murid tahun 6, iaitu sebanyak 1.57% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori keluarga; 4 orang murid tahun 6, iaitu sebanyak 1.57% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori rakan dan media sosial; 32 orang murid tahun 6, iaitu sebanyak 12.60% orang murid yang mengalami gangguan emosi dari segi kategori guru dan sekolah.

Berdasarkan kepada data-data yang ditunjukan, didapati bahawa sebahagian murid di sekolah ini mengalami gangguan emosi dalam kehidupan mereka dan memerlukan

Universiti Malaya

intervensi. Justeru, keputusan soal selidik yang telah dijalankan pada tahun 2020 oleh sekolah ini juga memberikan asas data yang relevan dan berguna dalam menyokong temuan kajian mengenai hubungan antara seni grafiti dan kesihatan emosi murid.

Di samping itu, pemilihan sekolah Gred A ini juga mencerminkan komitmen terhadap pendidikan berkualiti tinggi. Kajian ini dijalankan dengan harapan untuk menggali sejauh mana pendekatan seni grafiti dapat diintegrasikan dalam konteks pendidikan yang kompeten dan berkualiti.

### 3.4. Persampelan Kajian

Etikan et al. (2016) menjelaskan sampel merupakan sumber utama yang memberi informasi-informasi yang penting kepada kajian. Menurut Gentles et al. (2015), bilangan peserta kajian dalam kajian kualitatif tidak ditetapkan. Namun, bilangan peserta kajian yang terlibat haruslah dalam bilangan yang kecil, yang penting ialah berupaya memperoleh informasi-informasi yang diperlukan.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini untuk memastikan peserta kajian yang dipilih memenuhi ciri-ciri yang diperlukan untuk dikaji (Gentles et al., 2015; Punch, 2014). Persampelan bertujuan digunakan bagi menjimatkan masa dan tenaga. Melalui teknik persampelan bertujuan, kajian dapat dijalankan dengan memperoleh data yang tepat secara maksimum dan mengenal pasti jangkaan yang berlaku.

Fokus utama kajian ini adalah untuk membantu murid mengurangkan gangguan emosi dengan melakukan aktiviti seni grafiti. Justeru, pemilihan peserta kajian merupakan

Universiti Malaya

murid-murid yang mempunyai masalah gangguan emosi. Murid-murid yang dipilih harus menunjukkan tingkah laku berikut, iaitu sering berasa cemas dan takut semasa PdPc, kerap tidak hadir ke sekolah tanpa sebab yang munasabah atau kurang tumpuan semasa PdPc. Hal demikian kerana ia amat menjejaskan keberkesanan PdPc berdasarkan pendangan dari guru kelas sekolah.

Lantaran itu, kajian ini memerlukan kerjasama daripada seorang guru kelas dari sekolah untuk memilih empat orang murid dari kelasnnya yang mempunyai masalah gangguan emosi dan menunjukkan tingkah laku yang dinyatakan untuk melibatkan diri dalam kajian ini. Ini adalah kerana mereka lebih mengenali murid-murid yang menghadapi gangguan emosi semasa PdPc. Kajian ini hanya melibatkan empat orang peserta kajian adalah kerana berdasarkan pandangan guru kelas, empat orang murid-murid ini yang menghadapi kekangan dalam pembelajaran mereka, terutamanya dari segi kehadiran dalam kelas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi membantu murid-murid ini.

Walau bagaimanapun, kriteria untuk memilih peserta kajian adalah tidak berdasarkan kepada faktor jantina, agama dan bidang akademik. Peserta kajian juga dimaklumkan dengan etika penyelidikan iaitu kerahsiaan identiti dan mereka berhak untuk menarik diri pada bila-bila masa jika mereka berasa tidak selesa untuk meneruskan kajian ini.

Universiti Malaya

## 3.5. Pengumpulan Data dan Instrumen

### 3.5.1. Pemerhatian

#### 3.5.1.1. Kaedah

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah terawal yang digunakan untuk memperolehi maklumat-maklumat penting secara langsung dalam penyelidikan tanpa memanipulasi makna sebenar (Allen, 2017). Kaedah pemerhatian dapat mengumpul banyak informasi yang tidak dapat dihuraikan secara verbal tetapi boleh didapati melalui non-verbal. Kaedah ini boleh mengkaji tingkah laku sebenar yang ditunjukkan oleh murid dan dapat mengelakkan hasil dapatan berasal daripada persepsi dan prasangka peserta kajian (Ryan, 2019).

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian secara turut serta untuk melihat dan merasai dunia peserta kajian (Allen, 2017). Kaedah pemerhatian secara turut serta membolehkan penyelidik memainkan peranan sebagai peserta di samping juga berperanan sebagai seorang pemerhati. Langkah sedemikian membolehkan penyelidik mengesan maklumat-maklumat yang tersembunyi atau tidak dijangka. Ini membolehkan dapatan kajian yang dikumpul lebih sah dan diteroka secara mendalam. Hasil kajian digunakan sebagai sokongan dalam menjawab soalan kajian kedua iaitu bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi dan soalan kajian ketiga iaitu bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti. Data-data dikumpul semasa murid menghasilkan karya grafiti.

Kaedah pemerhatian dijalankan sebanyak empat kali bagi setiap peserta kajian. Dalam kalangan empat orang peserta kajian, keempat-empat orang itu akan dibahagikan

Universiti Malaya

kepada dua kumpulan untuk meningkatkan keefisienan pengkaji semasa membuat pemerhatian. Setiap sesi pemerhatian hanya melibatkan satu kumpulan, iaitu bersamaan dengan dua orang peserta kajian. Pemerhatian kali pertama dijalankan semasa peserta-peserta kajian membuat latihan lakaran pada permukaan papan; kali kedua semasa lakaran karya grafiti pada dinding; kali ketiga dijalankan semasa proses mewarna; kali keempat dijalankan semasa proses pengemasan dan penambahbaikan. Nota lapangan pemerhatian yang diadaptasi daripada Bogdan dan Biklen (2003) digunakan sebagai instrumen dalam mengumpul data *(rujuk lampiran B).* Selain itu, pengumpulan data dijalankan dengan alat bantuan perakam video. Wadah ini dapat memastikan maklumat-maklumat penting tidak ditinggalkan dan mampu menjamin kebolehpercayaan hasil.

### 3.5.1.2. Nota Lapangan

Nota lapangan merupakan penjelasan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Instrumen ini sering digunakan semasa pemerhatian dijalankan. Menurut Bogdan dan Biklen (2003), nota lapangan terdiri daripada dua aspek iaitu deskriptif dan reflektif.

Nota lapangan deskriptif merupakan catatan terhadap apa yang dilihat dan didengar dalam konteks masa itu. Istilah-istilah yang digunakan untuk membuat catatan tidak boleh terlalu ringkas dan mempunyai tujuan penilaian. Aspek-aspek yang boleh dilihat ialah tingkah laku, tindak balas peserta terhadap sesuatu stimulus dan bahasa bukan verbal yang ditunjukkan. Nota lapangan reflektif pula terdiri daripada pendapat, perasaan atau pengalaman pemerhati terhadap apa yang dilihat. Dalam ruangan ini, pembaca dapat meneliti kefahaman dan refleksi pemerhati terhadap fenomena yang sedang berlaku. Ini dapat membantu pembaca memahami perspektif pemerhati.

Universiti Malaya

Nota lapangan pemerhatian kajian ini dibina dengan merujuk kepada aspek-aspek yang telah dibincangkan iaitu bersifat deskriptif dan reflektif. Berdasarkan kepada Bogdan dan Biklen, kesempurnaan dan ketepatan data merupakan kriteria yang penting semasa membuat catatan. Dengan menggunakan nota lapangan, ia dapat membantu untuk menjawab soalan kajian kedua dan ketiga kerana ia memberikan maklumat yang diperoleh secara langsung dari lokasi kajian. Maklumat ini boleh diperhati dan dicatat dalam nota lapangan melalui interaksi sosial, budaya, dan aktiviti manusia yang berkaitan dengan kajian sepanjang kajian dijalankan. Bukan begitu sahaja, nota lapangan dapat merekodkan emosi peserta kajian dan tingkah laku *non-verbal* peserta kajian yang mana maklumat-maklumat ini sangat penting untuk soalan kajian yang dibina iaitu untuk melihat proses penghasilan grafiti dan kesan penggunaan grafiti terhadap emosi peserta kajian.

Dengan mempunyai akses kepada nota lapangan, penyelidik boleh menggabungkan data ini dengan data lain yang dikumpulkan dari sumber lain, seperti data sekunder. Ini boleh membantu penyelidik dalam menilai dan memahami isu-isu yang berkaitan dengan kajian secara lebih holistik dan menyeluruh.

### 3.5.2. **Temu bual**

Temu bual merupakan kaedah yang penting dalam penyelidikan kualitatif dan dijalankan secara berasingan bagi setiap peserta kajian dalam kajian ini. Temu bual bersifat reflektif dan mencerminkan situasi sebenar mengenai sesuatu fenomena (Neuman, 2014). Kaedah temu bual melibatkan interaksi dan komunikasi untuk memperoleh maklumat yang tidak dapat dibekalkan dari kaedah pemerhatian

Universiti Malaya

(Neuman, 2014). Melalui temu bual, penyelidik mampu memperoleh maklumat yang lebih mendalam seperti pengalaman dan perasaan mereka.

Dalam kajian ini, temu bual separa struktur digunakan untuk menjawab ketiga-tiga soalan kajian iaitu apakah reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi, bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi dan bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti. Nota lapangan temu bual akan digunakan sebagai instrumen semasa menjalankan temu bual dalam kajian ini *(rujuk lampiran C, D dan E)*. Temu bual separa struktur membolehkan penyelidik menjalankan temu bual secara terperinci berpandukan soalan yang telah ditetapkan dan maklum balas dari peserta kajian merupakan maklumat penting untuk dianalisis.

Bagi soalan kajian 1, iaitu apakah reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi, sesi temu bual dijalankan setelah murid menghantar lakaran idea grafiti; bagi soalan kajian 2 dan 3, iaitu bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi dan bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti, sesi temu bual dijalankan setelah murid menghasilkan seni grafiti. Temu bual dijalankan sebaik sahaja setelah sesuatu aktiviti dijalankan bagi memastikan respons dan perasaan yang dikumpul adalah benar dan tidak dilupai oleh murid. Data-data penting juga dicatat semasa melakukan sesi temu bual, selepas sesi temu bual dan semasa mendengar semula audio yang dirakam bagi menyumbang kepada pemahaman tentang fenomena yang sedang diteliti.

Universiti Malaya

### 3.5.3. **Analisis Dokumen**

Analisis dokumen merupakan alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus dan meningkatkan kefahaman penyelidik berkaitan fenomena tertentu (Skjott Linneberg & Korsgaard, 2019; Neuman, 2014). Dalam kajian ini, analisis dokumen dijalankan ke atas foto karya seni grafiti yang dilakar oleh peserta kajian sebelum menghasilkan seni grafiti yang sebenar. Analisis dokumen merupakan sumber yang dapat memberi maklumat yang releven terhadap kajian dan maklumat tersebut adalah sukar untuk dipalsukan (Skjott Linneberg & Korsgaard, 2019) kerana ia merupakan dokumen asli yang dihasilkan secara langsung oleh peserta kajian.

Dalam meneliti foto karya lakaran idea grafiti peserta kajian, penyelidik dapat menilai dan mencadangkan reka bentuk seni grafiti pilihan murid dan seterusnya menjawab soalan kajian satu. Senarai semak digunakan sebagai instrumen semasa menggunakan kaedah analisis dokumen dalam kajian ini *(rujuk lampiran F)*. Kaedah pengumpulan data ini dijalankan setelah peserta kajian melakar idea-idea pada kertas lukisan dan penyelidik mengumpul buku sketsa lakaran tersebut untuk membuat perbandingan antara idea pilihan terakhir bagi keempat peserta kajian.

### 3.5.4. **Matriks Pengumpulan Data**

**Jadual 3.1**

*Matriks Pengumpulan Data dalam Menjalankan Kajian*

| Bil | Aspek | Temubual | Pemerhatian | Analisis Dokumen | Sumber Data |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Reka bentuk grafiti yang sesuai | / | | / | Murid dan folio lakaran idea seni grafiti |

Universiti Malaya

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2 | Proses menghasilkan seni grafiti | / | / | Murid |
| 3 | Emosi murid yang mengalami gangguan emosi semasa pelaksaanaan seni grafiti | / | / | Murid |

Universiti Malaya

### 3.5.5. Pengumpulan Data Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Semasa tempoh PKP, kebenaran daripada guru besar dan ibu bapa peserta kajian adalah amat penting dan perlu diperolehi sebelum meneruskan kajian ini. Bagi memulakan kajian ini, perbincangan idea peserta kajian adalah amat penting. Sesi *google meet* dijalankan bagi perbincangan idea-idea peserta kajian masa ini. Semasa melaksanakan grafiti sebenar, peserta kajian dibahagikan kepada kumpulan yang kecil. Kajian ini dijalankan dengan melibatkan bilangan peserta kajian yang tidak ramai bagi setiap kali proses pengumpulan data. Masa menjalankan kajian ini juga dipilih semasa hujung minggu bagi mengelakkan pertembungan dengan orang yang ramai. Peserta kajian perlu memakai alat pelindung yang disediakan seperti *mask* dan sarung tangan semasa menjalankan kajian ini. Sanitasi dijalankan setelah menjalankan aktiviti seni grafiti bagi setiap kali.

## 3.6. Kebolehpercayaan Data Kajian

### 3.6.1. Triangulasi

Penyemakan data dibuat berdasarkan kepada prinsip triangulasi. Triangulasi merupakan integrasi kaedah yang berlainan demi memperoleh lebih dari satu bentuk

data. Triangulasi diperlukan bagi mengatasi kelemahan yang ada bagi setiap kaedah yang berlainan (Creswell, 2017). Melalui prinsip triangulasi, ketepatan data yang dikumpul dapat divarifikasikan dengan menjalankan penyemakan antara topik yang sama walaupun kaedah pengumpulan yang berbeza.

Prinsip triangulasi sering dikaitkan dengan kajian kualitatif dan bertujuan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian (Neuman, 2014). Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen telah digunakan untuk mengumpulkan data. Kaedah pemerhatian dan kaedah analisis dokumen merupakan kaedah yang tidak boleh berdiri sendiri dan perlu ditriangulasikan dengan kaedah temu bual. Justeru, kaedah temu bual telah digunakan sepanjang kajian dijalankan bagi mengetahui pandangan dan perasaan peserta kajian yang terpendam. Kaedah pemerhatian dan kaedah analisis dokumen pula digunakan sebagai sokongan untuk menyemak data-data yang dikumpul dari kaedah temu bual.

Bagi mencadangkan reka bentuk grafiti yang sesuai, kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen telah digunakan. Manakala kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti proses menghasilkan seni grafiti dan digunakan untuk mengenal pasti emosi murid yang mengalami gangguan emosi murid semasa pelaksanaan seni grafiti. Instrumen yang berlainan juga digunakan untuk memperolehi data yang dapat menyokong antara satu sama lain. Dapatan kajian yang dikumpul akan disemak dan dihubungkaitkan untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Universiti Malaya

### 3.6.2. **Tempoh Pengutipan Data**

Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), perpanjangan tempoh pengutipan data boleh meningkatkan kebolehpercayaan data. Justeru, kajian ini telah mengambil langkah sedemikian dalam kaedah pemerhatian.

Dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpercayaan data bagi kaedah pemerhatian, aktiviti pemerhatian telah diadakan sebanyak empat kali. Seperti yang dimaklumkan dalam bahagian kaedah pengumpulan data dan instrumen, pemerhatian dijalankan sebanyak empat kali terhadap keempat-empat peserta kajian pada peringkat penghasilan grafiti yang ditentukan. Antara peringkat yang telah ditetapkan adalah latihan melakar pada permukaan papan, lakaran karya pada dinding, proses mewarna dan proses pengemasan serta penambahbaikan. Masa di antara setiap aktiviti pemerhatian adalah satu minggu. Masa yang diambil oleh setiap peserta untuk menyelesaikan karya grafiti masing-masing ialah satu bulan. Maka dengan ini, data pemerhatian boleh ditingkatkan kebolehpercayaannya secara berkesan.

### 3.6.3. **Persetujuan Peserta Kajian**

Berdasarkan kepada kajian Birt et al. (2016), kaedah persetujuan peserta kajian merupakan kaedah yang amat berkesan dalam menentukan kebolehpercayaan data yang diperoleh melalui temu bual. Dalam erti lain, peserta kajian memainkan peranan untuk mengenal pasti keselarasan di antara idea yang didapati oleh pengkaji serta idea peserta kajian.

Dalam kajian ini, peserta kajian diminta untuk menentukan sama ada maklumat yang didapati oleh pengkaji melalui temu bual adalah bersamaan dengan idea yang ingin

diutarakan oleh peserta kajian. Pengkaji menggunakan kaedah persetujuan peserta kajian semasa membuat konklusi dalam setiap sesi temu bual. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan persetujuan peserta kajian setelah memproses maklumat yang didapati melalui temu bual secara keseluruhan. Kaedah persetujuan peserta kajian yang dijalankan sebanyak dua lapisan ini membolehkan kepercayaan data temu bual ditingkatkan.

### 3.7. Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi menguji kesahan dan kebolehgunaan instrumen yang digunakan. Tujuan kajian rintis dijalankan untuk memastikan instrumen yang digunakan adalah sesuai dan mampu memperolehi maklumat-maklumat yang relevan untuk menjawab soalan kajian. Dalam kajian ini, tiga set soalan temu bual, satu nota lapangan pemerhatian dan satu senarai semak telah dihantar kepada penyelia untuk membuat semakan terhadap keselarasan antara soalan kajian dengan tema dalam soalan yang dibina. Menurut Bogdan dan Biklen (2003), pengesahan instrumen melalui penyelia merupakan salah satu kaedah bagi menjalankan kajian rintis untuk penyelidikan kualitatif.

Kajian rintis juga dijalankan di tempat kajian sebenar. Walau bagaimanapun, peserta kajian yang terlibat dalam kajian rintis adalah berbeza dengan peserta kajian sebenar. Semasa menjalankan kajian rintis, seorang peserta kajian yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan iaitu mempunyai masalah gangguan emosi dilibatkan. Penyelidik telah memperoleh kebenaran daripada guru besar untuk menjalankan kajian di sekolah yang berkenaan. Setelah menjalankan ujian rintis, penyelidik mendapati bahawa:

Universiti Malaya

1. Peserta kajian mampu menghasilkan beberapa lakaran idea. Proses penghasilan seni grafiti juga dapat dijalankan berdasarkan langkah yang ditetapkan. Namun, masa yang diberikan untuk menghasilkan grafiti pada permulaan adalah kurang sesuai. Lantaran itu, penyelidik telah mengubah masa menghasilkan grafiti kepada empat kali dan kaedah pemerhatian dijalankan selama empat kali bagi kajian sebenar nanti.

2. Instrumen kajian misalnya senarai semak dan borang pemerhatian adalah sesuai digunakan. Soalan temu bual yang dibina juga adalah jelas dan mudah difahami oleh peserta kajian.

## 3.8. Prosedur Kajian

### 3.8.1. Sebelum

Kes yang ingin dikaji telah dikenalpasti sebelum menjalankan kajian ini dan pembacaan artikel, jurnal, tesis dan sebagainya telah dijalankan bagi mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan. Seterusnya, objektif kajian dan persoalan kajian telah dibina berdasarkan kes yang wujud. Sehubungan itu, perancangan yang rapi telah dijalankan ke atas pemilihan bentuk kajian, persampelan kajian, tempat kajian dan kaedah pengumpulan data serta pembinaan instrumen yang bersesuaian agar memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan sistematik dan menjawab soalan kajian yang dibina.

Seterusnya, penyelidik memperoleh kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kemudian, penyelidik telah meminta kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk menjalankan kajian di sekolah kerajaan



Universiti Malaya

yang dipilih. Setelah memperoleh persetujuan, penyelidik telah menghadiri ke sekolah untuk berjumpa dengan tuan guru besar bagi memperoleh kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah tersebut.

Kajian rintis dijalankan terlebih dahulu di sekolah berkenaan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Bahan-bahan seni yang diperlukan juga disediakan untuk menjalankan kajian ini. Kemudian, penyelidik berjumpa dengan empat orang murid yang mempunyai masalah emosi untuk memberi taklimat yang ringkas terhadap mereka. Etika penyelidikan dimaklumkan kepada murid-murid tersebut bagi memperoleh persetujuan daripada mereka untuk menjadi peserta kajian bagi kajian yang bakal dijalankan.

### 3.8.2. **Semasa**

Semasa menjalankan kajian, penyelidik bertindak seperti yang telah dirancangkan. Instrumen-instrumen yang disediakan digunakan semasa kajian ini dijalankan. Penyelidik bertindak sebagai pembimbing dan pemerhati sepanjang kajian ini dijalankan. Maklumat-maklumat lain yang diperlukan juga dikumpul sepanjang kajian dijalankan.

Universiti Malaya

### 3.8.3. **Selepas**

Nota lapangan temu bual dan nota lapangan pemerhatian ditranskripkan serta dianalisis bagi tujuan memperoleh data yang berkaitan. Hasil karya peserta kajian juga dianalisis dengan menggunakan senarai semak yang ditetapkan. Penyelidik membuat refleksi terhadap kajian yang dijalankan. Kesemua data yang berkaitan dikumpul dan dianalisis untuk dibincangkan. Cadangan yang sesuai juga dikemukakan jika

mempunyai sebarang pengubahsuaian yang lebih baik dalam kajian yang bakal dijalankan. Rajah 3.4 menunjukkan prosedur kajian secara keseluruhan.

**Rajah 3.4**

*Prosedur Kajian*




Universiti Malaya

## 3.9. Analisis Data

Pemilihan pendekatan untuk menjalankan analisis data adalah amat penting dan harus bergantung kepada masalah kajian dan soalan kajian yang dibina (Neuman, 2014). Kaedah kualitatif telah dipilih bagi memperkukuhkan dapatan kajian yang dijalankan kerana ia memerlukan penerokaan fenomena secara mendalam (Neuman, 2014; Punch, 2014). Kaedah kualitatif dijalankan secara linear dalam kajian ini iaitu bermula dari latar belakang masalah, pernyataan masalah, menentukan persampelan kajian dan menjalankan pengumpulan data serta menganalisis data.

Analisis data secara kualitatif merupakan proses sistematik bagi mempersembahkan apa yang telah diterokai kepada orang lain (Creswell, 2017). Dalam kajian ini, maklumat-maklumat dikumpul, dianalisis dan dikodkan untuk mencari isi penting berdasarkan kepada proses interaktif oleh Miles dan Huberman, iaitu penyaringan data, persembahan data dan membuat kesimpulan dan verifikasi data (Creswell, 2017).

Dalam proses analisis data bagi kaedah temu bual dan pemerhatian dalam kajian ini, penyelidik membaca semula transkripsi yang dihasilkan dan penyelidik menapis data-data yang kurang berkaitan terlebih dahulu. Sehubungan itu, penyelidik dapat lebih berfokus dengan data-data secara mudah dan ringkas. Kemudian, penyelidik menyusun data dan membina tema dengan mencari kata kunci yang signifikan untuk membuat pengekodan data. Data-data dibahagikan kepada unit-unit kecil berdasarkan tema dalam kod yang ditetapkan. Seterusnya, penyelidik mencari hubungan antara data-data tersebut dan membuat percambahan antara tema untuk dipersembahkan dalam bentuk yang lebih mudah difahami. Penyelidik menghasilkan kesimpulan

Universiti Malaya

dengan menghubungkait antara data-data yang diperolehi dari kaedah pengumpulan data yang lain bagi menjawab setiap soalan kajian yang dibina. Rajah 3.5 menunjukkan proses analisis dan interpretasi data yang dijalankan untuk kaedah analisis data temu bual dan kaedah pemerhatian.

**Rajah 3.5**

*Proses Analisis dan Interpretasi Data bagi Kaedah Temu Bual dan Kaedah Pemerhatian*




Bagi kaedah analisis dokumen, penyelidik mengimbas gambar yang dilakar oleh murid terlebih dahulu. Kemudian, penyelidik menjalankan penyaringan data dengan memilih lakaran yang terpilih untuk dihasilkan oleh peserta kajian. Seterusnya penyelidik meneliti dan menilai setiap foto lakaran yang dikumpul berdasarkan kepada kategori tertentu. Selanjutnya, penyelidik membuat perbandingan antara lakaran terpilih yang dihasilkan oleh para peserta kajian berdasarkan senarai semak yang disediakan dan dipersembahkan dalam bentuk yang lebih mudah difahami. Data-data yang dipersembahkan ini dihubungkait dengan data-data yang diperolehi dari kaedah pengumpulan data yang lain bagi memperolehi satu kesimpulan untuk menjawab

Universiti Malaya

setiap soalan kajian yang dibina. Hal demikian adalah bagi memastikan data-data yang dikumpul mempunyai kebolehpercayaan. Rajah 3.6 menunjukkan proses analisis dan interpretasi data yang dijalankan untuk kaedah analisis dokumen.

**Rajah 3.6**

*Proses Analisis dan Interpretasi Data bagi Kaedah Analisis Dokumen*




## 3.10. Proses Kajian

Kajian ini dijalankan dalam masa 8 minggu. Penyelidik berjumpa dengan murid untuk membincangkan etika penyelidikan dan mendapat persetujuan untuk menjalankan kajian terlebih dahulu. Kemudian, penyelidik memberitahu gambaran umum berkenaan kajian yang akan dijalankan. Penyelidik memberi buku sketsa kepada murid-murid untuk melakar beberapa idea reka bentuk grafiti yang ingin dihasilkan. Langkah diteruskan dengan menetapkan tarikh, masa dan tempat perjumpaan dengan peserta kajian untuk mengetahui perkembangan mereka. Setelah menghasilkan lakaran grafiti, penyelidik mengadakan sesi temu bual dengan peserta kajian untuk memahami bentuk grafiti yang sesuai dan telah dipilih oleh mereka.

Seterusnya, peserta kajian menjalankan aktiviti penghasilan seni grafiti di tempat yang dibenarkan. Penyelidik membuat rakaman semasa proses penghasilan seni grafiti iaitu semasa membuat lakaran pada permukaan papan, proses membuat lakaran pada dinding, proses mewarna dan proses membuat kekemasan. Sepanjang proses penghasilan ini, penyelidik juga bertindak sebagai fasiliator di samping juga menjadi pemerhati yang bergiat aktif. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh peserta kajian dicatat dalam nota lapangan pemerhatian.

Kemudian, penyelidik menemu bual peserta kajian setelah mereka menghasilkan karya seni grafiti untuk mengenal pasti emosi mereka semasa pelaksanaan seni grafiti. Semasa proses menghasilkan seni grafiti sebenar, hanya dua orang peserta kajian yang terlibat dalam satu masa yang sama. Keempat-empat orang peserta kajian dibahagi kepada dua kumpulan, yang mana satu kumpulan menjalankan aktiviti penghasilan seni grafiti sebenar pada setiap hari Sabtu manakala satu kumpulan lagi menjalankan aktiviti penghasilan seni grafiti sebenar pada setiap hari Ahad. Data-data yang dikumpul akan disusun untuk dianalisis dan diinterpretasi kemudian. Akhirnya, penyelidik membuat laporan untuk dipersembahkan. Rajah 3.7 menunjukkan proses kajian secara keseluruhan.

Universiti Malaya

**Rajah 3.7**

*Proses Kajian*




Universiti Malaya

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

## 4.1. Pengenalan

Bab ini memfokuskan perbincangan berkenaan hasil-hasil yang telah dijana daripada analisis data tentang bagaimana penggunaan seni grafiti boleh membantu mengurangkan gangguan emosi yang dihadapi oleh murid-murid di sekolah rendah. Dapatan kajian yang diperolehi dibincangkan secara deskriptif menerusi data-data yang telah dikumpul dan dianalisis secara kualitatif.

Beberapa jenis kaedah telah dikumpul untuk menjana keputusan penting dalam penyelidikan ini iaitu kaedah analisis dokumen, kaedah permerhatian dan kaedah temu bual. Hasil penyelidikan ini adalah berdasarkan kepada beberapa proses iaitu proses mereka cipta idea grafiti, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses pengemasan dan penambahbaikan.

Sebanyak 4 orang murid yang menghadapi masalah gangguan emosi telah terlibat. Latar belakang peserta kajian dihuraikan melalui jadual 4.1 dengan menggunakan identiti samaran demi memastikan etika penyelidikan. Data kajian yang telah dikumpul dijawab berdasarkan tiga persoalan kajian yang dibina, iaitu:

1. Apakah reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?
2. Bagaimanakah proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi?

Universiti Malaya

3. Bagaimanakah emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti?

## 4.2. Profil Peserta Kajian Murid

Empat orang murid tahap sekolah rendah telah dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini. Murid-murid yang dipilih ini terdiri daripada murid-murid yang mempunyai masalah gangguan emosi dan ditunjukkan dalam jadual 4.1.

**Jadual 4.1**

*Profil Peserta Kajian*

| Bil | Peserta Kajian | Jantina | Kehadiran | Prestasi dalam kelas |
|---|---|---|---|---|
| **1** | A | L | Kehadiran memuaskan. | Kurang memberi tumpuan semasa PdPc. |
| **2** | B | P | Kehadiran kurang memuaskan, tidak hadir ke sekolah sekurang-kurangnya 2 hari dalam sebulan. | Kurang memberi tumpuan semasa PdPc. |
| **3** | C | P | Kehadiran memuaskan. | Tidak berani untuk bersuara atau mengeluarkan pendapatnya. |
| **4** | D | P | Kehadiran tidak memuaskan, tidak hadir ke sekolah sekurang-kurangnya 5 hari dalam sebulan. | Kurang memberi tumpuan semasa PdPc. |

Merujuk kepada jadual 4.1, murid-murid yang dipilih telah mengalami masalah gangguan emosi yang berlainan. Murid pertama merupakan seorang murid lelaki yang mempunyai kehadiran yang memuaskan. Namun, murid tersebut tidak dapat menumpukan perhatian semasa PdPc dan dikenali sebagai peserta kajian A. Murid kedua iaitu peserta kajian B merupakan seorang murid perempuan yang mana

Universiti Malaya

kehadirannya adalah kurang memuaskan. Dia tidak hadir ke sekolah sekurang-kurangnya 2 hari dalam sebulan. Peserta kajian B bukan sahaja kurang berminat untuk hadir ke sekolah, namun dia juga kurang memberi tumpuan semasa PdPc.

Murid ketiga iaitu peserta kajian C juga dikenali sebagai seorang murid perempuan yang mana kehadirannya dianggap sebagai memuaskan, tetapi dia merupakan seorang murid yang sering berasa takut dan tidak berani untuk bersuara atau mengeluarkan pendapatnya semasa PdPc. Murid keempat iaitu peserta kajian D merupakan seorang murid peremupuan yang mana kehadirannya adalah tidak memuaskan jika dibandingkan dengan murid-murid lain. Peserta kajian D tidak hadir ke sekolah sekurang-kurangnya 5 hari dalam sebulan. Lebih-lebih lagi, peserta kajian D kurang memberi tumpuan semasa PdPc. Justeru, keempat-empat murid ini telah dipilih sebagai peserta kajian dalam kajian ini dan dikenali sebagai peserta kajian A, peserta kajian B, peserta kajian C dan peserta kajian D.

## 4.3. Dapatan Soalan Kajian 1: Bentuk Seni Grafiti yang Sesuai bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi

Seni grafiti merupakan satu bentuk seni yang bebas dan dapat diwujudkan dalam beberapa bentuk yang berlainan. Lantaran itu, kaedah analisis dokumen dan kaedah temu bual telah digunapakai dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan untuk menjawab soalan kajian pertama. Kaedah analisis dokumen dijalankan terhadap lakaran idea grafiti terakhir oleh keempat-empat peserta kajian dalam buku sketsa masing-masing. Tambahan pula, 9 soalan temu bual telah disediakan untuk disoalkan kepada keempat-empat peserta kajian ini bagi mengetahui maklumat yang lebih lanjut berkaitan tentang reka bentuk seni grafiti pilihan murid. Berdasarkan data-data yang



Universiti Malaya

dikumpul, dapatan kajian yang berikutnya akan dibincangkan mengikut dua tema yang diperolehi, iaitu reka bentuk huruf dan reka bentuk gabungan.

4.3.1. **Reka Bentuk Huruf**

Melalui analisis dokumen terhadap idea sketsa peserta-peserta kajian, boleh didapati bahawa mereka adalah lebih cenderung kepada penghasilan grafiti berbentuk huruf.

**Rajah 4.1**

*Lakaran-lakaran Grafiti Peserta Kajian A, C dan D.*





Lakaran-lakaran peserta kajian A.





Lakaran peserta kajian C. Lakaran-lakaran peserta kajian D.

Berdasarkan kepada rajah 4.1, boleh didapati bahawa terdapat sebanyak enam buah lakaran idea daripada tiga orang peserta kajian yang mempunyai unsur reka bentuk huruf. Antara keneam-enam buah lakaran idea tersebut, peserta kajian A telah menghasilkan kesemua lakarannya dalam reka bentuk huruf sahaja. Walau bagaimanapun, peserta kajian C serta D telah menghasilkan lakaran lain yang mempunyai unsur reka bentuk gabungan. Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut

Universiti Malaya

dalam subtopik yang seterusnya. Namun, ketiga-tiga orang peserta kajian yang disebut di atas telah memilih grafiti reka bentuk huruf sebagai idea sketsa terakhir mereka.

**Rajah 4.2**

*Lakaran Idea Sketsa Terakhir Grafiti Peserta Kajian A, C dan D*




Idea sketsa terakhir peserta kajian A.




Idea sketsa terakhir peserta kajian C.




Idea sketsa terakhir peserta kajian D.

Universiti Malaya

Merujuk kepada rajah 4.2, ketiga-tiga orang peserta kajian yang dinyatakan, iaitu peserta kajian A, C dan D telah memilih idea sketsa yang dipamerkan sebagai idea terakhir mereka untuk dihasilkan grafiti kemudian. Idea-idea sketsa yang ditunjukkan dalam rajah 4.2 jelas kelihatan bahawa ia merupakan grafiti yang berbentuk huruf dan tidak mengandungi unsur-unsur yang lain.

Bagi mengukuhkan lagi dapatan ini, triangulasi dengan data daripada temu bual telah digunakan. Apabila disoal tentang sebab pemilihan idea-idea sketsa, peserta-peserta kajian telah memberi rasional mereka yang membawa maksud 'lebih mudah' secara langsung mahupun tidak langsung.

Tambahan pula, peserta kajian C turut menyampaikan kepuasan hatinya terhadap idea sketsa terakhir yang dipilih melalui temu bual. Yang perlu ditekankan juga ialah peserta kajian C berpendapat bahawa grafiti berbentuk imej adalah rumit baginya.

**Rajah 4.3**

*Penggunaan Huruf Dan Warna dalam Idea Sketsa Terakhir Peserta Kajian A, C dan D.*




- Huruf besar
- Huruf bentuk tajam
- Huruf 2 dimensi
- Warna kontra

Peserta kajian A

Universiti Malaya




Peserta kajian C

- Huruf besar
- Huruf bentuk tajam
- Huruf 2 dimensi
- Warna kontra




Peserta kajian D

- Huruf besar
- Huruf bentuk tajam
- Huruf 3 dimensi
- Warna harmoni

Jika ditinjau dengan lebih mendalam, terdapat juga dapatan yang menarik dari aspek penggunaan huruf dan warna bagi peserta kajian A, C dan D. Melalui kajian, didapati bahawa idea sketsa terakhir peserta kajian A, C dan D mempunyai banyak persamaan dari segi penggunaan reka bentuk huruf dan warna. Kedua-dua orang peserta kajian A dan C telah menggunakan huruf besar yang berbentuk tajam serta 2 dimensi; warna yang digunakan adalah warna kontra. Manakala idea sketsa terakhir peserta kajian D hanya berbeza dari segi huruf 3 dimensi serta penggunaan warna harmoni.

Dari segi pemilihan perkataan yang dipilih, boleh didapati juga bahawa terdapat rasional di sebaliknya yang ingin dititikberatkan oleh peserta-peserta kajian. Misalnya,

Universiti Malaya

rajah 4.3 telah mempamerkan idea-idea sketsa terakhir peserta kajian A, C dan D yang menunjukkan perkataan '*dream*', '*peace*' dan '*harmony*'. Berdasarkan kepada data yang diperoleh melalui temu bual, peserta-peserta kajian memilih perkataan-perkataan tersebut dengan tujuan untuk menyampaikan mesej-mesej mereka kepada keluarga, kawan, masyarakat dan sebagainya.

> "……Saya telah memilih *Harmony* sebagai idea terakhir saya. Saya rasa **murid-murid di kelas saya adalah sangat bising**. Mereka **kerap bergaduh**. Saya tidak suka hadir ke sekolah sebab saya rasa suasana di kelas saya sangat bising. Saya inginkan keamanan, inginkan *harmony. "* (TB/01/M4)

Suatu perkara yang perlu diberi fokus ialah pendapat peserta kajian D yang didapati melalui temu bual. Berdasarkan kepada curaian transkripsi di atas, peserta kajian D didapati tidak puas hati dengan keadaan di dalam kelasnya dan amat berharap supaya keadaan kelasnya bertukar menjadi harmoni. Maka, peserta kajian D pun mengambil keputusan untuk menghasilkan grafiti reka bentuk huruf dengan perkataan '*harmony*'.

Universiti Malaya

### 4.3.2. **Reka Bentuk Gabungan**

Melalui analisis dokumen terhadap idea-idea sketsa para peserta kajian, grafiti berbentuk gabungan juga dapat dikesan.

**Rajah 4.4**

*Lakaran-lakaran Grafiti Peserta Kajian B, C dan D.*










Lakaran-lakaran peserta kajian B.










Lakaran-lakaran peserta kajian C

Lakaran peserta kajian D.

Merujuk kepada rajah 4.4, peserta kajian B, C dan D telah menghasilkan lakaran mereka dalam reka bentuk gabungan, yang mana peserta kajian B menghasilkan kesemua lakaran yang mempunyai reka bentuk gabungan. Sementara itu, peserta kajian C dan D turut menghasilkan lakaran yang berunsurkan reka bentuk gabungan. Melalui analisis terhadap lakaran peserta kajian B dan C, boleh diperhatikan bahawa reka bentuk gabungan antara huruf dengan simbol serta reka bentuk gabungan antara huruf dengan imej telah digunakan. Bagi peserta kajian D pula, hanya reka bentuk gabungan antara huruf dengan simbol sahaja yang telah digunakan.

Universiti Malaya

**Rajah 4.5**

*Lakaran Idea Sketsa Terakhir Grafiti Peserta Kajian B.*



Idea sketsa terakhir peserta kajian B.

Rajah 4.5 menunjukkan lakaran idea sketsa terakhir bagi peserta kajian B. Idea sketsa terakhir ini mengandungi unsur reka bentuk gabungan antara huruf dengan simbol.

> "……Walau bagaimanapun, saya telah memilih reka bentuk huruf dan simbol dalam idea sketsa terakhir saya kerana saya rasa **reka bentuk huruf dan simbol adalah lebih mudah dihasilkan** bagi grafiti sebenar nanti.*"* (TB/01/M2)

Melalui curaian transkripsi di atas, didapati bahawa peserta kajian B berpendapat bahawa reka bentuk huruf dan simbol adalah mudah untuk dihasilkan. Walaupun peserta kajian D telah memilih idea sketsa berbentuk huruf sebagai idea sketsa terakhirnya, namun melalui temu bual, peserta kajian D turut mengungkit bahawa grafiti reka bentuk gabungan adalah menarik.

Universiti Malaya

**Rajah 4.6**

*Penggunaan Huruf dan Warna dalam Idea Sketsa Terakhir Peserta Kajian B.*




- Huruf besar dan kecil
- Huruf bentuk tajam
- Huruf 2 dimensi
- Simbol yang senang difahami
- Warna harmoni

Peserta kajian B

Apabila dianalisis secara lebih mendalam, peserta kajian B telah menggunakan huruf besar serta kecil yang berbentuk tajam dan 2 dimensi dalam idea sketsa terakhirnya. Selain itu, simbol yang senang difahami juga digunakan dalam karyanya, misalnya simbol bintang serta petir. Akhir sekali, warna keseluruhan idea sketsa terakhir merupakan warna harmoni.

Seperti yang dibincangkan dalam subtopik 4.3.1, peserta kajian B turut memilih perkataan '*helpful*' yang amat bermakna terhadapanya. Melalui temu bual dengan peserta kajian B, didapati bahawa dia ingin mengongsikan nilai saling membantu antara satu sama lain dengan masyarakat.

Kesimpulannya, reka bentuk seni grafiti pilihan murid-murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi adalah seni grafiti yang berbentuk huruf serta reka bentuk gabungan berdasarkan dapatan data yang dikumpulkan melalui kaedah temu bual dan kaedah analisis dokumen. Hal demikian kerana seni grafiti yang berbentuk huruf

Universiti Malaya

adalah lebih mudah dihasilkan. Selain itu, huruf yang digunakan oleh murid-murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi haruslah ringkas dan senang dibaca. Ia terdiri daripada satu perkataan yang singkat dan mampu membawa mesej-mesej penting. Berdasarkan kepada hasil dapatan, huruf yang dapat mencurahkan perasaan pengkarya telah dipilih sebagai idea akhir peserta kajian kerana ia membolehkan mereka berkongsi pemikiran, pendapat dan perasaan mereka kepada masyarakat atau orang yang berkaitan.

## 4.4. Dapatan Soalan Kajian 2: Proses Penghasilan Seni Grafiti bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi

Bagi membincangkan persoalan kajian kedua, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual telah digunakan bagi mengumpul data-data yang berkaitan. Melalui data-data yang dikumpul, terdapat lima tema yang diperolehi untuk proses penghasilan seni grafiti, iaitu proses persediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses pengemasan dan penambahbaikan. Rajah 4.7 menunjukkan proses penghasilan seni grafiti bagi murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi.

Universiti Malaya

**Rajah 4.7**

*Proses Penghasilan Seni Grafiti bagi Murid Sekolah Rendah yang Mengalami Gangguan Emosi.*




4.4.1. **Proses Persediaan Awal**

Berdasarkan data temu bual dengan keempat-empat peserta kajian tersebut, didapati bahawa peserta kajian telah membuat persiapan sebelum mereka memulakan proses menghasilkan seni grafiti. Di antara keempat-empat orang peserta kajian, peserta kajian A dan B telah melayari internet untuk mencapai maklumat yang berkaitan, misalnya cara menggunakan cat semburan serta merujuk karya-karya grafiti yang dilakukan oleh orang lain. Selain itu, peserta kajian C hanya merujuk balik kepada lakaran-lakaran yang dibuatnya. Manakala peserta kajian D pula mendapatkan nasihat rakan-rakan mengenai cara penghasilan grafiti.

Kesemua peserta kajian mengambil langkah untuk melakar beberapa idea sketsa yang kasar pada buku lukisan. Apabila mereka sudah mendapat suatu idea yang jelas dan memuaskan, maka mereka pun memulakan proses olahan idea. Setelah mereka cuba mengolah ideanya sehingga mereka berasa puas hati, maka mereka pun membuat percubaan mewarna pada idea sketsa terakhir yang dipilih. Demikianlah langkah-

Universiti Malaya

langkah yang diambil oleh peserta-peserta kajian semasa dalam proses persediaan awal.

4.4.2. **Proses Eksperimentasi**

Langkah yang diambil seterusnya oleh peserta-peserta kajian ialah proses eksperimentasi. Proses eksperimentasi membolehkan peserta-peserta kajian untuk meneroka serta mendapatkan ilmiah tentang suatu yang baru serta tidak pernah dilalui oleh mereka. Hal ini boleh dibuktikan melalui pemerhatian terhadap peserta-peserta kajian. Antara butiran yang didapati ialah kesemua peserta kajian telah dapat menghasilkan garisan nipis dan tebal selepas beberapa kali percubaan. Aspek tambahan yang boleh ditekankan lagi ialah kesemua peserta kajian senyum selepas dapat menghasilkan garisan yang diingini.

Perkara ini adalah selaras dengan dapatan temu bual. Peserta kajian A dan D berhujah bahawa mereka berjaya menghasilkan beberapa jenis garisan yang berlainan selepas beberapa kali percubaan walaupun mereka menghadapi kekangan pada permulaannya. Perkara ini boleh dirujuk dari curaian transkripsi temu bual di bawah.

> "......Mula-mula, saya rasa agak **susah untuk mengawal tekanan** pada muncung cat semburan tersebut. Tapi setelah mencuba beberapa kali, saya berasa **saya dah tau** macam mana untuk membuat garisan yang saya mahu." (TB/02/M1)

> "...... Mula-mulanya, saya **rasa takut** sebab saya ingat macam susah. Tapi setelah beberapa kali percubaan, saya rasa ia **tidak susah seperti yang saya fikirkan**." (TB/02/M4)

Universiti Malaya

Berdasarkan dapatan temu bual di atas, jelas kelihatan bahawa peserta kajian A mempunyai masalah dalam mengawal tekanan pada muncung cat semburan. Dia tidak dapat menghasilkan garisan yang diingini pada permulaan. Selain itu, peserta kajian D juga berpendapat bahawa dia berasa seni grafiti adalah susah pada permulaan. Walau bagaimanapun, setelah beberapa kali percubaan untuk menghasilkan garisan, maka mereka berasa mereka mula mengetahui cara untuk menghasilkan garisan yang diinginkan.

Selain daripada membuat percubaan terhadap teknik menghasilkan garisan, peserta kajian juga membuat eksperimentasi terhadap teknik pencampuran warna. Mereka telah membuat percubaan sebanyak beberapa kali setelah penyelidik membuat demonstrasi. Akhirnya, mereka telah berjaya menguasai teknik pencampuran warna semasa proses eksperimentasi dan bersedia untuk proses melakar grafiti sebenar. Sama seperti situasi semasa eksperimentasi menghasilkan garisan, keempat-empat peserta kajian tersenyum sebaik sahaja mereka berjaya menguasai teknik cara mencampur warna cat semburan. Semasa bertemu bual dengan peserta kajian, didapati bahawa peserta kajian juga dapat membuat penjelasan tentang teknik pencampuran warna. Oleh demikian, ini dapat menunjukkan tentang kefahaman murid terhadap teknik pencampuran warna setelah membuat penerokaan terhadap penggunaan cat semburan.

Sepanjang proses pemerhatian pada peringkat proses eksperimentasi, didapati bahawa proses ini turut memberi peluang kepada peserta kajian untuk cuba menghasilkan grafiti sebenar dengan menyembur salah satu huruf dan membuat *outline* bagi perkataan tersebut. Dapatan pemerhatian ini boleh dibandingkan dengan dapatan

Universiti Malaya

daripada temu bual, di mana peserta kajian C telah mengaku bahawa dia membuat percubaan menghasilkan *outline* bagi huruf sebelum penghasilan grafiti sebenar.

### 4.4.3. **Proses Melakar**

Proses melakar dianggap sebagai langkah ketiga untuk menghasilkan seni grafiti, iaitu dilaksanakan selepas proses eksperimentasi. Proses melakar memerlukan keempat-empat peserta kajian untuk melukiskan idea lakaran yang ingin dihasilkan oleh mereka pada tempat berkarya sebenar. Melalui pemerhatian semasa proses melakar, kesemua peserta kajian telah melakar idea pada dinding terlebih dahulu. Media yang digunakan dalam proses lakaran pada dinding ialah pensel warna.

Data maklumat yang dikumpul oleh penyelidik daripada kaedah pemerhatian juga adalah selaras dengan data yang dikumpul daripada temu bual. Keempat-empat peserta kajian ini juga bersetuju bahawa proses melakar ini dapat membantu mereka semasa menghasilkan karya grafiti yang sebenar. Curaian transkripsi temu bual di bawah menunjukkan peserta kajian B telah menggunakan pensel warna untuk membuat lakaran pada dinding sebelum menghasilkan karya grafiti dan dia menyatakan bahawa proses ini telah membantu dia untuk menghasilkan karya grafiti sebenar.

> "Ya cikgu. Saya menggunakan pensel warna untuk membuat lakaran sebelum menghasilkan grafiti sebenar. Saya rasa lakaran ini **dapat membantu** saya untuk menghasilkan karya nanti." (TB/02/M2)

Melalui pemerhatian, didapati juga bahawa peserta kajian telah merujuk buku sketsa masing-masing sebagai panduan kepada mereka. Terutamanya peserta kajian A dan C yang telah merujuk kepada buku sketsa mereka sepanjang proses melakar.



Universiti Malaya

> "Dia menggunakan **tangan kiri untuk mengambil buku sketsa** dan dia menggunakan **tangan kanan untuk melakar ideanya**." (P/02/M1)
> "Dia **meletakkan buku sketsanya di atas lantai** dan dia menggunakan tangan kanan untuk melakar ideanya." (P/02/M3)

Curaian transkripsi temu bual di atas menunjukkan peserta kajian A melakar ideanya sambil mengambil buku sketsa sebagai rujukan. Situasi yang sama juga dilalui oleh peserta kajian C, di mana dia melakar sambil membuat rujukan dengan buku sketsa yang di atas lantai. Namun, terdapat juga kekangan yang dihadapi oleh peserta kajian semasa membuat lakaran. Penyelidik telah mendapati bahawa nisbah saiz huruf yang dilakar oleh peserta kajian D adalah kurang tepat kerana dinding mempunyai ruangan yang jauh lebih besar jika dibandingkan dengan buku sketsa. Selepas penyelidk memberikan nasihat kepadanya, peserta kajian juga telah bersetuju dan mengubahsuai saiz huruf yang dilakar olehnya.

Di samping itu, penyelidik juga mendapati bahawa peserta kajian D yang menggunakan bantuan petak grid untuk membantunya mengenal pasti saiz bagi setiap huruf. Tindakan ini dapat memastikan nisbah banding bagi setiap huruf yang dilakar adalah sama dengan idea lakaran dalam buku skesta mereka. Cara ini didapati telah mengurangkan kesilapannya semasa membuat lakaran.

> "Seterusnya, dia **melukis petak grid** bagi setiap huruf sebelum meneruskan lakaran huruf yang kedua." (P/02/M4)

Melalui pemerhatian juga, kesemua peserta kajian juga kerap melihat lakaran mereka dari jarak yang berlainan bagi memastikan saiz huruf yang dilakar tersebut adalah tepat dan sama dengan idea lakaran mereka dalam buku sketsa. Mereka melangkah ke belakang dan melihat lakaran idea pada dinding tersebut.

### 4.4.4. **Proses Mewarna**

Proses mewarna merupakan langkah keempat untuk menghasilkan seni grafiti. Proses ini dilaksanakan selepas proses melakar. Dalam proses ini, keempat-empat peserta kajian telah mewarna lakaran yang telah siap dilakarkan oleh mereka pada dinding dengan menggunakan pensel warna sebelum ini.

Langkah-langkah berikut merupakan langkah mewarna grafiti yang didapati melalui pemerhatian terhadap peserta-peserta kajian. Bagi memulakan proses mewarna, peserta kajian telah memilih warna cat semburan yang dikehendaki lalu meletakkan warna-warna tersebut di sekeliling tempat berkaryanya terlebih dahulu.

**Rajah 4.8**

*Proses Mewarna Peserta Kajian A, B, C dan D.*



Proses mewarna oleh peserta kajian A.

Universiti Malaya



Proses mewarna oleh peserta kajian B.




Proses mewarna oleh peserta kajian C.




Proses mewarna oleh peserta kajian D.

Universiti Malaya

Rajah 4.8 menunjukkan proses mewarna peserta kajian A, B, C dan D. Selepas memilih warna cat semburan, langkah diteruskan dengan proses mewarna pada dinding. Walaupun setiap peserta kajian mempunyai cara mewarna yang berlainan, namun penyelidik mendapati bahawa semua peserta kajian mempunyai corak mewarna yang sama, iaitu mereka mewarna dengan menyembur garisan luar objek yang ingin diwarnakan terlebih dahulu. Selepas itu, mereka baru memulakan proses mewarna pada objek tersebut.

Ini adalah selaras dengan pandangan yang telah diberikan oleh peserta kajian semasa temu bual dijalankan. Peserta kajian telah memilih untuk memulakan proses mewarna dengan garisan luar objek terlebih dahulu sebelum meneruskan dengan proses mewarna pada objek. Sepanjag proses mewarna, peserta kajian D didapati menghadapi kekangan. Curaian transkripsi temu bual menunjukkan kekangan yang dihadapi oleh peserta kajian D.

> "……Mula-mulanya semasa saya melakar garisan luar, saya telah **menyembur cat secara ulang-alik pada garisan yang sama** sehingga garisan itu tidak cantik. Nasib baik cikgu bagitahu saya kena buat aksi 'one-off'. Lama-kelamaan, saya pun semakin rileks." (TB/02/M4)

Berdasarkan data temu bual di atas, peserta kajian D didapati mempunyai kekangan di mana garisan luaran disembur secara ulang-alik sehinggalah ketebalan garisan menjadi tidak ketara. Namun, setelah mendapatkan nasihat daripada penyelidik, lama-kelamaannya dia pun dapat mengatasi masalahnya. Di samping itu, temu bual yang berkaitan dengan proses mewarna juga membolehkan penyelidik mendapat maklumat dari segi penggunaan masa. Sepanjang kajian dijalankan, didapati bahawa penggunaan cat semburan dalam menghasilkan karya grafiti adalah lebih berkesan dari segi

Universiti Malaya

penggunaan masa. Peserta kajian mampu menghabiskan proses mewarna dalam masa yang singkat.

Walau bagaimanapun, didapati bahawa peserta kajian telah menghadapi halangan yang lain selain daripada halangan yang dibincangkan. Halangan ini telah menyebabkan mereka berhenti seketika semasa menghasilkan seni grafiti. Mereka mengalami kekangan dari segi penggunaan muncung cat. Peserta kajian perlu menukar muncung cat yang baru setelah muncung cat yang lama telah digunakan buat satu tempoh masa. Hal demikian kerana cat yang disembur melalui muncung cat telah sumbat. Selain itu, peserta kajian juga berasa ia memerlukan tenaga yang kuat untuk menekan. Justeru, mereka telah berhenti seketika untuk merehatkan jari mereka.

Maklumat yang telah dikumpulkan daripada kaedah pemerhatian ini juga selaras dengan jawapan yang diberikan oleh peserta kajian semasa menjalankan temu bual. Peserta kajian telah berhenti seketika untuk berehat. Walaupun mereka menghadapi halangan, namun mereka tidak pernah mempunyai niat untuk berhenti sehingga karya grafiti mereka siap dihasilkan.

Universiti Malaya

**Rajah 4.9**

*Karya Grafiti Peserta Kajian A, B, C dan D.*




Karya grafiti peserta kajian A.




Karya grafiti peserta kajian B.




Karya grafiti peserta kajian C.




Karya grafiti peserta kajian D.

Walau bagaimanapun, setelah kian mengatasi kekangan-kekangan yang dibincangkan, peserta kajian telah menghasilkan karya grafiti dengan bersungguh-sungguh semasa proses mewarna. Rajah 4.9 menunjukkan karya grafiti yang telah dihasilkan oleh keempat-empat peserta kajian.

### 4.4.5. **Proses Pengemasan dan Penambahbaikan**

Proses pengemasan dan penambahbaikan merupakan langkah terakhir dalam seluruh proses penghasilan karya grafiti dan ia telah dilaksanakan selepas proses mewarna. Berdasarkan kepada pemerhatian, keempat-empat peserta kajian ini telah

Universiti Malaya

menggunakan cat semburan untuk menanbahbaik karya mereka, terutamanya pada tempat yang mereka berasa tidak puas hati. Selepas menambahbaikkan karya grafitinya, mereka telah mengemaskan tempat berkarya dan membersihkan cat muncung yang sudah digunakan.

Data temu bual dengan keempat-empat peserta kajian juga menunjukkan haluan yang sama. Mereka telah mengambil inisiatif untuk membuat kekemasan terhadap karya grafiti mereka. Tambahan pula, mereka juga telah membersihkan tempat berkarya dan cat semburan yang mereka gunakan setelah mereka menyiapkan karya grafiti mereka.

Kesimpulannya, seni grafiti merupakan reka bentuk seni yang jarang didedahkan kepada murid-murid. Oleh itu, proses penghasilan seni grafiti untuk murid-murid telah dicadangkan dalam kajian ini untuk dijadikan sebagai rujukan. Rajah 4.10 menunjukkan proses keseluruhan untuk menghasilkan grafiti bagi kajian ini.

**Rajah 4.10**

*Proses Penghasilan Seni Grafiti.*




Universiti Malaya

Sebelum memulakan proses penghasilan seni grafiti sebenar, murid-murid melakukan proses persediaan awal terlebih dahulu, yang mana mereka diberi peluang untuk mencari ilmiah serta membuat pelbagai olahan idea sebelum menentukan idea terakhir yang ingin dihasilkan pada dinding. Proses ini diteruskan dengan proses eksperimentasi, iaitu murid-murid diberi peluang untuk meneroka cara penggunaan cat semburan, misalnya jenis garisan, teknik pencampuran warna dan sebagainya.

Setelah proses eksperimentasi, murid-murid boleh melakukan grafiti sebenar dengan melakar lakaran idea mereka pada dinding dengan menggunakan media pensel warna. Perkara yang perlu diberi fokus semasa proses ini ialah nisbah banding antara saiz objek yang dilakar pada buku sketsa serta dinding perlu diberi perhatian. Langkah ini dapat memudahkan proses mewarna dalam proses yang seterusnya.

Kemudian, langkah diteruskan dengan proses mewarna dengan menggunakan cat semburan. Cara mewarna idea grafiti yang telah dilakar adalah bebas. Namun, murid-murid biasanya menyembur garisan luar objek tersebut terlebih dahulu. Selepas itu, murid-murid mewarna objek satu demi satu dengan berpandukan kepada garisan luar objek. Langkah proses penghasilan grafiti diakhiri dengan proses pengemasan dan penambahbaikan pada butiran-butiran yang kurang memuaskan pada karya. Setelah siap, murid-murid membersihkan kawasan persekitaran dan muncung cat yang telah digunakan.

Universiti Malaya

## 4.5. Dapatan Soalan Kajian 3: Emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti

Bagi mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan soalan kajian yang ketiga, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual telah dilaksanakan. Sepanjang kajian dijalankan, jelas kelihatan bahawa emosi peserta kajian mempunyai perubahan emosi masing-masing. Berdasarkan data yang dikumpul, terdapat tiga tema yang diperolehi iaitu keyakinan, kepuasan dan motivasi.

### 4.5.1. Keyakinan

Menurut Kamila (2014), kemampuan menyiapkan tugas yang diberikan dapat meningkatkan tahap keyakinan individu. Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, didapati bahawa pada mulanya, peserta kajian berasa risau dan tidak berani untuk melangkah ke depan untuk bermula menyembur cat pada dinding. Namun, setelah beberapa kali percubaan atau penerimaan nasihat daripada penyelidik, maka peserta-peserta kajian pun mampu melakukan proses penghasilan grafiti tanpa berasa bimbang. Malahan juga peserta kajian C dan D mampu membuat lakaran pada dinding tanpa merujuk kepada buku sketsa atau bantuan daripada orang lain. Keadaan pun semakin riang.

> "Seterusnya, dia meneruskan lakaran huruf "E". Dia melakar sambil berbual-bual dengan kawannya. Dia **tidak merujuk pada buku sketsanya**. Keadaan sangat **meriah dan riang**." (P/03/M3)

> "Kemudian, dia telah melakar huruf yang seterusnya iaitu "R", "M", "O", "N" dan "Y". Dia melakar dengan **tidak merujuk pada buku sketsanya** bagi huruf-huruf yang seterusnya. Sepanjang proses ini, dia **berasa gembira**. Prosesnya lancar. Dia tidak melangkah ke belakang dan hanya meneruskan lakarannya." (P/03/M4)



Universiti Malaya

Selain itu, dari segi keyakinan, peserta kajian juga telah menunjukkan keyakinan dalam membuat pemilihan terutamanya pada warna cat semburan yang ingin digunakan. Misalnya, murid A telah memilih warna-warna tertentu untuk digunakan dalam karyanya dan murid B telah memilih beberapa warna cat semburan yang dia inginkan dan meletakkan botol-botol cat semburan tersebut di dekat tempat berkaryanya.. Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai keyakinan dalam pilihan warna-warna tersebut dan percaya bahawa ia akan menambah nilai kepada karyanya.

Di samping itu, keyakinan juga dikesan dalam peserta kajian. Mereka bertindak dengan lebih yakin terhadap kebolehan dan kemampuan yang dimiliki oleh diri mereka. Hal ini terbukti apabila murid B telah menunjukkan keyakinan diri dalam menggunakan cat semburan dengan mencuba untuk membuat garisan nipis dan tebal serta mencuba membuat garisan melengkung. Meskipun awalnya dia telah mengalami kesulitan, namun murid B terus mencuba dan dia berjaya menghasilkan garisan yang diinginkan. Ini menunjukkan peserta kajian adalah yakin terhadap kemampuan dirinya sendiri.

Walaupun murid B telah mengambil masa untuk memahami teknik secara betul, namun dia telah menunjukkan keyakinan terhadap kebolehannya untuk menghasilkan karya yang baik dengan cat semburan kemudian. Ketika seseorang memiliki keyakinan pada kemampuan dirinya, dia lebih cenderung untuk mengambil risiko dan mencuba hal-hal baru, yang mana ini dapat membantu meningkatkan keterampilannya. Selain itu, setelah siap berkarya, murid A mengangguk kepala dengan senyuman ketika melihat karyanya. Ini menunjukkan bahawa dia yakin dengan hasil kerja yang telah dia lakukan dan dia yakin terhadap kebolehan yang dimilikinya.



Universiti Malaya

Dari aspek keyakinan, jelas kelihatan bahawa peserta kajian adalah yakin untuk menerima cabaran dan berusaha untuk menyelesaikannya. Sebagai contoh, walaupun murid B telah menghadapi beberapa kekangan semasa proses melakar untuk huruf pertamanya, namun dia berusaha untuk memperbetulkan dan menyesuaikan tekniknya sehingga berjaya menghasilkan karya yang memuaskan. Ini menunjukkan dia adalah yakin dengan kemahiran dan potensi dirinya dan kesediaan untuk belajar serta berusaha untuk memperbaiki diri.

Bukan begitu sahaja, melalui pemerhatian, jelas kelihatan bahawa peserta kajian juga adalah yakin dengan menunjukkan keberanian untuk menerima pandangan atau kritikan daripada penyelidik atau kawannya. Misalnya, murid C telah meminta penilaian dari orang lain dan dia berasa gembira ketika mendapat pujian dari murid B.

Pengalaman yang diperolehi juga telah membantu dalam membina keyakinan peserta kajian. Mereka dapat memperolehi kemahiran semasa melakukan aktiviti grafiti. Misalnya, berdasarkan temu bual dengan murid C, dia berpendapat bahawa dia berasa takut sebelum memulakan proses menghasilkan seni grafiti. Namun, setelah beberapa kali percubaan, dia berasa bahawa ia adalah tidak susah seperti mana yang dijangkakan. Hal ini menunjukkan bahawa keyakinan murid C meningkat seiring dengan pengalaman dan latihan yang lebih kerap.

Ketika murid B menghadapi kesulitan dalam menekan muncung cat semburannya, ia meminta bantuan dan mendapatkan nasihat dari penyelidik. Ini menunjukkan bahawa murid B tidak takut untuk meminta bantuan ketika menghadapi cabaran dan dia juga

Universiti Malaya

memiliki keyakinan dalam kemampuannya untuk menyelesaikan tugasnya dengan bantuan orang lain.

Seterusnya, keyakinan murid juga dapat dikesan melalui tindakan yang diambil dengan segera semasa menghasilkan seni grafiti. Melalui kaedah pemerhatian, boleh dilihat bahawa murid B adalah percaya pada dirinya dalam melakukan penambahbaikan pada karyanya. Hal ini dapat dilihat dari tindakannya yang mengambil cat semburan dan mengaplikasikan pada bahagian yang kurang memuaskan dengan langsung. Dia tidak teragu-ragu untuk memperbaiki simbol pada karyanya. Sikap percaya diri ini juga menunjukkan bahawa murid B yakin dengan kemampuannya dalam menghasilkan karya yang baik.

Selain itu, peningkatan tahap keyakinan para peserta kajian juga boleh dilihat dari segi kelancaran semasa penghasilan grafiti serta dari segi penggunaan masa. Ketika menghasilkan seni grafiti, jelas kelihatan bahawa terdapat peningkatan dalam penggunaan masa. Buktinya ialah peserta kajian dapat melakukan sesuatu proses dengan lebih cepat. Hal ini disebabkan mereka telah menguasai kemahiran penghasilan grafiti. Justeru, mereka lebih yakin untuk menghasilkannya dan tidak berasa teragak-agak. Ini secara tidak langsung membolehkan mereka menghasilkan grafiti dengan lebih pantas. Misalnya, peserta kajian B dan D telah menunjukkan bahawa mereka mampu membuat garisan secara “one-take”.

Melalui kajian ini, jelas kelihatan bahawa keyakinan peserta kajian meningkat semasa melakukan grafiti. Sebelum bermula proses penghasilan, peserta kajian risau tentang kebolehan mereka bagi menghasilkan grafiti. Akan tetapi, penyelidik mendapati

Universiti Malaya

bahawa peserta kajian bukan sahaja mampu memberi nasihat kepada peserta-peserta kajian yang lain, malahan juga peserta kajian dapat memberi tunjuk ajar kepada peserta kajian yang lain semasa proses penghasilan grafiti. Curaian nota lapangan yang berikut menunjukkan peserta kajian A memberi tunjuk ajar kepada peserta kajian D berkaitan dengan cara menyembur.

> "Murid A telah **memberi tunjuk ajar** kepada murid D apabila murid D meninggalkan kesan putih pada huruf-huruf yang seterusnya." (P/03/M4)

### 4.5.2. Kepuasan

Menurut Abraham Maslow, setiap individu mempunyai lima keperluan untuk dipenuhi dan keperluan pengiktirafan merupakan keperluan tertinggi. Melalui pemerhatian ini, boleh dikatakan bahawa keperluan pengiktirafan diri telah dipenuhi melalui proses penghasilan grafiti yang lancar dan galakan daripada penyelidik. Misalnya, peserta kajian C tampil ke depan penyelidik sebaik sahaja siap berkarya lalu bersenyum dan berkata "tidak sangka hasil akhir akan cantik sebegini." Hal ini jelas menunjukkan bahawa peserta kajian C berasa puas hati dengan pencapaiannya.

Hal ini juga dapat dibuktikan apabila peserta kajian menyatakan kepuasan mereka terhadap karya akhir masing-masing semasa ditemu bual. Berikut merupakan transkrip temu bual dengan peserta kajian C yang ingin diberi perhatian.

> "Saya rasa karya yang dihasilkan ini adalah **lebih baik** daripada apa yang saya harapkan. Saya amat **berpuas hati** dengan karya grafiti saya." (TB/02/M3)

Berdasarkan kepada transkrip temu bual di atas, selain daripada aspek kepuasan terhadap hasil karyanya, peserta kajian C turut berpendapat bahawa hasil karya

grafitinya adalah lebih baik daripada jangkaannya. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa peserta-peserta kajian telah mendapat perasaan kepuasan melalui proses penghasilan karya grafiti.

Di samping itu, kepuasan juga dikesan semasa peserta kajian menghasilkan seni grafiti. Hal ini terbukti apabila murid A menunjukkan bahawa dia menikmati proses mencipta dan memperbaiki karya seninya. Misalnya, Murid A telah memerhatikan karyanya dengan teliti, kemudian dia menukar warna cat semburan yang dikehendaki dan menyembur semula pada tempat yang kurang memuaskan. Setelah selesai, dia tersenyum dan berasa puas dengan karyanya.

Selanjutnya, kebolehan untuk mencapai matlamat semasa menghasilkan seni grafiti juga mampu membolehkan peserta kajian berasa puas hati. Apabila dapat menghasilkan garisan dengan teknik yang betul, murid B tersenyum. Hal ini menunjukkan bahawa murid B merasakan kepuasan dan kejayaan dalam belajar dan menguasai kemahiran baru.

Semasa menghasilkan grafiti, peserta kajian sering menunjukkan senyuman. Mereka kerap bersenyum setelah mereka mencapai sesuatu. Melalui pemerhatian, jelas kelihatan bahawa murid B berasa gembira dan puas dengan karya yang dihasilkan dengan menunjukkan tanda-tanda kepuasan seperti senyuman dan percakapan yang ceria semasa melukis. Walaupun dia menghadapi beberapa rintangan seperti kurangnya ruang untuk melakar bintangnya, dia masih berusaha untuk mengatasi halangan tersebut dan meminta bantuan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Ini menunjukkan bahawa murid B mempunyai motivasi dalaman yang kuat untuk

mencapai kepuasan dalam karyanya. Setelah melakukan perbaikan pada karyanya, murid B terlihat puas dengan hasil yang dicapainya. Hal ini terlihat dari tindakannya yang berlari ke tempat murid A dengan senyuman di wajahnya. Sikap puas ini menunjukkan bahwa murid B amat berpuas dengan hasil yang dicapai.

Seperti yang ditunjukkan oleh murid A, murid D juga telah menunjukkan reaksi yang gembira dan berpuas dengan menjerit "Yes" setelah mencuba teknik yang berbeza. Bukan begitu sahaja, setelah menambahbaik karyanya, murid D terlihat puas hati dengan hasilnya dengan menunjukkan tingkah laku mengangguk kepala dan memberikan respons positif seperti "Mmmm....Ya...ya." Hal ini menunjukkan bahwa dia berasa puas dengan karyanya dan berasa bahawa usahanya terbayar dengan hasil yang memuaskan.

Tambahan pula, peserta kajian juga telah menunjukkan kepuasan dengan tindakan mereka yang ingin berkongsi hasil karya kepada orang lain. Misalnya, murid C berasa puas dengan hasil karyanya dan menunjukkannya kepada murid B dan guru. Manakala murid B pula pergi ke tempat berkaya murid A dan memberitahu murid A serta dia ingin berkongsi hasil karyanya kepada murid A setelah dia siap menghasilkannya.

Selain itu, peserta kajian C juga berpendapat bahawa seni grafiti adalah lebih seronok dan puas kerana ia membolehkan mereka membuat seni selain daripada di dalam kelas. Hal ini jelas menggambarkan bahawa peserta-peserta kajian berpuas hati semasa menghasilkan karya grafiti kerana mereka tidak terhad pada ruangan yang ditetapkan sahaja. Mereka diberi kebebasan untuk mengekspresikan perasaan pada ruangan yang lebih besar dan bebas.



Universiti Malaya

### 4.5.3. **Motivasi**

Selain daripada keyakinan serta kepuasan, aspek motivasi juga dapat dikesan dalam proses penghasilan grafiti. Melalui pemerhatian, didapati bahawa murid-murid memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa menghasilkan grafiti. Kesemua peserta kajian telah berkarya tanpa berhenti-henti melainkan apabila mereka ingin berehat sekejap. Mereka hanya bergurau atau berbual-bual dengan peserta kajian yang lain apabila mereka sedang berehat, telah siap berkarya ataupun apabila memerlukan nasihat serta bantuan. Mereka bermotivasi untuk menghasilkan karya grafiti yang terbaik untuk mereka. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian tidak lagi diganggu oleh emosi yang lain kerana mereka mempunyai matlamat yang ingin dicapai iaitu menghasilkan grafiti masing-masing.

Pernyataan ini adalah sehala dengan dapatan temu bual dengan keempat-empat peserta kajian. Mereka berpendapat bahawa mereka berasa tenang semasa melakukan grafiti. Bukan setakat itu sahaja, menurut mereka juga, mereka tidak memikirkan perkara-perkara lain semasa menghasilkan grafiti. Mereka hanya menumpukan fikiran mereka bagi menghasilkan karya dengan sebaik mungkin

Motivasi yang dipamerkan oleh peserta kajian juga boleh diperkukuhkan dari segi persetujuan mereka bahawa seni grafiti merupakan aktiviti seni yang senang untuk dihasilkan serta amat menjimatkan masa.

> "Saya rasa penggunaan cat semburan untuk berkarya dalam grafiti adalah sangat **cepat dan seronok**. Saya boleh menghasilkan karya yang besar dalam masa yang singkat." (TB/02/M1)

Universiti Malaya

Sebagaimana yang dikatakan oleh peserta kajian A, seni grafiti adalah aktiviti seni yang seronok dan masa untuk menghasilkannya juga adalah cepat. Manakala peserta kajian C juga telah menyatakan bahawa kesilapan yang dilakukan boleh dibaiki dan proses itu adalah sangat mudah. Justeru, dia tidak perlu risau dan berasa lega semasa berkarya.

> "Err...Jika saya membuat kesilapan, saya **boleh membaiki kesilapan** saya dengan senang. Saya hanya perlu *spray* terus pada kesilapan saya." (TB/02/M3)

Maka, dengan perasaan tenang serta selesa yang didatangkan oleh kemudahan membuat grafiti, peserta-peserta kajian adalah lebih bermotivasi untuk berkarya.

Seterusnya, motivasi yang tinggi juga dikesan dalam kalangan peserta kajian. Mereka amat bermotivasi untuk menjana hasil yang baik. Motivasi yang tinggi adalah faktor penting dalam mempertahankan minat dan semangat seseorang dalam mencapai tujuan. Ketika seseorang memiliki motivasi yang tinggi, dia adalah cenderung untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh demi mencapai prestasi yang lebih tinggi.

Misalnya, murid A telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik karyanya dengan menyembur lagi pada tempat yang dia berasa kurang puas hati dan ini membuktikan bahawa dia ingin menghasilkan karya yang berkualiti dan memenuhi tahap kepuasan diri. Hal ini juga dapat dikesan melalui usaha yang ditunjukkan oleh murid C. Dia telah mengeksplorasi cara menciptakan garisan melalui pelbagai arah dan meminta bantuan untuk membuat garis luar pada huruf-huruf. Ini menunjukkan bahawa dia motivasi



Universiti Malaya

yang kuat untuk mempelajari lebih banyak teknik dan menciptakan hasil yang lebih baik.

Di samping itu, peserta kajian juga telah bersedia dan bermotivasi untuk menerima kritikan dan saranan daripada penyelidik dan kawan-kawannya. Curaian nota lapangan yang berikut menunjukkan murid C sedang bertanya tentang pandangan penyelidik dan pandangan murid B berkaitan dengan hasil karyanya.

> "Setelah habis melukis huruf 'E', dia berundur beberapa langkah untuk melihat karyanya. Murid C telah mengangguk kepalanya. Dia juga meminta murid B dan saya untuk melihat hasilnya setakat itu. " (P/02/M3)

Berdasarkan nota lapangan di atas, jelas kelihatan bahawa murid C bermotivasi untuk mempertingkatkan kemahiran melakarnya dengan menerima pandangan atau kritikan daripada orang di sekelilingnya. Motif dia berbuat demikian adalah untuk melakarkan karya seni yang lebih baik pada masa depan. Berdasarkan situasi ini, boleh dilihat bahawa peserta kajian mempunyai penyelidik dan kawan untuk membantunya semasa menghadapi masalah. Ini menunjukkan peserta kajian mempunyai sokongan dari persekitarannya.

Sokongan dari persekitaran dapat memberikan motivasi kepada individu untuk menghasilkan karya kerana mereka berasa dihargai oleh orang di sekitar mereka. Sokongan seperti ini dapat memberikan dorongan dan keyakinan yang diperlukan untuk mengambil risiko dan mencuba perkara-perkara baru. Selain itu, persekitaran yang positif juga dapat memotivasikan peserta kajian untuk menjadi lebih kreatif dan produktif. Dengan berasa disokong dan dihargai, peserta kajian adalah lebih cenderung

Universiti Malaya

untuk berusaha dengan lebih gigih dan menghasilkan karya-karya yang lebih berkualiti.

Bukan begitu sahaja, berdasarkan data daripada temu bual, peserta kajian adalah sangat bersemangat untuk melakukan seni grafiti dengan membuat persediaan sebelum proses penghasilan sebenar. Misalnya, murid A telah mengambil inisiatif untuk menonton tayangan video yang berkaitan dengan cara menghasilkan grafiti dengan menggunakan cat semburan melalui aplikasi *Youtube*. Ini juga dapat dilihat melalui kaedah pemerhatian di mana murid A juga telah melakukan beberapa kali percubaan dan penerokaan sebelum memulakan proses menghasilkan seni grafiti sebenar dengan membuat garisan pada permukaan papan dengan menggunakan cat semburan.

Tambahan pula, peserta kajian juga menunjukkan bahawa mereka bermotivasi untuk menjaga kebersihan dan keindahan ruangan berkarya. Hal ini dapat dilihat melalui kaedah pemerhatian, keempat-empat peserta kajian telah membersihkan muncung cat semburan dan tempat berkarya setelah selesai.

Selanjutnya, didapati bahawa peserta kajian memberi komitmen yang tinggi sepanjang kajian. Mereka kerap mencuba untuk mengecapi kejayaan. Peserta kajian juga tidak pernah berputus asa walaupun mereka menghadapi halangan semasa menghasilkan grafiti. Sebaliknya, mereka mengambil inisiatif untuk mencari jalan penyelesaian. Misalnya, peserta kajian A mengambil tindakan untuk mengubahsuai hurufnya semasa penyelidik dan peserta kajian lain memberikan pendapat. Selain itu, peserta kajian B juga mempamerkan semangat yang sama apabila dia meminta bantuan daripada menyelidik untuk menyelesaikan masalah ruang tidak mencukupi.

Di samping itu, didapati bahawa peserta kajian menunjukkan keinginan yang sangat tinggi untuk menghasilkan grafiti. Terdapat beberapa orang peserta kajian meminta persetujuan daripada penyelidik untuk membantu atau melihat kawan-kawan mereka dalam menghasilkan karya grafiti walaupun mereka telah siap berkarya. Sebagai bukti, peserta kajian A dan B telah menawarkan diri mereka untuk menolong peserta kajian yang lain walaupun mereka sudah siap berkarya. Hal ini sekali lagi menunjukkan peserta-peserta kajian amatlah bermotivasi.

Lebih-lebih lagi, peserta kajian juga menghuraikan bahawa mereka ingin menyertai aktiviti grafiti ini lagi jika mempunyai peluang semasa menjalankan temu bual dengan mereka. Mereka amat bermotivasi untuk mencabar diri untuk menghasilkan reka bentuk grafiti yang lain jika berpeluang. Peserta kajian A telah menjawab "Nak, cikgu! Bila, bila?" apabila ditanya sama ada ingin menghasilkan seni grafiti lagi kelak semasa dalam temu duga.

Secara tuntasnya, berdasarkan kepada perbincangan dalam subtopik 4.5.1 hingga ke subtopik 4.5.3, boleh disimpulkan bahawa para peserta kajian telah mempamerkan keyakinan, kepuasan serta bermotivasi sepanjang proses penghasilan grafiti. Maka, perkara ini telahpun menjawab soalan kajian 3.

## 4.6. Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah membincangkan dapatan data yang dikumpul melalui tiga kaedah, iaitu kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan keadah analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa seni grafiti yang berbentuk huruf dan bersifat ringkas serta mampu menyampaikan mesej-mesej penting menjadi pilihan utama

Universiti Malaya

murid-murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi kerana ia dianggap lebih mudah dihasilkan oleh murid-murid sekolah rendah. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa proses penghasilan seni grafiti untuk murid sekolah rendah dibahagikan kepada lima proses iaitu proses persediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses pengemasan serta penambahbaikan.

Tambahan pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa para peserta kajian telah menunjukkan keyakinan, kepuasan, dan motivasi sepanjang proses penghasilan grafiti. Awalnya, mereka teragu-ragu dan tidak yakin tetapi melalui pengalaman dan eksperimen, keyakinan diri mereka meningkat. Mereka juga telah menunjukkan kepuasan melalui senyuman dan ekspresi positif ketika melihat hasil karya masing-masing. Selain itu, motivasi para peserta juga terlihat dari ketekunan mereka dalam mengatasi rintangan, menerima nasihat dan terus mencuba untuk meningkatkan kemahiran seni grafiti mereka. Hal ini mencerminkan impak positif proses seni grafiti terhadap aspek psikososial dan motivasi para peserta kajian.

Berdasarkan data-data yang diperoleh, ia juga telah diproses serta dikaji untuk membuat triangulasi bagi mengukuhkan dapatan kajian. Data-data yang dikumpul daripada kaedah yang berlainan telah dibincangkan secara deskriptif dalam persoalan kajian yang sama bagi menyokong data-data dan menjamin kebolehpercayaan dan kesahan data. Bab seterusnya akan membincangkan tentang ulasan kajian, implikasi kajian dan cadangan kajian.

Universiti Malaya

# BAB 5

# PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

## 5.1. Pengenalan

Bab ini membincangkan dan merumuskan dapatan kajian yang telah diperolehi dan dianalisis. Perbincangan dijalankan berdasarkan pandangan dan teori yang dikaji. Kesimpulan dan implikasi kajian juga diterangkan dalam bab ini. Cadangan yang sesuai juga dikemukakan bagi kajian yang selanjutnya.

## 5.2. Rumusan

Kajian ini dijalankan dengan berpegangkan kepada teori Leo Tolstoy (1897) yang mementingkan aspek ekspresi emosi murid-murid melalui pelaksanaan seni grafiti. Empat orang murid-murid di sebuah sekolah rendah yang mempunyai ciri-ciri gangguan emosi telah dipilih berdasarkan latar belakang mereka, iaitu murid yang mempunyai kehadiran yang kurang memuaskan, tidak berani memberi pendapatnya atau kurang memberi tumpuan semasa PdPc. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencadangkan reka bentuk seni grafiti pilihan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi, meneroka proses penghasilan seni grafiti yang dihasilkan oleh murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi dan mengkaji emosi murid sekolah rendah yang mengalami masalah gangguan emosi semasa pelaksanaan seni grafiti.

Kajian kes telah digunapakai dengan melibatkan kaedah analisis dokumen, kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual untuk mengumpulkan data-data yang berkaitan.

Universiti Malaya

Menerusi data yang dikumpul sepanjang kajian ini, ia telah dianalisis dan dibincangkan secara mendalam dalam bentuk kualtiatif.

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, kaedah analisis dokumen telah digunakan terhadap buku sketsa yang dihasilkan oleh empat orang peserta kajian. Kemudian, satu temu bual telah dijalankan setelah peserta kajian menghasilkan buku sketsa untuk memperoleh pandangan mereka terhadap reka bentuk grafiti yang sesuai. Terdapat dua tema yang diperolehi semasa membuat analisis data. Misalnya, huruf serta gabungan. Dapatan kajian menunjukkan reka bentuk huruf adalah lebih digemari oleh murid-murid sekolah rendah.

Seterusnya, kaedah pemerhatian telah digunakan semasa peserta kajian menghasilkan grafiti dan satu temu bual juga diadakan selepas ini untuk menjawab persoalan kajian kedua. Berdasarkan data yang dikumpul, proses penghasilan seni grafiti oleh murid-murid sekolah rendah dibahagikan kepada lima tema, iaitu proses persediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses kekemasan dan penambahbaikan. Melalui kajian yang dijalankan, jelas kelihatan bahawa setiap tema dalam proses penghasilan grafiti mempunyai kesinambungan. Peserta kajian telah melakukannya langkah demi langkah bagi memastikan kelancaran proses.

Kajian ini juga mengkaji emosi peserta kajian semasa pelaksanaan seni grafiti. Kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual telah digunakan bagi meneliti tingkah laku dan perasaan murid sepanjang kajian. Berdasarkan dapatan kajian yang dikumpul, emosi murid dibahagikan kepada tiga tema, iaitu keyakinan, kepuasan dan motivasi. Kajian membuktikan emosi murid mempunyai penambahbaikan semasa menjalankan seni

Universiti Malaya

grafiti dengan menunjukkan senyuman yang kerap, pemberian tumpuan yang sepenuhnya, keinginan untuk melakukan sesuatu dengan tidak berputus asa dan kebolehan untuk melakukan sesuatu secara berdikari setelah dibimbing.

Secara kesimpulannya, seni grafiti merupakan aktiviti seni yang amat digemari oleh murid-murid sekolah rendah. Walau bagaimanapun, grafiti yang berbentuk huruf adalah lebih mudah untuk murid-murid sekolah rendah bagi pendedahan kali pertama. Murid-murid perlu dirangsang dengan pelbagai aspek seperti sosial media, siaran televisyen dan sebagainya untuk memperoleh ilham. Murid-murid juga perlu menjalankan grafiti dengan mengikut prosedur-prosedur yang tertentu. Dengan ini, ia mampu memberi kesan yang positif kepada gangguan emosi murid-murid sedangkan mereka dapat melaksanakan grafiti dengan keupayaan dan keinginan diri dan ia secara tidak langsung mampu memberi kepuasan kepada diri mereka.

## 5.3. Perbincangan

Secara umumnya, kajian ini memperlihatkan reka bentuk grafiti dan proses yang sesuai untuk dihasilkan oleh murid-murid sekolah rendah serta pelaksanaan seni grafiti dalam membantu mengurangkan gangguan emosi murid. Perbincangan akan dijuruskan berdasarkan persoalan kajian yang telah dibina dan dikaitkan dengan teori, konsep dan kajian yang berkaitan.

### 5.3.1. Reka Bentuk Seni Grafiti yang Sesuai

Menurut Paudel dan Neupane (2019), reka bentuk seni grafiti terdiri daripada tiga jenis iaitu imej, huruf dan simbol. Setelah meneliti dan menganalisis data-data yang

Universiti Malaya

diperolehi, didapati bahawa reka bentuk seni grafiti yang diminati oleh murid-murid sekolah rendah adalah reka bentuk seni grafiti yang berbentuk huruf dan gabungan. Kajian menunjukkan murid-murid telah membuat pelbagai jenis reka bentuk seni grafiti dalam buku sketsa sebelum menghasilkan grafiti sebenar. Mereka pernah menghasilkan seni grafiti yang pelbagai seperti huruf, gabungan huruf dengan imej atau gabungan huruf dengan simbol. Walau bagaimanapun, daripada keempat-empat peserta kajian, tiga orang peserta kajian telah memilih grafiti yang berbentuk huruf manakala hanya seorang peserta kajian telah memilih grafiti gabungan antara reka bentuk huruf dan simbol sebagai idea terpilih mereka.

Menurut peserta kajian, mereka berpendapat bahawa reka bentuk seni grafiti yang berbentuk huruf adalah lebih mudah dihasilkan jika dibandingkan dengan reka bentuk seni grafiti yang lain. Dapatan ini juga disokong oleh pernyataan daripada Odour (2019) yang menyatakan seni grafiti haruslah diwujudkan dalam bentuk yang ringkas dan senang untuk difahami. Kebanyakan idea grafiti yang dipilih oleh peserta kajian terdiri daripada satu perkataan dan latar belakang sahaja. Ia mampu menonjolkan idea masing-masing dengan jelas dengan penggunaan huruf sahaja. Akan tetapi, terdapat seorang peserta kajian yang juga telah memasukkan simbol pada perkataan yang dipilihnya. Hal demikian disebabkan dia ingin menerapkan unsur kepelbagaian dalam karyanya.

Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa perkataan yang dipilih oleh peserta kajian mengandungi mesej-mesej yang ingin disampaikan kepada ahli komuniti di sekolah. Setelah menghasilkan beberapa idea yang berlainan, peserta kajian telah memilih idea yang mampu menyampaikan pemikiran dan perasaan mereka. Paudel

Universiti Malaya

dan Neupane (2019) juga pernah menyatakan seni grafiti menjadi terkenal dan diminati oleh banyak orang adalah disebabkan pengkarya grafiti mampu menggunakan perkataan untuk mewakili pemikiran mereka. Mereka dapat melakukan komunikasi secara langsung sedangkan mereka tidak perlu berfikir cara untuk menyampaikan fakta mereka seperti yang dilakukan pada perbualan pada setiap hari. Jika ditinjau dan dibanding dengan kajian yang lepas, semua seni grafiti yang dihasilkan mewakili mesej yang ingin disuarakan kepada masyarakat (Gross dan Gross, 2016). Ini turut disokong oleh Shoebe (2020) yang menghuraikan ciri-ciri reka bentuk grafiti yang berkesan haruslah mengandungi mesej pada karyanya.

Di samping itu, reka bentuk huruf yang dihasilkan oleh kesemua peserta kajian mempunyai stail sendiri. Didapati bahawa murid-murid adalah lebih suka gaya huruf yang berbentuk tajam jika dibandingkan dengan gaya huruf yang bulat. Bukan begitu sahaja, terdapat dua orang peserta kajian yang menghasilkan huruf yang berbentuk 2 dimensi dan dua orang peserta kajian yang menghasilkan huruf yang berbentuk 3 dimensi. Dapatan ini juga selaras dengan Blesso (2016) yang menyatakan gaya huruf setiap artis grafiti adalah berbeza dan ia adalah berdasarkan kepada kecekapan artistik yang dimiliki oleh setiap pengkarya. Berdasarkan kajian-kajian lepas, nilai estetika yang wujud pada seni grafiti adalah bergantung pada motif penghasilan dan kebolehan untuk mewujudkan komunikasi (Xu, 2017). Semasa menghasilkan grafiti oleh murid-murid sekolah rendah, isi yang ingin disampaikan melalui karya grafiti merupakan fokus utama dalam membentuk idea karyanya.

Warna yang diaplikasikan dalam penghasilan reka bentuk grafiti juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan idea. Warna yang digunakan juga mampu

Universiti Malaya

membawa mesej-mesej yang ingin dikongsikan. Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat dua orang peserta kajian yang menggunakan warna kontra dalam idea terpilihnya dan dua orang peserta kajian telah menggunakan warna harmoni. Warna kontra dipilih oleh peserta kajian adalah disebabkan mereka ingin menonjolkan karya mereka bagi menarik minat ahli komuniti sekolah untuk melihat hasil karyanya. Sebaliknya, warna harmoni dipilih oleh peserta kajian adalah disebabkan warna harmoni mampu membawa ketenangan kepada mereka. Data ini juga disokong oleh Aimi Atikah Roslan dan Syed Alwi (2018) yang menghuraikan warna kontra berperanan untuk menarik minat seseorang individu dan warna harmoni mampu membawa perasaan tenang dan harmoni apabila dilihat. Aspek ini perlu diteliti semasa merekacipta idea grafiti sedangkan menurut pandangan Paudel dan Neupane (2019), warna yang dipilih dalam penghasilan grafiti mempunyai mesej yang ingin disampaikan.

Secara tuntasnya jelas kelihatan bahawa murid-murid sekolah rendah adalah lebih menjurus kepada seni grafiti yang berbentuk huruf. Huruf merupakan antara tiga reka bentuk seni yang membolehkan idea dipersembahkan secara langsung. Walau bagaimanapun, didapati bahawa peserta kajian ingin mencabarkan diri untuk menghasilkan grafiti yang berbentuk imej atau grafiti yang berbentuk huruf dan imej bagi kelak nanti melalui pandangan mereka setelah penghasilan seni grafiti. Hal demikian kerana peserta kajian berasa seni grafiti yang berbentuk huruf adalah lebih mudah dihasilkan sedangkan ini merupakan kali pertama mereka melibatkan diri dalam aktiviti seni grafiti.

Universiti Malaya

Lebih-lebih lagi, kajian ini juga membuktikan bahawa grafiti yang berbentuk simbol adalah kurang diminati oleh murid-murid sekolah rendah. Menurut Jean Piaget (2015), tahap perkembangan kognitif murid-murid sekolah rendah adalah berada pada peringkat operasi tertentu. Pada peringkat ini, mereka akan menghasilkan objek yang konkrit. Objek yang abstrak misalnya simbol adalah kurang sesuai untuk mereka. Justeru, reka bentuk yang berbentuk huruf adalah lebih sesuai untuk murid-murid sekolah rendah dan reka bentuk yang berbentuk imej atau reka bentuk gabungan huruf dan imej boleh dihasilkan oleh murid-murid sekolah rendah setelah mereka telah mempunyai pengalaman untuk menghasilkan seni grafiti.

### 5.3.2. **Proses Menghasilkan Seni Grafiti**

Setiap hasil karya yang mempunyai nilai estetika yang tinggi terdiri daripada proses yang terancang. Berdasarkan dapatan-dapatan kajian, didapati bahawa proses penghasilan seni grafiti bagi murid-murid sekolah rendah adalah terdiri daripada lima tema, iaitu proses penyediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan proses pengemasan dan penambahbaikan.

Semasa proses penyediaan awal, murid-murid telah memperoleh inspirasi melalui layaran internet. Mereka telah membaca maklumat yang berkaitan dengan grafiti dan mereka telah melakarkan beberapa bentuk idea yang berlainan pada buku sketsa masing-masing. Langkah ini menyediakan murid-murid untuk menjana idea dan seterusnya mengembangkan idea mereka sehingga memperoleh idea yang diinginkan. Sepanjang proses ini, murid-murid mampu membuat eksperimentasi tentang warna dan gaya ideanya pada buku sketsa terlebih dahulu. Dengan ini, ia dapat menjimatkan masa semasa menghasilkan grafiti sebenar nanti.

Langkah penyediaan awal adalah amat penting kerana ia dapat memberi gambaran awal kepada murid-murid tentang apa yang bakal dijalankan. Proses ini juga adalah selari dengan pandangan Moch Fawzi dan Muhajir (2016) di mana mereka menamakan proses ini sebagai proses pencetusan idea dalam kajiannya. Menurut mereka, proses pencetusan idea merupakan proses awal bagi menghasilkan seni grafiti. Semasa proses ini, pengkarya akan menentukan konsep, teknik dan media yang diinginkan. Pelbagai sketsa juga harus dijalankan secara spontan dalam proses ini.

Setelah memperoleh idea yang diinginkan, langkah kedua ialah proses eksperimentasi. Proses eksperimentasi memberi peluang kepada murid-murid untuk meneroka cara menyembur dengan cat semburan. Murid-murid telah melakukan beberapa kali percubaan untuk menghasilkan garisan yang berlainan. Murid-murid juga telah menguasai teknik pencampuran warna semasa proses ini. Menurut Xu (2017), proses eksperimentasi membolehkan kanak-kanak untuk mencuba sehingga berjaya. Kanak-kanak dapat memperolehi pelbagai pengalaman dan seterusnya memantapkan ilmu atau kemahiran dalam proses ini.

Seterusnya, murid-murid mula menghasilkan seni grafiti dengan membuat lakaran pada dinding terlebih dahulu. Proses ini dikenali sebagai proses melakar. Semasa proses melakar, terdapat murid-murid yang menghasilkan idea mereka secara terus dan ada dalam kalangan mereka yang menghasilkan idea dengan merujuk buku sketsanya. Bukan begitu sahaja, didapati bahawa ada dalam kalangan mereka yang menggunakan petak grid semasa proses melakar pada dinding. Proses ini amat berkesan bagi membantu murid-murid sekolah rendah untuk mentransformasikan idea dari buku sketsa ke dinding dengan kadar banding yang tepat dan sesuai. Proses melakar ini juga

Universiti Malaya

adalah sama dengan proses pemindahan sketsa pada media yang dikenali oleh Moch Fawzi dan Muhajir (2016). Pengkarya mentransformasikan sketsa yang dirancang sebelum ini dengan membuat sketsa pada dinding dengan menggunakan cat semburan.

Langkah diteruskan dengan proses mewarna. Semasa proses mewarna, murid-murid tidak mempunyai cara mewarna yang sama. Misalnya, ada yang suka memulakan proses mewarna dari latar belakang dan ada yang suka bermula proses mewarna dari huruf. Xu (2017) menghuraikan grafiti sebagai salah satu bentuk seni yang spontan dan tidak ada langkah yang tertentu untuk menghasilkan seni grafiti. Walaupun murid-murid mempunyai langkah yang berbeza dalam proses mewarna, namun didapati bahawa teknik mewarna yang digunakan oleh semua murid adalah sama. Murid-murid telah mewarna karyanya dengan menyembur garisan luar objek terlebih dahulu. Kemudian, mereka mengisi objek tersebut dengan warna-warna yang ditetapkan. Dapatan ini juga adalah sama dengan proses grafiti yang dijalankan oleh Moch Fawzi dan Muhajir (2016), di mana mereka menyembur garisan luar objek terlebih dahulu barulah mengisi objek tersebut dengan warna cat semburan. Proses tersebut dikenali sebagai *filling* menurut Moch Fawzi dan Muhajir (2016).
Seterusnya, murid-murid akan membuat garisan luar objek dalam proses mewarna. Proses ini juga adalah selaras dengan proses *out lining* dalam kajian Moch Fawzi dan Muhajir (2016). Pengkarya akan menonjolkan objek-objek dengan memberikan garisan luar.

Bagi memastikan karya yang dihasilkan adalah kemas dan menarik, murid-murid telah membuat kekemasan dalam langkah terakhir. Langkah ini dikenali sebagai proses pengemasan dan penambahbaikan. Menerusi kajian, jelas kelihatan bahawa murid-

Universiti Malaya

murid telah menambahbaik pada bahagian atau garisan luar yang kurang memuaskan. Proses kekemasan adalah amat penting bagi memastikan karya yang dihasilkan tahan dan kelihatan kemas.

Seperti diungkapkan oleh Moch Fawzi dan Muhajir (2016), proses penghasilan seni grafiti terdiri daripada proses pencetusan idea, pemindahan sketsa pada media, proses *fiiling* dan *out lining*. Ini adalah selaras dengan dapatan kajian yang dikumpul yang mana proses pencetusan idea merupakan proses penyediaan awal murid-murid; proses pemindahan sketsa pada media merupakan proses melakar; proses *fiiling* dan *out lining* merupakan proses mewarna. Walau bagaimanapun, proses dalam kajian ini juga meliputi proses eksperimentasi dan proses pengemasan dan penambahbaikan. Hal demikian kerana sasaran dalam kajian ini merupakan murid-murid sekolah rendah dan mereka tidak pernah menghasilkan seni grafiti.

Justeru, proses eksperimentasi diperkenalkan bagi membolehkan murid-murid meneroka cara menggunakan cat semburan secara bebas. Selain itu, proses pengemasan dan penambahbaikan juga adalah amat perlu bagi murid-murid sekolah rendah kerana mereka bukan artis grafiti yang telah menguasai kemahiran grafiti yang tinggi. Oleh itu, mereka memerlukan proses pengemasan dan penambahbaikan bagi membolehkan mereka menggunakan peluang ini untuk menambahbaik bahagian yang kurang puas hati.

### 5.3.3. **Emosi Murid Semasa Pelaksanaan Seni Grafiti**

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian yang telah dikumpul, terbukti bahawa gangguan emosi murid-murid telah dikurangkan. Hal ini jelas terbukti apabila keyakinan,

motivasi dan kepuasan murid meningkat melalui proses penghasilan seni grafiti. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa orang peserta kajian telah dapat melakukan seni grafiti tanpa rujukan terhadap buku sketsa masing-masing. Mereka dapat menghasilkan karya mereka dengan hanya berpandukan kepada latihan sketsa di kertas lukisan sebelum proses menghasilkan grafiti sebenar ini. Mereka berkeyakinan untuk menghasilkan karyanya tanpa panduan. Pendapat ini juga selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Su dan Hsu (2022) yang menyatakan murid-murid dapat mendirikan keyakinan mereka semasa menghasilkan grafiti jika mereka diberi pendedahan awal berkaitan dengan seni grafiti.

Selain itu, masa berkarya juga semakin singkat jika dibandingkan dengan permulaan. Melalui kaedah pemerhatian, didapati bahawa murid-murid kerap berhenti seketika pada awal proses mewarna. Mereka berasa teragak-agak terhadap kemahiran diri mereka. Namun, setelah beberapa kali percubaan, jelas kelihatan bahawa mereka telah mengetahui cara mewarna dan mereka adalah lebih yakin terhadap kebolehan diri. Justeru, data menunjukkan proses menghasilkan karya grafiti semakin lancar kemudian. Avramidis dan Drakopoulou (2012) menghuraikan bahawa seseorang artis grafiti yang kerap menghasilkan grafiti mampu memberi keyakinan kepada pengkarya kerana mereka sering berlatih. Data ini juga adalah selaras dengan dapatan daripada Xu (2017) yang menyatakan bahawa kemahiran mewarna dengan menggunakan cat semburan dapat diperolehi melalui pengalaman dan proses ini adalah amat penting kerana ia dapat membina keyakinan dalam murid-murid secara tidak langsung dan mendorong mereka untuk menghasilkan karya grafiti yang lebih menarik pada kelak nanti.

Moneva dan Tribunalo (2020) menghuraikan prestasi dalam tugasan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap keyakinan. Jika seseorang individu adalah yakin, maka prestasi yang ditunjukkan adalah lebih efikasi. Melalui kajian, murid-murid yang telah habis berkarya telah meminta kebenaran untuk datang melihat dan membantu murid yang lain pada lain hari. Mereka telah memberi nasihat kepada kawan-kawannya dengan berpandukan pengalaman yang telah mereka memperolehi semasa menghasilkan grafiti. Ini menunjukkan bahawa murid-murid bertindak dengan lebih yakin kerana mereka berasa mereka telah menguasai kemahiran seni grafiti dan mereka dapat menggunakan kemahiran tersebut untuk membantu dan mengajar murid yang lain. Anwar (2016) dalam kajiannya juga menyatakan perkongsian dan perbincangan ilmu serta pengalaman yang diperolehi dengan kawan mampu membina keyakinan individu.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa murid-murid telah menghadapi halangan pada awal permulaan proses menghasilkan grafiti. Namun begitu, mereka tidak pernah berputus asa dan kerap meminta bantuan atau nasihat daripada penyelidik dan kawan mereka untuk mencari jalan penyelesaian. Mereka telah membuat percubaan sebanyak beberapa kali sehingga berjaya. Data ini juga adalah selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Xu (2019) yang menyatakan seni grafiti mampu memupuk keyakinan dalam diri murid-murid dengan memberi kebebasan kepada mereka untuk mengeksplorasi.

Setelah memperoleh jalan penyelesaian, maka murid-murid berasa seni grafiti senang digunakan dan menjimatkan masa. Ini jelas kelihatan bahawa keyakinan murid-murid telah ditingkatkan kerana mereka telah mengetahui cara menggunakan cat semburan

untuk menghasilkan grafiti dan ini membolehkan masa berkarya menjadi semakin cepat dan lancar. Bukan begitu sahaja, data ini juga membuktikan murid-murid adalah lebih bermotivasi untuk menghasilkan karya kerana mereka tidak pernah berputus asa untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Mereka kerap mencuba untuk memperoleh wadah penyelesaiannya. Froiland, Oros, Smith dan Hirchert (2012) juga bersetuju dengan pandangan ini. Mereka berpendapat bahawa motivasi intrinsik seseorang individu membolehkan seseorang untuk bertindak demi mencapai kejayaan.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa seni grafiti membolehkan murid-murid berfokus semasa menghasilkannya. Berdasarkan dapatan daripada kaedah pemerhatian, murid-murid menghasilkan grafiti secara berterusan dan tidak berhenti selain daripada berehat sekejap untuk merehatkan jari mereka. Murid-murid juga memberi pendapat bahawa semasa menghasilkan grafiti mereka hanya berfikir cara untuk menghasilkan grafiti yang menarik dan diinginkan. Mereka tidak fikir perkara lain dan tidak diganggu oleh emosi yang negatif. Dapatan ini adalah selari dengan hujah daripada Xu (2017) yang menyatakan bahawa minda, mata dan tangan perlu digunakan semasa menghasilkan grafiti. Justeru, grafiti kanak-kanak memerlukan kordinasi dan minda pada masa yang sama dan ini secara tidak langsung membolehkan mereka lebih berfokus dan bermotivasi untuk menghasilkan karya masing-masing dengan baik.

Seterusnya, hasil dapatan menunjukkan bahawa murid-murid berpendapat seni grafiti adalah salah satu bentuk seni yang senang digunakan. Mereka berpendapat bahawa seni grafiti ini mampu membaiki kesilapan yang dilakukan dengan semburan cat secara terus pada kesilapan sahaja. Ia adalah amat menjimatkan masa. Justeru, mereka

Universiti Malaya

adalah lebih bermotivasi untuk menghasilkan. Dapatan ini juga adalah selaras dengan pandangan daripada Dweck dan Bempechat (2017) yang menyatakan bahawa kanak-kanak akan berasa diri mereka adalah pintar dan bermotivasi untuk menghasilkan sesuatu jika masalah yang dihadapi oleh mereka adalah mudah untuk diatasi.

Lantaran itu, berdasarkan dapatan yang dikumpul, murid-murid telah menunjukkan keinginan yang amat tinggi untuk menghasilkan karya grafiti lagi. Hal ini terbukti apabila murid-murid disoal tentang adakah mereka berminat untuk menghasilkan karya grafiti lagi, kesemua murid telah menunjukkan senyuman dan bertanya bilakah mereka boleh menghasilkan grafiti lagi. Keinginan yang ditunjukkan oleh murid-murid menggambarkan mereka bermotivasi untuk menghasilkan grafiti kerana mereka berminat dengan seni grafiti.

Seterusnya, proses mengekspresi pemikiran dan perasaan secara bebas melalui pelaksanaan seni grafiti juga didapati telah membantu mengurangkan gangguan emosi murid-murid dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan daripada temu bual, murid-murid tidak lagi dihadkan dengan protokol yang ditetapkan seperti di dalam kelas. Mereka boleh menceritakan masalah atau perasaan yang dihadapi serta apa yang sedang berlaku terhadapnya dengan terus-terang dalam karya grafiti kepada ahli komuniti sekolah. Dengan ini, mereka berasa diri mereka difahami oleh persekitarannya. Ini secara tidak langsung membolehkan pengkarya mencapai keselesaan dan kepuasan kerana keperluan penghargaan kendiri dipenuhi.

Dapatan ini selari dengan dapatan daripada Olaluwoye& Ogungbemi (2020) dan Khotimah dan Budiyono (2019) yang berpendapat bahawa perbuatan ini amat



Universiti Malaya

berkesan dalam membantu seseorang individu untuk menghuraikan perasaan masing-masing secara bebas demi mencapai kepuasan. Ini juga disokong oleh Masnah (2020) yang menyatakan seni grafiti membolehkan individu memanifestasi perasaan untuk memenuhi keperluan. Al-Khawaldeh et al. (2017) juga menyokong hujah ini kerana beliau berpendapat seni grafiti mampu membangkitkan emosi seseorang untuk berkarya dan seterusnya mencurahkan perasaan mereka untuk mencapai keselesaan.

Melalui dapatan kajian, didapati bahawa murid-murid juga kerap menunjukkan senyuman sepanjang proses menghasilkan grafiti. Mereka kerap bersenyum apabila melihat karya yang dihasilkan. Justeru, didapati bahawa murid-murid amat berpuas hati dengan karya yang dihasilkan. Cheng, Mukhopadhyay dan Williams (2020) juga menyatakan bahawa seseorang individu akan mempamerkan tingkah laku *nonverbal* dalam kehidupan seperti senyuman yang membawa maksud yang signifikan. Menurut pandangan mereka, senyuman merupakan salah satu motivasi intrinsik daripada seseorang individu kerana dia adalah berpuas hati.

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian-kajian lepas. Emosi peserta-peserta kajian telah ditambahbaik dengan sangat ketara.

## 5.4. Implikasi Hasil Kajian

Menerusi kajian yang dijalankan terhadap seni grafiti dalam kalangan murid sekolah rendah yang mengalami gangguan emosi, diharapkan bahawa kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak yang terlibat khususnya guru-guru yang mengajar di sekolah rendah. Guru-guru boleh menggunakan informasi daripada kajian ini untuk

Universiti Malaya

merancang aktiviti seni grafiti bagi murid-murid dengan mengambilkira reka bentuk dan proses yang sesuai untuk menghasilkan seni grafiti dari kajian ini.

Berdasakan kajian ini, didapati bahawa reka bentuk grafiti yang diminati oleh murid-murid sekolah rendah ialah reka bentuk huruf dan reka bentuk gabungan huruf dan simbol. Namun begitu, murid-murid sekolah rendah adalah lebih cenderung untuk menggunakan seni grafiti yang berbentuk huruf. Hal demikian kerana reka bentuk huruf merupakan antara tiga jenis reka bentuk yang paling senang untuk mempersembahkan idea mereka.

Ini juga adalah selaras dengan pandangan Odour (2019), di mana beliau berpendapat bahawa seni grafiti harus wujud dalam bentuk yang ringkas dan senang untuk difahami. Ini juga adalah disebabkan murid-murid adalah berada pada peringkat operasi tertentu (Jean Piaget, 2015). Selain itu, reka bentuk yang dipilih oleh murid-murid sekolah rendah juga haruslah mempunyai mesej-mesej sedangkan menurut Paudel dan Neupane (2019) grafiti menjadi terkenal dan diminati oleh orang ramai kerana ia dapat mewakili pemikiran pengkarya.Walau bagaimanapun, reka bentuk imej dan reka bentuk gabungan huruf dan imej adalah dicadangkan untuk dilakukan setelah murid-murid menguasai kemahiran menggunakan cat semburan.

Seterusnya, proses menghasilkan grafiti untuk murid-murid sekolah rendah yang dicadangkan dalam kajian ini terdiri daripada proses persediaan awal, proses eksperimentasi, proses melakar, proses mewarna dan peroses pengemasan dan penambahbaikan. Proses dalam kajian ini adalah sedikit berbeza dengan proses yang dicadangkan oleh Moch Fawzi dan Muhajir (2016), di mana proses yang dicadangkan

Universiti Malaya

dalam kajian ini ditambah dengan dua proses yang baru iaitu proses eksperimentasi dan proses pengemasan dan penambahbaikan.

Hal demikian kerana sasaran dalam kajian ini merupakan murid-murid sekolah rendah dan mereka tidak pernah menghasilkan grafiti. Justeru, proses eksperimentasi diperkenalkan bagi membolehkan murid-murid meneroka cara menggunakan cat semburan secara bebas. Selain itu, proses pengemasan dan penambahbaikan amat perlu dan dicadangkan dalam kajian ini kerana murid-murid sekolah rendah bukan artis grafiti yang telah menguasai kemahiran grafiti yang tinggi. Oleh itu, mereka memerlukan proses ini bagi membolehkan mereka menggunakan peluang ini untuk menambahbaik bahagian yang kurang puas hati.

Kajian ini juga telah membuktikan bahawa emosi negatif murid-murid boleh dikurangkan melalui aktiviti seni grafiti. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kebanyakan gangguan emosi murid dibantu melalui cara melukis. Namun, kajian ini menunjukkan keyakinan, kepuasan dan motivasi murid-murid dapat dipertingkatkan dan emosi-emosi negatif murid-murid dikurangkan semasa menghasilkan seni grafiti. Oleh demikian, guru-guru juga boleh menggunakan aktiviti seni grafiti ini sebagai salah satu aktiviti terapi seni untuk membantu murid-murid yang mengalami gangguan emosi.

Seterusnya, kajian ini juga mendedahkan pendekatan yang menarik kepada murid-murid yang mengalami gangguan emosi untuk mengekspresikan emosi mereka. Murid-murid dapat menggunakan saluran sedemikian untuk melepaskan emosi masing-masing dan berkongsi perasaan serta pandangan mereka terhadap ahli komuniti sekolah secara langsung. Menerusi kajian ini, murid-murid juga didedahkan

Universiti Malaya

dengan wadah yang betul untuk berkongsi perasaan mereka dan bukannya membuat contengan pada dinding, meja ataupun mana-mana sudut dalam kawasan sekolah.

Kajian ini juga menghuraikan impak seni grafiti terhadap murid-murid yang mengalami gangguan emosi. Dengan ini, ia mampu mengubah persepsi ahli komuniti sekolah terhadap aktiviti seni grafiti. Berdasarkan kajian ini, pembaharuan dan manfaat seni grafiti untuk komuniti sekolah adalah nyata dan bermakna. Seni grafiti bukan sekadar aktiviti seni visual, tetapi juga menyumbang kepada perkembangan psikososial dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Kajian ini menemukan bahawa penglibatan murid dalam proses penghasilan seni grafiti dapat meningkatkan keyakinan diri mereka. Pada mulanya, peserta kajian mungkin berasa bimbang dan teragu-ragu, tetapi melalui eksperimen dan bimbingan, mereka mampu mengatasi ketidakpastian tersebut dan menghasilkan karya seni dengan keyakinan yang meningkat.

Manfaat seni grafiti tidak hanya terbatas kepada pembangunan individu, tetapi juga membentuk dinamika komuniti sekolah secara menyeluruh. Kajian ini juga menekankan peranan seni grafiti dalam memperkukuhkan hubungan sosial dan semangat kebersamaan di kalangan murid-murid. Proses kolaboratif dalam menghasilkan grafiti menggalakkan komunikasi positif, toleransi dan penghargaan terhadap kepelbagaian pendapat. Selain itu, seni grafiti berpotensi sebagai alat untuk mengenali dan mengekspresikan emosi secara kreatif, memberikan peluang kepada murid untuk menyuarakan diri mereka dalam konteks yang konstruktif.

Universiti Malaya

Dalam konteks estetika dan identiti sekolah, seni grafiti dapat menjadi elemen yang memperindah dan memperkaya persekitaran pembelajaran. Karya seni grafiti yang dihasilkan oleh murid boleh menjadi bentuk seni awam yang memberi warna dan identiti unik kepada komuniti sekolah. Hal ini mencipta rasa kepunyaan dan kebanggaan terhadap lingkungan sekolah, sekaligus meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap kebersihan dan kelestarian persekitaran.

Manfaat seni grafiti juga melibatkan dimensi komunikatif dan penyampian mesej. Kajian ini mencatatkan bahawa seni grafiti dapat dijadikan medium untuk menyampaikan mesej positif dan menyokong nilai-nilai sosial di kalangan murid sekolah rendah. Dengan menyertakan unsur pendidikan dan nilai dalam karya seni grafiti, sekolah dapat menjadikan seni ini sebagai alat untuk mendidik dan memotivasikan murid.

Oleh itu, ia adalah penting bagi komuniti sekolah menyokong inisiatif seni grafiti dengan menyediakan sumber dan platform yang mencukupi serta mengembangkan lagi aktiviti seni grafiti sebagai suatu bentuk seni aliran perdana. Hal ini bukan sahaja akan memperkaya pengalaman pendidikan murid, tetapi juga membina persekitaran pembelajaran yang merangsang kreativiti, inklusif dan memupuk semangat kebersamaan. Dengan memahami dan mengapresiasi potensi seni grafiti, sekolah dapat menjadi tempat yang lebih dinamik dan membantu membentuk perkembangan holistik pelajar.

Di samping itu, kajian ini juga menyokong teori Leo Tolstoy (1897) (1878) yang mengutamakan seni, ekspresi dan komunikasi. Melalui kajian ini, jelas kelihatan

Universiti Malaya

bahawa seni grafiti dapat membantu murid-murid sekolah rendah untuk menyampaikan mesej-mesej mereka dengan melakukan aktiviti grafiti. Murid-murid boleh menggunakan fikiran atau perasaan mereka secara terus sebagai idea dalam karya grafitinya dan dikongsikan kepada ahli komuniti sekolah.

Secara kesimpulannya, jika dibandingkan dengan kajian-kajian lepas, kebanyakannya melibatkan murid sekolah menengah, mahasiswa atau seniman grafiti. Namun, kajian ini menonjolkan fokus khusus ke atas murid sekolah rendah. Kajian ini menonjolkan penglibatan murid sekolah rendah secara aktif dalam penghasilan seni grafiti, mencipta ruang inklusif dan kolaboratif. Penglibatan ini boleh mempengaruhi cara murid menyampaikan dan mengekspresikan emosi mereka melalui seni grafiti, membezakannya dari kajian lepas yang mungkin kurang menekankan elemen penglibatan murid secara aktif. Dengan memberikan tumpuan yang lebih mendalam kepada kumpulan ini, kajian ini juga dapat menghasilkan wawasan yang lebih khusus tentang bagaimana seni grafiti mempengaruhi perkembangan emosi dan psikososial pada peringkat awal pendidikan.

Selain itu, kajian ini juga memberikan tumpuan eksklusif kepada gangguan emosi, menggali secara mendalam kesan seni grafiti terhadap kemurungan dan tekanan emosi. Perbezaan ini menjadi signifikan kerana ia memfokuskan penyelidikan pada isu yang lebih spesifik. Pembaharuan kajian ini juga dapat dilihat pada pemilihan seni grafiti sebagai medium terapeutik. Seni grafiti menjadi pilihan unik yang membolehkan murid-murid mengekspresikan emosi secara bebas dan kreatif. Keunikan kajian ini terletak pada penekanan khusus pada aspek terapeutik seni grafiti dan bagaimana aktiviti ini dapat memberikan manfaat positif terhadap kesejahteraan emosi murid. Ini

Universiti Malaya

memberikan dimensi baru kepada literatur dengan memberikan fokus pada potensi terapeutik seni grafiti.

Selanjutnya, kajian ini juga memberi penekanan atas manfaat positif pelaksanaan seni grafiti iaitu peningkatan keyakinan diri, mencapai kepuasan diri dan peningkatan motivasi diri dalam murid sekolah rendah. Kajian ini memberikan kontras yang penting dengan kajian lepas yang mungkin lebih tertumpu kepada aspek negatif atau stereotaip yang berkaitan dengan grafiti.

Implikasi kajian ini bukan sahaja meninjau kesan akhir seni grafiti, tetapi juga dalam menemui reka bentuk seni grafiti dan proses penghasilan seni grafiti yang sesuai oleh murid sekolah rendah. Proses ini bukan sahaja langkah praktikal dalam melukis di dinding tetapi juga merangkumi elemen kreatif dan eksperimen secara berterusan yang membawa kepada penemuan kreatif oleh murid.

Kajian ini meneroka cara murid sekolah rendah meneroka reka bentuk yang diinginkan, teknik baharu dan proses mengekspresikan diri mereka melalui langkah eksperimen dalam proses menghasilkan seni grafiti mereka. Guru atau fasilitator juga memainkan peranan penting dalam mengarah dan memudahkan proses kreatif ini, memberikan bimbingan, dan memberi inspirasi kepada pelajar.

Kajian ini juga menggunakan pendekatan metodologi kajian kes, memungkinkan penyelidik menyelidiki pengalaman murid-murid secara mendalam dan kontekstual dalam konteks seni grafiti. Pendekatan ini memberikan perspektif yang lebih kaya berbanding dengan kajian lepas yang mungkin menggunakan metodologi yang berbeza.

Universiti Malaya

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan sumbangan istimewa kepada literatur sedia ada dengan menggali aspek-aspek yang lebih mendalam dan kontekstual dalam pengkajian seni grafiti sebagai medium intervensi terhadap gangguan emosi murid sekolah rendah.

## 5.5. Cadangan untuk Kajian Masa Depan

Memandangkan kajian ini mempunyai beberapa kelemahan dan kekurangan, maka cadangan berikut dikemukakan untuk kajian masa depan:

1. Kajian ini dijalankan di salah sebuah sekolah rendah sahaja. Perkembangan kognitif dan emosi murid-murid sekolah rendah adalah berbeza dengan murid-murid sekolah menengah. Justeru, adalah dicadangkan kajian selanjutnya boleh dijalankan di sekolah menengah bagi meninjau keberkesanan seni grafiti dalam membantu mengatasi gangguan emosi murid-murid dalam peringkat yang berlainan.

2. Kajian ini hanya meliputi reka bentuk huruf dan gabungan huruf dengan simbol. Oleh itu, dicadangkan kajian seterusnya boleh memasukkan reka bentuk imej atau gabungan huruf dan imej.

3. Kajian ini hanya mengkaji reka bentuk dan proses seni grafiti yang sesuai di sekolah rendah serta penerokaan seni grafiti dalam membantu mengatasi gangguan emosi murid-murid. Namun, signifikan kajian terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru masih tidak diterokai. Lantaran itu, adalah dicadangkan kesan penggunaan seni grafiti terhadap perubahan emosi murid-murid dalam PdPc boleh dilaksanakan sebagai kajian lanjut.

Universiti Malaya

4. Kajian ini hanya menumpukan pada persepsi murid yang mengalami gangguan emosi sahaja. Justeru, maklumat yang diperolehi adalah berdasarkan tanggapan dan pandangan murid sahaja. Adalah dicadangkan kajian seterusnya dapat dijalankan dengan memasukkan pandangan guru kelas melalui kaedah temu bual terhadap emosi dan sikap murid dalam kelas setelah menjalankan seni grafiti bagi memperoleh informasi yang lebih mendalam.

## 5.6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini telah meneroka dan mendedahkan informasi yang berkaitan dengan seni grafiti secara terperinci misalnya reka bentuk grafiti, dan proses menghasilkan grafiti. Aktiviti seni grafiti juga dilihatkan sebagai satu aktiviti seni yang mampu membantu dalam mengatasi gangguan emosi murid-murid sekolah rendah. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti seni grafiti harus dijalankan sebagai salah satu wadah kepada murid-murid untuk meluahkan perasaan dan pendapat mereka agar pembelajaran murid turut meningkat. Akhir sekali, beberapa implikasi kajian dan cadangan bagi kajian lanjut turut dikemukakan supaya bermanfaat terhadap kajian masa depan.

Universiti Malaya

## RUJUKAN

[Photograph of graffiti - masterpiece 1]. (n.d.). https://www.pinterest.com/pin/360217670190157240/

[Photograph of graffiti - masterpiece 2]. (n.d.). https://www.pinterest.com/pin/125397170866485562/

[Photograph of graffiti - masterpiece 3]. (n.d.). https://www.pinterest.com/pin/317151998741969290/

[Photograph of graffiti - masterpiece 4]. (n.d.). https://www.pinterest.com/pin/417568196677796777/

[Photograph of tagging] (n.d.). https://www.flickr.com/photos/wolfgangjosten/with/52872193107/

[Photograph of throw-up graffiti in Amsterdam]. (n.d.). https://www.flickr.com/photos/wolfgangjosten/52872193107/

Alam, S. (2019). Analisis gaya graffiti wahyu coeasrt tahun 2014–2016. *Jurnal Seni Rupa, 7*(2).

Alexiou, C. (2017). *The conceptual notion of "the streets" in graffiti and street art: A search for its role, meaning and characteristics in the city of Utrecht* (Thesis). Netherlands: University of Utrecht

Universiti Malaya

Algozzine, B. (2017). *Toward an Acceptable Definition of Emotional Disturbance: Waiting for the Change. Behavioral Disorders, 42*(3)*, 136–144.* doi:10.1177/0198742917702117

Allen, M. (2017). Observational research methods. *The SAGE Encyclopedia of Communication Research Methods*. Doi:10.4135/9781483381411.n385

Alshreif, N. F. (2016). Multimodal writing: The case of graffiti. *Arab World English Journal (AWEJ)*, *7*(4).

Amilah Yani, W. (2016). Analisis Garis Dan Warna Graffiti Darbotz Pada Pameran Monster Inside Us. *Jurnal Seni Rupa*, *4*(02).

Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi berkesan. doi: 10.13140/RG.2.2.32123.31524.

Amran, Luqman Arif Abdul Karim & Siti Nur Mas Erah (2018). *Ramai yang murung* Diakses dari https://www.hmetro.com.my

Anwar, K. (2016). Panel Discussion and the Development of Students' Self Confidence. *English Language Teaching, 9*(4), 224-229.

Armawan, I. (2018, December). Media komunikasi pembangunan budaya dan politik generasi muda. In *Seminar Nasional Ilmu Komunikasi Politik 2018*, 1.

Universiti Malaya

Arnold, E. (2018). Aesthetic Appreciation of Tagging. *The Urban Planet: Knowledge Towards Sustainable Cities*, 400.

Assaf Zakharov, K., & Schnetgöke, T. (2020). Reading the Illegible: Can Law Understand Graffiti?. *Connecticut Law Review, Forthcoming*.

Avin, W.B. (2018). Bentuk bahasa komunikasi dalam seni grafiti sebagai media penyampaian pesan. *Padepokan grafiti salatiga. 3*. 146. https://doi.org/ 10.26887/bt.v3i2.527.

Avramidis, K., & Drakopoulou, K. (2012). Graffiti Crews' Potential Pedagogical Role. *Journal for Critical Education Policy Studies (JCEPS), 10*(1).

Avramidis, K., & Tsilimpounidi, M. (Eds.). (2016). *Graffiti and street art: Reading, writing and representing the city*. Taylor & Francis.

Baglioni, M., Poggi, G., Benavides, Y. J., Camacho, F. M., Giorgi, R., & Baglioni, P. (2018). Nanostructured fluids for the removal of graffiti–A survey on 17 commercial spray-can paints. *Journal of Cultural Heritage*, *34*, 218-226.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Bardhan, S., & Foss, K. A. (2020). Revolutionary Graffiti and Cairene Women. *Women Rising: In and Beyond the Arab Spring*, 267.

Universiti Malaya

Bernama (2016). *Mental health of Malaysian students cause of worry: Health Ministry.* Diakses dari www.nst.com.my

Bernier, M. (2019). Puppetry as an art therapy technique with emotionally disturbed children.

Bersson,R. (1982). Against Feeling: Aesthetic Experience in Technocratic Society. *Journal Art Education, 35*(4), 34-39. doi: 10.1080/00043125.1982.11653342

Binsawad, M., Sohaib, O., Hawryszkiewycz, I., & Aleidi, A. (2018). Individual Creativity Towards Technology Business Incubator Performance.

Blesso, M. D. (2016). *Perancangan Visual Book Pengetahuan dan Teknik Dasar Menggambar Graffiti Di Ruang Publik* (Doctoral dissertation, Institut Seni Indonesia Yogyakarta).

Boal, A. (1985). Theatre of the Opressed. Theatre Communications Group Inc

Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative research of education: An introductive to theories and methods* (4th ed.). Allyn and Bacon, Boston.

Brandstätter, V., Schüler, J., Puca, R. M., & Lozo, L. (2018). Motivation und emotion. Springer Berlin Heidelberg.

Universiti Malaya

Budyastomo, A. W. (2018). Bentuk bahasa komunikasi dalam seni grafiti sebagai media penyampaian pesan (studi kasus: padepokan grafiti salatiga). *Batoboh*, *3*(2), 146-156.

Buff Monster. (2015). *Christchurch*. Christchurch, New Zealand. https://www.buffmonster.com/gallery

Buff Monster. (2016). *The Seven Deadly Sins*. Montreal, Canada. https://www.buffmonster.com/gallery

Buff Monster. (2016). *The Seven Heavenly Virtues*. New Jersey, United States. https://www.buffmonster.com/gallery

Buff Monster. (2021). *Untitled*. https://www.buffmonster.com/gallery

Casas Gutierrez, L. P. (2017). *What about Graffiti?* (Doctoral dissertation, The Graduate School, Stony Brook University: Stony Brook.

Chapman, B.J., Fiscella, K., Kawachi, I., Duberstein, P. & Muennig, P. (2013) Emotion suppression and mortality risk over a 12-year follow-up. Journal of Psychosomatic Research. 75(4). 381-385. https://doi.org/10.1016/j.jpsychores.2013.07.014

Universiti Malaya

Chen, J., Wey, T. M. & Hsu, W. C. (2018). An exploration of learning art activities in children of divorced parents. *The Journal of Social Sciences Research, 4* (9), pp. 131-133. https://doi.org/10.32861/journal.7.2018.48.131.133

Cheng, C., & Chiang, Y. (2016). Effects of Graffiti Art on Emotion, Personality, and Learning Motivation of Junior High School Students. International Journal of Adolescence and Youth, 21(2), 204-214. https://doi.org/10.1080/02673843.2015.1100679

Cheng, Y., Mukhopadhyay, A., & Williams, P. (2020). Smiling signals intrinsic motivation. *Journal of Consumer Research, 46*(5), 915-935.

Cinar Umdu, D. & Ozturk, S. (2017). Street graffiti and residents attitude: Izmir city. *New Trends and Issues Proceedings on Humanities and Social Sciences. 4.* 130-138. https://doi.org/10.18844/prosoc.v4i11.2867.

Creswell, J. W. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed method* (5th ed.). SAGE Publications Inc, U.K.

Critchley, H. D., & Garfinkel, S. N. (2017). Interoception and emotion. *Current opinion in psychology*, *17*, 7-14.

David, N. (2016). *Evaluation of graffiti art works in greater Kuala Lumpur/David Novak* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Universiti Malaya

Dirgayunita, A., & Prasetiya, B. (2019). Restrukturisasi psikoterapi dan relaksasi emosi, otot untuk mengurangi insomnia. *(JKG) JURNAL KEPERAWATAN GLOBAL*, *4*(1), 25-34.

Downs, K. R., Caldarella, P., Larsen, R. A., Charlton, C. T., Wills, H. P., Kamps, D. M., & Wehby, J. H. (2019). Teacher praise and reprimands: The differential response of students at risk of emotional and behavioral disorders. *Journal of Positive Behavior Interventions, 21*(3), 135-147.

Dweck, C. S., & Bempechat, J. (2017). Children's theories of intelligence: Consequences for learning. In Learning and motivation in the classroom (pp. 239-256). Routledge.

Egan, T. E., Wymbs, F. A., Owens, J. S., Evans, S. W., Hustus, C., & Allan, D. M. (2019). Elementary school teachers' preferences for school-based interventions for students with emotional and behavioral problems. *Psychology in the Schools*, *56*(10), 1633-1653.

Erikson, E. H. (1993). *Childhood and society*. WW Norton & Company.

Etikan, I., Musa, S. & Alkassim, R. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics, 5*(1), 1. https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11

Universiti Malaya

Evans, G. (2016). Graffiti art and the city. *Routledge handbook of graffiti and street art*, 168-182.

Falardeau, M., & Muehlethaler, C. (2020). Distribution of aerosol paint droplets in open-and closed-space environments: Towards activity level evaluation. *Forensic Science International*, *306*, 110065.

Ferrari, A., & Oliveira, B. T. D. (2020). Markings in School: picha?? o, graffiti, and subjectivities in art education. *Educação e Realidade*, *45*(1). doi:10.1590/2175-623688923

Finchett-Maddock, L. (2019). In vacuums of law we find: outsider poiesis in street art and graffiti. In *The Palgrave Handbook on Art Crime* (pp. 855-880). Palgrave Macmillan, London.

Fiorilli, C., De Stasio, S., Di Chiacchio, C., Pepe, A., & Salmela-Aro, K. (2017). School burnout, depressive symptoms and engagement: Their combined effect on student achievement. *International Journal of Educational Research*, *84*, 1-12. https://doi.org/10.1016/j.ijer.2017.04.001

Fraser, A. (2016). Urban Prophets: Creating Graffiti as a Means of Negotiating the Constructs of Urban Public Spaces. *Stream: Interdisciplinary Journal of Communication*, *7*(2), 32-42.

Universiti Malaya

Froiland, J. M., Oros, E., Smith, L., & Hirchert, T. (2012). Intrinsic motivation to learn: The nexus between psychological health and academic success. *Contemporary School Psychology: Formerly" The California School Psychologist", 16*(1), 91-100.

Gabriel Ortiz van Meerbeke & Bjorn Sletto (2019). 'Graffiti takes its own space' Negotiated consent and the positionings of street artists and graffiti writers in Bogotá, Colombia. *City*, *23*(3), 366-387.

Gao, B., Zhang, X., & Xu, W. (2018). Design of an Extrusion Painting Test Device with Preheating and Self-cleaning. In *Applied Sciences in Graphic Communication and Packaging* (pp. 571-578). Springer, Singapore.

Garwood, J. D., & Moore, T. (2019). School Connectedness Insights for Teachers Educating Youth with a Severe Emotional Disturbance in Residential Treatment. *Residential Treatment for Children & Youth*, 1-13. doi: 10.1080/0886571X.2019.1707145

Gentles, S. J., Charles, C., Ploeg, J., & McKibbon, K. (2015). Sampling in qualitative research: Insights from an overview of the methods literature. *The Qualitative Report, 20*(11), 1772-1789. Retrieved from https://nsuworks.nova.edu/tqr/vol20/iss11/5

Universiti Malaya

Gkolia, P., Tsapakidou, A., & Mantzios, M. (2019). The effect of a graffiti art program on adolescent mental health: A quasi-experimental study. *Arts & Health, 11*(3), 188-203. https://doi.org/10.1080/17533015.2019.1598016

Graf, A. M. (2016, September). Describing an Outsider Art Movement from Within: The AAT and Graffiti Art. In *Knowledge Organization for a Sustainable World: Challenges and Perspectives for Cultural, Scientific, and Technological Sharing in a Connected Society. Proceedings of the Fourteenth International ISKO Conference* (pp. 27-29).

Graves, L. (2018). The impact of refusal of accommodations by high school students with learning disabilities, emotional disturbance, or other health impairment on their attendance and discipline referral rates.

Gray, S. & Lee, R. Y. (2019). Textbook graffiti as a critical, multimodal classroom activity for Korean elementary EFL students. *STEM Journal, 20* (2), pp. 43-66. https://doi.org/10.16875/stem.2019.20.2.43

Green, A. R. (2018). Visual Expressive Arts Therapy with Children: Fostering Multicultural Competency. *Emerging Perspectives: Interdisciplinary Graduate Research in Education and Psychology*, *2*(1), 1-13.

Gross, D. D., & Gross, T. D. (2016). The meaning of graffiti: an interpretation. *ETC: A Review of General Semantics*, *73*(4).

Universiti Malaya

Gruber, C. (2018). Gezi Graffiti: Shout-Outs to Resistance and Rebellion in Contemporary Turkey. *Scribbling through History: Graffiti, Places and People from Antiquity to Modernity*, 83-94.

Hammarberg, K., Kirkman, M. & de Lacey, S. (2016). Qualitative research methods: When to use them and how to judge them. *Human Reproduction, 31*(3), 498–501. https://doi.org/10.1093/humrep/dev334

Hedegaard, Mariane (2014) Exploring Tension and Contradictions in Youth's Activity of Painting Graffiti. *Culture and Psychology 20* (3):387–403. https://doi.org/10.1177/1354067X14542526.

Hodzori, N. K., Majid, L. A., & Abdullah, W. N. W. (2020). Pembudayaan Positif Membentuk Akhlak Remaja Berpacaran. *Jurnal Sains Insani*, *5*(1), 8-13.

Hoover, M. (2018). Exploring the Secrets of the Symbol.

Hosein, S. R. (2016). US researchers explore the impact of depression on heart attack risk. *Canadian AIDS Treatment Information Exchange*.

Ibda, F. (2015). Perkembangan kognitif: teori jean piaget. Intelektualita, 3(1).

Iljadica, M. (2016). *Copyright beyond law: regulating creativity in the graffiti subculture*. Bloomsbury Publishing.

Universiti Malaya

Intan Mas Ayu Shahimi. (2018) Kesihatan mental remaja. *My Metro*. Diakses dari https://www.hmetro.com.my

Jeffrey Ian Ross (2016). Routledge Handbook of Graffiti and Street Art. Abingdon, United Kingdom:Routledge.

Karso, K. (2019, February). Keteladanan guru dalam proses pendidikan di sekolah. In *prosiding seminar nasional program pascasarjana universitas pgri palembang 12*(1).

Khotimah, E. K., & Budiyono, A. (2019). Reduksi Tingkat Stress pada Komunitas Purbalingga Street Art melalui Graffiti dan Mural. *Jurnal Ilmu Dakwah*, *39*(2), 112-125.

Kim, Y. S., Kim, Y., & Kim, K. H. (2016). Interactive digital graffiti canvas system. *Computer Animation and Virtual Worlds*, *27*(2), 113-121.

Klingman, A., Shalev, R., & Pearlman, A. (2000). Graffiti: A creative means of youth coping with collective trauma. *The Arts in Psychotherapy, 27*(5), 299-307.

Kramer, R. (2017). The "Clean Train" Era: Creating a Space for the Legal Production of Graffiti. In *The Rise of Legal Graffiti Writing in New York and Beyond* (pp. 35-60). Palgrave Macmillan, Singapore.

Universiti Malaya

Lamovec, M. (2019). What Protections Are Available to Graffiti Artists. *Cybaris Intell. Prop. L. Rev.*, *10*, 117.

Lane, K. J. (2018). *Building Coping Skills, Emotional Regulation, and Insight in Preadolescent Girls: An Expressive Art Therapy Program Developmental Model* (Doctoral dissertation, Capella University).

Lee, B. F. C., & Wong, L. Y. H. (2018). The effects of a graffiti art program on at-risk youth's psychosocial development. International Journal of Art Therapy, 23(2), 85-94. https://doi.org/10.1080/17454832.2018.1432123

Lee, P. T., & Ackley, H. S. (2017). *U.S. Patent Application No. 14/824,455*.

Leo Tolstoy (1897), E. (1878). L'Esthétique. *English translation*.

Liau, S. F. (2018) Implementation of arts education in Malaysian primary schools: The teachers' perspective. In Mohd Kipli Abdul Rahman, C.S.C. Chan, Zaharul Lailiddin Saidon, C. Augustine & S. Maniam (Eds.), *Proceedings of the 3rd International Music and Performing Arts Conference* (pp. 245-250). Tanjong Malim: Faculty of Music and Performing Arts, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Losinski, M. & Hughey, J. & Maag, J.W. (2016). Beyond Behaviour. *Therapeutic Art: Integrating the Visual Arts into Programming for Students with Emotional and Behavioral Disorders. 25*. 27-34. doi: 10.1177/107429561602500105

Luvaso, A. (2019). Graffiti: A New Dimension in School Discipline in Secondary Schools in Kenya.

Madlan, L., Asnawi, A. A., Seok, C. B., & Mutang, J. A. (2019). Penilaian psikometrik kecerdasan emosi sosial: the emotional quotient inventory youth version (eq-i: yv) di Malaysia. *e-Bangi*, *16*(5).

Masnah, M. (2020). Konsep diri artis street art dalam menghasilkan mural "kritik sosial" di Jakarta. *Jurnal Sosial dan Humaniora*, *5*(9).

Miller, Q. D. (2016). Graffiti as an Art Form.

Mitman, T. (2018). Kick the hive, get the bees: graffiti writers as assemblage and direct action political actors in their battle against H&M. *Palgrave Communications*, *4*(1), 1-6.

Moch Fawzi & Muhajir (2016). Analisis Karya Seni Graffity Sleepy (Doctoral dissertation, State University of Surabaya). *Jurnal Pendidikan Seni Rupa, 4*(2), 244-252.

Moran, S., & Gardner, H. (2018). Hill, skill, and will: executive function from a multiple-intelligences perspective.

Muhammad Falihin Jasmi & Nik Hanita Nik Mohamad (2018). Public Art Roles in Malaysian Urban Landscape. *Asian Journal of Quality of Life*, *3*(10), 121-130.



Universiti Malaya

Navarro, J. R. (2020). Graffiti Grrlz: Performing Feminism in the Hip Hop Diaspora by Jessica Nydia Pabón-Colón. *TDR: The Drama Review*, *64*(1), 173-174.

Neuman, W. L. (2014). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches* (7th ed.). Pearson, U.K.

Niedenthal, P. M., & Ric, F. (2017). *Psychology of emotion*. Psychology Press.

Nisreen Al-khawaldeh, Imad Khawaldeh, Baker Bani-Khair & Amal Al-Khawaldeh. (2017). An exploration of graffiti on university's walls: A corpus-based discourse analysis study. *Indonesian Journal of Applied Linguistics. 7*.(29). https://doi.org/10.17509/ijal.v7i1.6856.

Nor Affizar Ibrahim (2018).*Tambah khidmat kaunselor profesional, tangani masalah sosial*. Diakses dari https://www.bharian.com.my

Nor Izana Mohd Shobri, Siti Rasidah Md Sakip & Noorlida Daud (2017). Public perception towards Graffiti art in Malaysia. *Advanced Science Letters*, *23*(7), 6203-6207. https://doi.org/ 10.1166/asl.2017.9236.

Noradilah Binti Abdul Wahab, Mohd Shahril bin Othman & Najmi Muhammad (2017). Emotional Disorders and Effects on Student Behavior. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. 7.* 2222-6990. https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i8/3217

Universiti Malaya

Nordmarker, A. (2016). Graffiti–For Joy and Confirmation. Motivational aspects, triggering and inhibiting factors, and emotional satisfactions in graffiti: The creative-interactive dimension of vandalism.

Oduor, O. O. (2019). *Conceptualizing Graffiti as a Tool for Social Change in Nairobi* (Doctoral dissertation, University of Nairobi).

Olaluwoye, L., & Ogungbemi, O. D. (2020). A Sociolinguistic Investigation of Toilet Graffiti among Male Students of the University of Ibadan. *KIU Journal of Social Sciences*, *5*(4), 167-175.

Paliziyan, A., Mehrabizade Honarman, M., & Arshadi, N. (2018). Symptoms of oppositional defiant in students: the predicting role of emotion regulation, schema, and vandalism. *International Journal of High Risk Behaviors and Addiction*, *7*(3).

Pallini, S., Vecchio, G. M., Baiocco, R., Schneider, B. H., & Laghi, F. (2019). Student–teacher relationships and attention problems in school-aged children: The mediating role of emotion regulation. School Mental Health, 11(2), 309-320.

Paudel, J., & Neupane, P. (2019). Contents and the language used in graffiti: A case of Kathmandu Valley. *Journal of NELTA*, *24*(1-2), 52-76.

Prasetyo, I. A. (2020). *Bomber Graffiti sebagai Metafor dalam Seni Grafis* (Doctoral dissertation, Institut Seni Indonesia Yogyakarta).

Universiti Malaya

Prof Dr Mansor Abu Talib (2019). *Harapan baharu kesejahteraan mental rakyat.* Diakses dari ttps://www.bharian.com.my

Punch, K. F. (2014). *Introduction to social research: Quantitative and qualitative approaches* (3rd ed.). SAGE, U.K.

Rabiega, P. R., & Burger, M. (2017). Commercial graffiti: self-expression, the allure of danger, or graffiti made “pretty”?. *Communicatio*, *43*(1), 37-57.

Rafidah Kastawi & Noriah Mohd Ishak, 2016. *Terapi Seni Dalam Kaunseling Pelajar Pintar dan Berbakat*

Razali, N. A. N., & Shahidan, S. A. (2019). Graffiti Art: An Alternative Tool for Urban Regeneration in Malaysia. *International Journal of Engineering and Advanced Technology (IJEAT), 8*(5), 125-129.

Renfu, Q. I. U. (2016). The Unique Educative Value of Primary and Secondary School Art. *Journal of Tianjin Normal University (Elementary Education Edition)*, (1), 11.

Rorlinda Yusof, Noriah Mohd Ishak, Jamaliah Hamdan, Aishah Hassan, Afifah Mohd Radzi, Tengku Elmi Azlina Tengku Muda (2017). Kajian isu-isu sosio-emosi dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat di malaysia study on socio-emotional issues among gifted and talented student in malaysia. *Jurnal penyelidikan dan inovasi 4*(1). e-ISSN 2289-7909

Universiti Malaya

Ross, J. I. (Ed.). (2016). *Routledge handbook of graffiti and street art*. Routledge.

Ryan, T. G. (2019). Naturalistic observation of engagement and disengagement within professional development in education. *International Online Journal of Education and Teaching (IOJET), 6*(1), 37-54. Retrieved from http://iojet.org/index.php/IOJET/article/view/394

Said, I., & Mohd Nor, K. A. (2017). Street Art as a New Source of Urban Economic Development in Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 2*(7), 1-11.

Saiful Ikhmal Bin Zainodin (2018). Seni Lukisan Jalanan Mural Dan Graffiti : Estetika Dan Pandangan Masyarakat. doi:10.13140/RG.2.2.29926.93763.

Salau, J. A., Abdullah, Q. D. L., Hamid, S. A., & Jali, A. (2018). Developing a conceptual framework of street arts project in preserving the malaysian culture. *Journal of Business and Social Development*, *6*(1), 84-93. ISSN: 2289-2915

Salmah, S. (2015). Youth Vandalism Attitude in Yogyakarta. *Media Informasi Penelitian Kesejahteraan Sosial, 39*(1), 15-29.

Santos, G. D. & Varandas, E. (2016). Bringing street art to school: Open to include. *Journal of Research in Special Education Needs, 16* (1), pp. 285-289. https://doi.org/10.1111/1471-3802.12290

Universiti Malaya

Sarena Abdullah & Norshahidan Mohamad. (2015). Incorporation and exploration of local imageries and identities in Malaysia's graffiti art. *Journal of Visual Art and Design, 7* (1), 39-52. https://doi.org/10.5614/j.vad.2015.7.1.4

Seixas, A. A., Vallon, J., Barnes-Grant, A., Butler, M., Langford, A. T., Grandner, M. A. & Jean-Louis, G. (2018). Mediating effects of body mass index, physical activity, and emotional distress on the relationship between short sleep and cardiovascular disease. *Medicine*, *97*(37). https://doi.org/10.1097/MD.0000000000011939

Seok, H., Joo, Y., & Nam, Y. (2020). An Analysis of the Sustainable Tourism Value of Graffiti Tours through Social Media: Focusing on TripAdvisor Reviews of Graffiti Tours in Bogota, Colombia. *Sustainability*, *12*(11), 4426.

Shobe, H. (2020). Graffiti as Communication and Language. *Handbook of the Changing World Language Map*, 3155-3172.

Simning, A., Seplaki, C. L., & Conwell, Y. (2018). The association of a heart attack or stroke with depressive symptoms stratified by the presence of a close social contact: findings from the National Health and Aging Trends Study Cohort. *International journal of geriatric psychiatry*, *33*(1), 96-103.

Skjott Linneberg, M. & Korsgaard, S. (2019). Coding qualitative data: a synthesis guiding the novice. *Qualitative Research Journal*, *19*(3), 259-270. https://doi.org/10.1108/qrj-12-2018-0012

Universiti Malaya

Snyder, G. J. (2017). Long live the tag: Representing the foundations of graffiti. *Graffiti and Street Art: Reading, Writing and Representing the City, London and New York: Routledge*, 264-273.

Stern, D. H. (2016). Navigating the legal landscape of a subversive art form: Protecting expression and neglecting embodiment. *Chicago-Kent Journal of Intellectual Property*, *15*(2), 555.

Su, FH., Hsu, Y. (2022). Design Education for Students with Disabilities: A Technical Graffiti Course in a High School. In: Rau, PL.P. (eds) Cross-Cultural Design. Applications in Business, Communication, Health, Well-being, and Inclusiveness. HCII 2022. Lecture Notes in Computer Science, vol 13313. Springer, Cham. https://doi.org/10.1007/978-3-031-06050-2_29

Suzuki, I., Yoshimitsu, S., Kawahara, K., Ito, N., Shinoda, A., Ishii, A., ... & Ochiai, Y. (2016). Gushed light field: design method for aerosol-based fog display. In *SIGGRAPH ASIA 2016 Posters* (pp. 1-2).

Taylor, M. F., Pooley, J. A., & Carragher, G. (2016). The psychology behind graffiti involvement. *Jeffrey Ian Ross und Jeff Ferrell (Hg.): Routledge Handbook of Graffiti and Street Art. New York: Routledge*, 194-203.

Tolstoy, L. (1897). *What is Art*. New York.

Universiti Malaya

Tripathi, Nishi. (2016). Effect of Art Therapy ans Counseling on Adoescents. https://doi.org/10.13140/RG.2.2.30156.41600.

Westenberger, P. (2019). Copyright Protection of Illegal Street and Graffiti Artworks. Cambridge University Press.

White, A. (2018). From primitive to integral: the evolution of graffiti art. *Journal of conscious evolution*, *11*(11), 1.

Widagdo, M. B. (2016). Dramatisme Dalam Strategi Penuangan Gagasan Melalui Street Art Komunitas Visual Grafis. *Jurnal Ilmu Sosial*, *15*(1), 24-34.

Wimar B, A. (2018). Bentuk Bahasa Komunikasi Dalam Seni Grafiti Sebagai Media Penyampaian Pesan. *Studi Kasus: Padepokan Grafiti Salatiga. Batoboh. 3*. 146. doi: 10.26887/bt.v3i2.527.

Wu, H., & Li, G. (2020). Visual communication design elements of Internet of Things based on cloud computing applied in graffiti art schema. *Soft Computing*, *24*(11), 8077-8086.

Xu, L. (2017, December). Exploration of Graffiti Art in Children's Art Teaching Reform. In *2017 7th International Conference on Mechatronics, Computer and Education Informationization (MCEI 2017)*. Atlantis Press.

Universiti Malaya

Xu, L. (2017, July). Practical Research on Creative Graffiti for Children. In *2017 7th International Conference on Social Network, Communication and Education (SNCE 2017)*. Atlantis Press.

Xu, Y. (2017, May). Advertisement Effect of Graffiti-art. Taking 3D Stereograph as an Example. In *3rd International Conference on Arts, Design and Contemporary Education (ICADCE 2017)*. Atlantis Press.

Zimmer, L. (2017). *The art of spray paint: inspirations and techniques from masters of aerosol*. Rockport Publishers.

Universiti Malaya